

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEDUA BELAS  
PENGKAL KELIMA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

<b>Bil. 41</b>	<b>Selasa</b>	<b>2 Oktober 2012</b>
----------------	---------------	-----------------------

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan 2013	(Halaman 27)
<b>USUL-USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 26)
Usul Anggaran Pembangunan 2013	(Halaman 27)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**Selasa, 2 Oktober 2012**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**  
**DOA**  
[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]** minta Perdana Menteri menyatakan perkembangan kadar pendapatan isi rumah dan KDNK negara sejak awal kemerdekaan hingga tahun 2012 ini dan sejauh mana perkembangan ekonomi domestik berjaya menjadi pemangkin kepada kekuatan ekonomi negara sejak merdeka hingga kini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Sri Gading. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyiasatan pendapatan isi rumah mula dilaksanakan kerajaan pada 1970 dan terakhir pada tahun 2009. Sehubungan ini bagi tempoh 1970 hingga 2009, pendapatan kasar bulanan isi rumah purata negara meningkat sebanyak 7.2% setahun daripada RM264 sebulan pada tahun 1970 kepada RM4,025 sebulan pada tahun 2009. Kadar peningkatan pendapatan isi rumah purata ini adalah lebih tinggi berbanding purata kadar inflasi sebanyak 3.4% setahun, mencerminkan kuasa beli isi rumah yang terus meningkat dalam suasana paras harga yang terkawal. Kejayaan ini adalah hasil pelaksanaan dasar pembangunan yang sentiasa memberi penekanan kepada usaha membina keupayaan terutama dalam bidang pendidikan dan latihan serta peluang pekerjaan dan perniagaan berikutan pengembangan pusat aktiviti ekonomi dan pembangunan infrastruktur.

Soalan yang kedua itu, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada harga benar pula telah berkembang sebanyak 6.1% setahun dalam tempoh 1957 hingga 2011. Sehubungan ini KDNK per kapita negara meningkat 7% setahun dari RM787 pada tahun 1957 kepada RM29,661 pada tahun 2011. Dasar ini untuk mempelbagaikan ekonomi turut menyumbang kepada transformasi ekonomi daripada sebuah negara berasaskan komoditi dan pertanian kepada sebuah negara berasaskan pembuatan, *manufacturing* dengan izin, yang mana pada tahun 1986 menyaksikan sumbangan sektor pembuatan kepada KDNK telah mengatasi sektor pertanian. Malah dalam sektor pertanian sendiri turut menyaksikan perubahan dengan kelapa sawit menjadi penyumbang utama.

Terkini pada tahun 2011, penyumbang utama pertumbuhan adalah sektor perkhidmatan, *services* dengan izin yang mana ia menyumbang 58% kepada KDNK berbanding 40% pada tahun 1957.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengajaran dari krisis kewangan Asia pada tahun 1997 dan 1998 telah menunjukkan betapa pentingnya negara meningkatkan daya tahan dari ketidaktentuan sektor luar negara. Pelbagai dasar telah dilaksanakan untuk menggiatkan sumber pertumbuhan dalam negara atau dengan izin *endogenous, driven road*. Antaranya usaha menggiatkan pelaburan swasta dan awam untuk meningkatkan potensi pertumbuhan negara di samping kemapanan pertumbuhan penggunaan swasta sebagai penyumbang utama pertumbuhan dengan memastikan pendapatan boleh guna rakyat yang sentiasa meningkat.

Sehubungan ini walaupun dalam keadaan sektor luar negara yang lemah pada tahun 2012, pertumbuhan 5.1% pada separuh pertama 2012, sebahagian besarnya telah disumbangkan oleh ekonomi domestik terutamanya pelaburan dan penggunaan dari sektor awam dan swasta. Malah pada tahun 2011 dan separuh tahun pertama 2012 turut menyaksikan sumbangan pelaburan swasta yang lebih tinggi berbanding pelaburan awam iaitu meningkat kepada kira-kira 60% daripada jumlah pelaburan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan jelas, terang dan amat difahami. Syukur *alhamdulillah* Tuan Yang di-Pertua. Syukur *alhamdulillah* negara kita terus melangkah ke hadapan. Terima kasih dan tahniah kepada kepimpinan kita dari dulu, Perikatan. Hari ini Barisan Nasional.

Apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri jelas di mana kemajuan kita dari semasa ke semasa terus ke depan. Ini seperti mana pepatah Melayu Tuan Yang di-Pertua yang rakyat harus ingat; 'yang pipih bukan datang melayang, yang bulat bukan datang bergolek'. Ia dilaksanakan, diusahakan, difikirkan. Tindakan-tindakan positif yang dibuat oleh para pemimpin Barisan Nasional Tuan Yang di-Pertua. Ini hari digarisbawahkan oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional.

#### ■1010

Jadi kalau ini jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, jelas menolak dakwaan Ketua Pembangkang semalam. Semalam Ketua Pembangkang kata rakyat negara ini yang maha kaya bertambah kaya, yang miskin bertambah miskin.

**Seorang Ahli:** Soalannya apa?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Soalannya, hendak soal lah ini. Tengah bersoal lah ini. Jadi, maknanya menjawab putar belit pembangkang hari ini. Ini jawapan rasmi daripada kerajaan angka-angka yang boleh kita terima pakai dan boleh dipertanggungjawabkan. Tahniah kerajaan, terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tiga tahun lebih dia memimpin negara ini, terus ke depan. Rakyat dan negara ini tidak pernah undur ke belakang, makin hari makin ke depan. Makin hari makin ke depan,

*alhamdulillah*. Sehingga hari ini RM29,000 pendapatan isi rumah kita. Satu lonjakan yang luar biasa.

Pertanyaan saya, apakah asas-asas pengukuhan ini dapat kita pertahankan? Satu. Apakah unjuran agaknya sehingga menjelang subuh 2020, negara kita ini akan keluar menjadi negara yang maju, antara negara yang maju di dunia? Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas kesabaran Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa memang menjadi pengetahuan umum bahawa bajet yang telah dipaparkan telah difikirkan sedalam-dalamnya dan semasak-masaknya. Akan tetapi kalau ada yang membuat heboh, meludah ke langit timpa hidung sendiri, tiada sapu tangan untuk ku beri. Itu dia punya konsep. *So*, tidak payah kita hebohkan, tidak payah. Kerana benda ini tetap akan berlaku. Sebagai pembangkang, memang itu cara budaya mereka.

Kita teruskan dengan perjuangan kita kerana lima fokus utama dalam bajet kalau kita betul-betul mencernanya, adalah merangsang aktiviti pelaburan. Saya sudah kata tadi dalam jawapan bahawa domestik telah bantu kita untuk mempertahankan taufan kegawatan ekonomi dunia. Maka, prinsip itu telah bantu kita dan kita teruskan dengan pelaburan-pelaburan.

Kedua, memperkasakan pendidikan dan latihan untuk meninggikan produktiviti, memperkasakan modal insan supaya kita boleh bersaing di persada dunia kerana cara dahulu kita buat kerja-kerja biasa sudah tidak boleh. Kita gunakan teknologi kemahiran tertentu. Kemudian, membudayakan inovasi, meningkatkan produktiviti ini. Membenarkan SME kita menggunakan cara-cara baru, teknologi baru untuk menjana produktiviti. Konsolidasi fiskal, ini saya balik semula, iaitu kita mengurus kewangan kita dengan baik. Itu sebab kita akan kurangkan defisit negara dalam bajet ini. Pasal tohmahan sebelah sana peluru teruk... *[Disampuk]* Tidak payahlah. Terima kebenaran.

Okey, dan akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, adalah kesejahteraan rakyat. Itu menjadi induk kita. Itu sebab kali ini tengok bajet, rakyat jadi fokus. Rakyat didahulukan. Perumahan begitu banyak peruntukan kewangan untuk perumahan, BR1M dan sebagainya, supaya wang itu diputarakan di bawah kepada orang yang kurang berada. Keluarga isi rumah tetap sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selepas itu kedua-dua orang itu, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Yang Berhormat Sri Gading berpidato bajet, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab dengan *persist* dan tetap jitu? Ini kerana kita ada 41 soalan dan ini sudah mengambil masa 15 minit.

**Seorang Ahli:** Cepatlah, soalnya.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh bandingkan pelaburan, kerana kemajuan yang disebutkan tadi, pelaburan di Malaysia berbanding dengan negara-negara seperti Indonesia dan Thailand? Kedua, bagaimana jurang

pendapatan dapat dirapatkan di dalam sejak 55 tahun lampau? Macam mana kebajikan untuk semua rakyat dapat ditingkatkan?

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kepong. Kalau Yang Berhormat tanya, saya dengar sahaja pasal cara dia tanya pun sopan. Maka, tiga perkara yang dibangkitkan adalah pelaburan.

Kalau Yang Berhormat dari Kepong tidak faham konsep ETP di mana Greater Kuala Lumpur telah menjana pelaburan yang begitu tinggi sekali khususnya lima sektor. Sungai Besi, dua *financial hub*, KLFID di Jalan Imbi, Sungai Buloh akan dijanakan, MRT telah dimajukan. *Corridor development* macam di Iskandar sekarang pelaburannya begitu banyak sekali. Di *eastern corridor*, ECER, NCIA, Sabah dan Sarawak telah menjana pelaburan ini begitu tinggi. Ini akan mempunyai kesan-kesan sampingannya kepada pendapatan isi rumah.

Kedua, yang ditanya ialah jurang perbezaan antara miskin dan kaya, *Gini-coefficient* yang dikatakan tadi. Inilah menjadi kita punya fokus supaya kita tidak mahu negara ini, kekayaannya tidak diagihkan secara adil kepada semua rakyat. Itu sebab kita ada mekanisme-mekanisme bantuan dalam bajet sendiri kali ini dan juga dahulu untuk bantu golongan ini khususnya dari segi *capacity building* dan bantuan kebajikan. Saya tidak ada masa untuk beri maklumat-maklumat terperinci. Saya minta supaya Yang Berhormat perincikan bajet. Memang, dan saya rasa Yang Berhormat Kepong tahu, *deep in your heart sir*, dengan izin, *you know that we are doing our best to help the poor. Richness scale, deep in your heart, sincerely you will know*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**2. Dato' Haji Taib Azamuddin Md. Taib [Baling]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, jumlah usahawan luar bandar terutama daerah Baling, Sik dan Ulu Perak yang telah mendapat faedah daripada Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) dan nyatakan jenis-jenis perusahaan yang dilakukan oleh usahawan tersebut.

**Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Terima kasih Yang Berhormat Baling. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, semenjak Skim Pembiayaan Ekonomi Desa ataupun (SPED) dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bermula 10 Januari 2001, seramai 2,808 orang usahawan bumiputera luar bandar telah mendapat pembiayaan bagi menjalankan perniagaan perusahaan di luar bandar. Jumlah pembiayaan yang diluluskan adalah sebanyak RM282 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat, daripada jumlah tersebut, seramai 50 orang usahawan yang terlibat adalah peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha dari daerah Baling, Sik dan Ulu Perak. Jumlah pembiayaan yang diluluskan kepada mereka adalah sebanyak RM5,792,693. Usahawan-usahawan yang dibiayai di daerah-daerah tersebut adalah terlibat di dalam industri-industri berikut:

- (i) industri pembuatan seperti perusahaan ais kiub, pengeluaran makanan ikan pekasam, roti, kek dan pastri serta pengeluaran produk kraf tangan;
- (ii) industri perkhidmatan seperti stesen minyak mini luar bandar, bengkel pembaikan kenderaan, pasar mini serta stokis produk kecantikan dan kesihatan; dan
- (iii) industri pertanian dan penternakan seperti tanaman, cili fertigasi, ternakan kambing dan ternakan lembu.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, jumlah usahawan ini adalah berdasarkan kepada bilangan permohonan SPED yang diterima dari daerah-daerah tersebut dan kementerian ini tidak menetapkan sebarang kuota ke atas sesebuah negeri atau daerah.

Berdasarkan kajian penilaian *outcome* yang dijalankan kementerian ini pada tahun 2010, seramai 84% dari usahawan yang dibiayai berjaya mencatat peningkatan jualan manakala seramai 87% usahawan berjaya mencatat keuntungan selepas mendapat pembiayaan SPED. Sementara itu, berdasarkan aspek keusahawanan pula, didapati 83% orang usahawan berjaya meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang perniagaan dan 75% orang usahawan berjaya meningkatkan pengurusan akaun dan kewangan perniagaan yang diceburi.

#### ■1020

Faktor peningkatan ini disumbangkan oleh kursus kewangan dan akaun yang diberi secara percuma kepada usahawan-usahawan setelah pinjaman diluluskan. Berdasarkan hasil kajian ini juga seramai 43 orang atau 86% responden kursus daripada kawasan Kedah dan Perak utara mencatat peningkatan pendapatan sebanyak 20% iaitu purata dalam lingkungan RM4,000 hingga ke RM5,000 sebulan dalam tempoh melebihi setahun selepas pengeluaran SPED.

Melalui maklum balas yang diterima, pembiayaan SPED turut membantu meningkatkan pendapatan responden. Peningkatan ini banyak disumbangkan melalui faktor-faktor berikut:

- (i) Kemudahan geran sebanyak 30% telah membantu usahawan Bumiputera khususnya yang baru memulakan perniagaan, meringankan bebanan bayaran balik pinjaman SPED dan memberi kesan langsung kepada pengurangan kos perniagaan;
- (ii) peningkatan jualan dan pasaran membantu usahawan meningkatkan hasil perniagaan;
- (iii) melalui pengurusan kewangan dan perakaunan yang bersistem membantu usahawan bumiputera luar bandar mengawal dan merancang perbelanjaan syarikat perniagaan; dan

- (iv) penilaian permohonan berdasarkan kepada kemampuan bayar balik pinjaman telah memastikan operasi perniagaan dapat berkembang dengan baik dan akhirnya dapat menjana pendapatan daripada penjualan produk-produk yang dikeluarkan.

Secara umumnya, pelaksanaan SPED ini telah berjaya melahirkan usahawan bumiputera dalam bidang ekonomi daripada kalangan penduduk luar bandar. Terima kasih.

**Dato' Haji Taib Azamuddin Md. Taib [Baling]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang datang sendiri untuk menjawab soalan ini. Tahniah kepada pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah atas inisiatif dan usaha yang telah dilakukan ini.

Satu yang tidak dapat kita nafikan bahawa ekonomi desa adalah merupakan salah satu nadi kepada sebahagian besar rakyat di negara ini. Lebih-lebih lagi di kawasan-kawasan sebagaimana di perbatasan dan di pedalaman. Apakah pihak kementerian akan mempertingkatkan lagi skim ini supaya keutamaan diberikan kepada usaha-usaha untuk pengeluaran makanan dan juga pembuatan? Lebih-lebih lagi dalam usaha kita menjanakan hab halal ini supaya hab halal ini bukan sahaja monopoli atau dikuasai oleh syarikat-syarikat atau pihak-pihak yang telah pun mempunyai tahap kemampuan dan keupayaan yang begitu tinggi.

Ramai orang kampung tidak faham apa cerita itu hab halal sedangkan mereka ada buah-buahan. Buah-buahan mereka terbiar begitu sahaja pada musim buah. Ada cempedak, cempedak tidak laku. Durian pun tidak tentu ke mana. Rambutan akhir sekali buruk bawah pokok. Jadi, apakah kita tidak boleh memberi satu intensif supaya produk pengeluaran ini dapat bukan sahaja ditinkan tetapi berdaya maju untuk dieksport misalnya.

Kalau kita dapat lakukan ini saya rasa dan saya yakin bahawa penghijrahan tenaga-tenaga muda terutama sekali daripada kampung ke bandar akan dapat kita bendung, dapat kita kurangkan. Di mana salah satu punca penghijrahan ini ada yang membawa kepada unsur-unsur yang negatif, banyak melahirkan gejala-gejala yang tidak sihat. Jadi kalau mereka boleh tumpu di kampung, di tempat mereka dengan produk-produk ini, maka kita yakin bahawa ekonomi desa sudah tentu akan meningkat. Kemudian, *survival* ummah terutama sekali di kampung akan dapat diperkukuhkan lagi. Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Baling. Soalan yang amat baik. Memang ada tujuan kementerian setelah meninjau dengan dekat perkembangan perjalanan bantuan yang diberikan melalui SPED ini. Pihak kementerian akan meningkatkan bukan setakat pembiayaan tetapi memantapkan usaha kita untuk memberi kejayaan kepada usahawan-usahawan bumiputera bukan setakat daripada sudut pinjaman yang kita berikan, tetapi dari segi keupayaan usahawan-usahawan ini yang boleh kita didik, yang boleh kita latih seperti yang saya sebutkan kursus yang kita adakan, anjurkan bukan

setakat menerusi kementerian, menerusi gabungan kementerian dengan bank-bank swasta, dengan MARA sekali supaya mereka dapat mengurus tadbir kewangan sendiri.

*Alhamdulillah* setakat ini saya dapat melihat dari segi *non performing loan* contohnya dengan izin, cuma 18% sahaja agak rendah. Ini satu trend yang amat memberangsangkan. Keupayaan mereka membayar balik pinjaman ini satu trend yang amat menggalakkan. Saya melihat bahawa kita perlu mempertingkatkan bukan setakat keupayaan mereka dalam perniagaan mengeluarkan produk ini ataupun perkhidmatan.

Maka dengan itu, kerajaan telah melahirkan RTC iaitu *Rural Transformation Centre*. Di Perak contohnya khusus untuk utara yang boleh memberi perkhidmatan kepada negeri Kedah, Pulau Pinang dan juga Perlis dan Perak untuk membolehkan supaya produk yang mereka bekalkan itu dikeluarkan dapat di pasarkan seperti apa Yang Berhormat katakan supaya mengehendkan mobiliti penghijrahan orang-orang muda khususnya yang berada di peringkat luar bandar itu kekal di luar bandar dan perniagaan ini kita lahirkan supaya ada pasaran mereka.

Saya yakin di RTC contohnya di Kelantan yang putaran dalam sebulan hampir RM25 juta, yang ada putaran dia, *the turn over* dia. Satu trend yang amat menggalakkan. Saya yakin di Gopeng ini dia meningkat walaupun ada sedikit masalah. Kita pun sudah luaskan laluan jalan raya membolehkan supaya dipermudahkan daripada selatan ke utara, daripada utara ke selatan.

Ini saya yakin akan dapat bantu usahawan kita bukan setakat untuk mengeluarkan produk mereka. Pengkhususan seperti yang ditekankan, produk makanan pembuatan juga akan kita tingkatkan kerana kita yakin ini di antara produk yang mempunyai pasaran di peringkat bukan hanya di dalam negara bahkan juga di peringkat luar negara. Setelah kita dapat matangkan mereka berada di RTC ini, *insya-Allah* di masa akan datang kita akan tingkatkan lagi daya upaya mereka untuk mengeksport hasil produk ini ke luar negara.

Di RTC itu juga kita dapat mengenal pasti, kita ada kerjasama dengan agensi hampir 12 kementerian yang ada termasuk MITI, MATRADE dan agensi-agensi di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa yang akan mengenal pasti mana produk dari segi keupayaan pasaran, dari segi keupayaan harganya, dari segi *packagingnya* yang membolehkan mereka kita lonjakkan supaya dapat bersaing di peringkat antarabangsa. *Insya-Allah* usaha ini dengan kerjasama semua pihak akan dapat mendaulatkan lagi masyarakat luar bandar untuk dapat kita tingkatkan keupayaan mereka bukan hanya dari segi pendapatan, bahkan dari segi skil yang kita akan terapkan. Terima kasih banyak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini soalan spesifik Ahli Yang Berhormat, yang ada kaitan SPED di Sik, Baling dan Hulu Perak. Spesifik.

**Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]:** Boleh Padang Besar?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila. Sila Yang Berhormat Padang Besar.

**Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Skim SPED ini wangnya adalah wang kerajaan. Saya dimaklumkan, kita semua ketahui wang ini dibuat melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan diserahkan kepada sebuah bank untuk mengendalikannya. Antara dasar ialah supaya apabila seseorang itu telah meminjam dan dia membayar balik 100%, maka dia berhak mendapat 30% diskaun.

Kalau dia meminjam RM100,000 setelah dibayar sepenuhnya, dia layak mendapat balik RM30,000 sebagai diskaun kerana dia membayar balik sepenuhnya. Akan tetapi di kampung, ada jenis perniagaan yang jadualnya bermusim. Jadual mengikut musim seperti orang membela lembu. Dia bermusim. Dia tidak dapat membayar secara bulanan. Jadi bank di bawah sana tidak memberi diskaun kerana jadual bayaran bulanan itu tidak dipatuhi.

Jadi saya hendak tanya kepada pihak Menteri sama ada ini diperbincangkan antara kementerian dengan bank? Adakah pihak kementerian memantau sebab dasar ini adalah dasar kementerian. Adakah pemantauan ini dibuat secara berkala ataupun berjadual agar dasar yang dipertetap itu dilaksanakan dengan adil di bawah sana dan tidak semestinya hanya bergantung kepada dasar bank. Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Padang Besar tentang soalan sama ada pemantauan kita lakukan dalam perjalanan kita memberi pinjaman kepada usahawan-usahawan bumiputera khususnya yang berada di luar bandar.

■ 1030

Memang kita kerap pantau mereka. Bukan hanya daripada segi keupayaan mereka untuk menjual barangan itu seperti yang saya sebutkan mendidik, melatih, bahkan juga kalau sekiranya di sepanjang mereka menjalankan keusahawanan ini, ada sedikit masalah yang mereka hadapi, maka pihak kementerian akan *intervene*, dengan izin, untuk memastikan mereka di landasan yang sebaik mungkin. Akan tetapi dalam pada itu kita harus juga faham bahawa dalam konsep pinjaman yang dilakukan ini, kerana diurus tadbir oleh pihak perbankan.

Maka dengan itu kita hendakkan seperti apa yang disebutkan lebih awal tadi, usahawan ini mesti ada daya saingnya. Ada daya upayanya. Bukan setakat kita katakan, kita memberikan tongkat kepada dia di sepanjang jalan. Ini kerana pinjaman ini kadarnya berbanding dengan pinjaman yang lain agak rendah. Itu satu tongkat yang sudah kita katakan, berikan kepada mereka untuk keupayaan supaya mereka dapat membayar dengan kadar yang jauh lebih rendah berbanding dengan yang lain. Akan tetapi kalau kita hendak beri diskaun di sepanjangnya itu, maka ini akan juga membantutkan usaha kita memperluaskan, memperbanyakkan pihak-pihak yang akan ada keupayaan pemilikan mereka.

Manakala, untuk pemberian ini, seperti yang kita sedia maklum sekiranya ada keupayaan mereka berjaya memberi bayaran dengan awal, sebahagian daripada usahawan ini, kita tingkatkan lagi pinjaman. Contohnya mereka pinjam RM100,000, kalau ada sedikit

keupayaan mereka, kita lonjakkan sehingga kita yakin mereka ini sudah mampu tingkatkan sampai RM200,000, RM300,000. Kalau sekiranya mereka mampu menjadi usahawan yang lebih yang kita katakan bukan hanya di peringkat *small and medium scale* dan melonjak ke peringkat atas, kita berusaha dengan pihak bank untuk memberi pinjaman sehingga RM10 juta. Kita boleh buat rekomendasi kepada pihak perbankan bahawa pihak usahawan ini sudah melalui tapisan, sudah ada keupayaan mereka. Bukan setakat ratusan ringgit pinjaman yang mereka berupaya peroleh tetapi jutaan ringgit juga dapat kita berikan kepada mereka sekiranya mereka ini berupaya dapat menjalankan perniagaan dengan lebih baik...

**Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]:** Ya, yang 30% diskaun itu.

**Dato' Seri Haji Mohd.Shafie bin Haji Apdal:** Diskaun ini seperti yang saya sebutkan, perlu ada nilai-nilai perbankan yang kita juga patuhi. Walaupun saya akui bahawa ini merupakan pinjaman yang diberikan berlandaskan – Ada sesetengah yang kita berikan berlandaskan dengan keupayaan mereka seperti yang saya sebutkan. Bukan setakat 30% diskaun tetapi tidak semua yang diberikan, oleh kerana ada penilaian yang harus kita lihat pada usahawan-usahawan yang ada keupayaan dalam menjayakan perniagaan ini. Terima kasih.

**3. Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, sejauh manakah pelaksanaan royalti kepada artis dan penghibur negara berjaya dilaksanakan.

#### **Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I**

**[Dato' Tan Lian Hoe]:** Tuan Yang di-Pertua, salam 1Malaysia. Kerajaan amat prihatin terhadap isu royalti yang sering ditimbulkan oleh artis-artis tanah air. Sebelum ini, urusan kutipan dan pengagihan royalti diuruskan oleh badan kutipan royalti yang mengakui mewakili mereka. Namun begitu, masih wujud ketidakpuasan hati terhadap ketelusan pengurusan badan kutipan tersebut.

Di dalam memastikan tadbir urus badan kutipan royalti supaya bertanggungjawab, cekap dan telus, mulai 1 Jun 2012, kerajaan telah menguatkuasakan satu peruntukan undang-undang baru yang mewajibkan mana-mana badan pelesenan yang ingin membuat kutipan royalti untuk mendapatkan pengisytiharan di Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) di bawah kawalan dan seliaan pengawal hak cipta. Ini adalah bertujuan untuk memastikan badan kutipan royalti ataupun pelesenan yang diisytiharkan oleh kerajaan itu kelak akan melaksanakan tanggungjawab serta tadbir urus yang telus serta mempunyai akauntabiliti terhadap artis dan penghibur tanah air yang juga merupakan ahli-ahli badan pelesenan tersebut. Artis-artis tanah air akan memberikan manfaat dan keizinan bertulis kepada badan pelesenan ini yang mewakili mereka berkaitan kutipan royalti bagi karya-karya persembahan mereka.

Dalam melaksanakan fungsi sebagai badan perlesenan yang sah, semua badan perlesenan yang diisytiharkan oleh pengawal hak cipta perlu menyatakan secara jelas kaedah kutipan dan pengagihan kutipan yang dibuat serta kadar atau tarif yang dikenakan bagi setiap karya hak cipta yang dipertanggungjawabkan oleh ahli-ahli kepada mereka apabila diminta berbuat demikian oleh pengawal hak cipta. Badan perlesenan ini juga dikehendaki untuk mengemukakan laporan tahunan bagi setiap tahun kepada pengawal hak cipta bagi membolehkan pihak kerajaan menyemak serta memantau status ketelusan serta keupayaan mereka sebagai badan pelesenan. Sekiranya pengawal hak cipta berpuas hati bahawa mana-mana badan pelesenan tidak melaksanakan tanggungjawab mereka seperti yang dikehendaki oleh undang-undang, maka pengisytiharan badan pelesenan berkenaan boleh dibatalkan oleh pengawal hak cipta.

Memandangkan tahun ini merupakan tahun pertama pelaksanaan sistem pendaftaran badan pelesenan, pihak kerajaan belum dapat memberikan komen kepada prestasi kutipan dan pengagihan kutipan royalti mana-mana badan pelesenan pada masa ini. Pihak kerajaan berharap, artis-artis tanah air dapat bersatu dan mengetahui serta memahami hak-hak mereka dengan lebih jelas yang mana boleh membantu mereka untuk menilai dan membuat keputusan yang tepat dalam memilih badan perlesenan yang akan bertanggungjawab terhadap pengurusan kutipan royalti mereka nanti. Terima kasih.

**Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apakah pendekatan ataupun mekanisme yang diambil oleh kementerian untuk memastikan agar lebih ramai artis menyedari, mempunyai *awareness*, dengan izin, mengenai hak-hak mereka dalam perkara ini supaya ia lebih berkesan bagi membolehkan artis-artis mengaut lebih banyak lagi royalti mereka? Terima kasih.

**Dato' Tan Lian Hoe:** Terima kasih Yang Berhormat Batang Sadong yang telah pun mengemukakan soalan tambahan dan saya mengucapkan syabas, tahniahlah kepada Yang Berhormat Batang Sadong atas keprihatinan terhadap artis-artis kita. Memang kita tidak dapat nafikan bahawa pihak kerajaan juga memainkan peranan untuk mengajak iaitu artis-artis kita supaya mereka mempunyai kesedaran tentang hak-hak mereka dan melalui perjumpaan dan juga melalui iaitu kempen-kempen kesedaran yang telah pun dibuat dari semasa ke semasa supaya mereka tidak dimanipulasikan oleh kumpulan-kumpulan melalui badan kutipan royalti ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang selalu kelihatan muda. Soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak tahu, berapakah anggaran royalti per kapita untuk artis kita setakat hari ini yang barangkali yang tertinggi pernah dicapai dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini? Saya juga hendak tahu Tuan Yang di-Pertua, apakah jaminan kementerian untuk royalti kepada artis ini tidak mengalami nasib yang sama seperti royalti minyak yang akhirnya ditukar kepada wang

ihsan? Ada atau tidak kemungkinan yang royalti kepada artis ini nanti ditukar kepada wang ihsan kepada artis? Terima kasih.

**Dato' Tan Lian Hoe:** Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Niatnya tidak baiklah macam itu... [*Dewan riuh*] Kita di pihak kementerian sebenarnya mengetahui masalah yang dihadapi oleh artis-artis disebabkan kerana pada ketika sebelum kita meminda Akta Hak Cipta ini, pindaan 2011 ini, kita dapati bahawa badan pengutip royalti ini telah pun wujudnya iaitu permasalahan daripada segi akauntabiliti dan ketelusan. Ini supaya tidak berlakunya masalah ketelusan dan akauntabiliti ini, maka pihak kerajaan telah pun meminda akta ini yang mana kita menekankan pada *transparency, accountability and governance* atau TAG, bukan CAP, ya.

■1040

Jadi, untuk menjawab soalan yang pertama oleh Yang Berhormat Indera Mahkota, setakat ini yang telah pun diisytiharkan oleh badan-badan kutipan sebelum pemindaan Akta Hak Cipta akta 2011 ini - saya boleh nyatakan bahawa yang kita sememangnya tidak tahu berapakah yang telah diberikan kepada artis-artis kita. Akan tetapi saya boleh nyatakan untuk makluman Dewan yang mulia ini, kutipan daripada tiga badan pengutip royalti ini pada tahun 2004 iaitu sebanyak RM34.831 juta dan pada tahun 2005 ialah sebanyak RM39.78 juta, 2006 ialah RM41.77 juta, 2007 ialah RM48.5 juta, tahun 2008 ialah RM57.44 juta, 2009 ialah RM65.79 juta, 2010 ialah RM70 juta dan 2011 ialah RM85.4 juta. Daripada jumlah yang besar ini, pihak kerajaan sebelum ini memang tidak tahu berapa banyak yang telah diagihkan kepada artis-artis ini.

Apabila kita meminda akta hak cipta ini yang telah diluluskan pada tahun 2011, tujuan kita ialah untuk mengawal pihak badan kutipan royalti ini supaya mereka telus dari segi pengagihannya. Oleh sebab itu, pada kali ini kita perlu juga iaitu pihak badan pelesenan ini ataupun badan kutipan royalti ini perlu mengemukakan iaitu beberapa dokumen kepada pihak MyIPO. Pertamanya iaitu dari segi di mana mereka perlu mengemukakan dokumen *constituent* yang menerangkan tadbir urus yang baik dengan adanya ketelusan.

Dokumen *constituent* yang perlu dikemukakan adalah seperti yang pertamanya perlembagaan penubuhan, dokumen mesyuarat agung tahunan, ahli-ahli pengurusan badan pelesenan, perjanjian dan senarai ahli berdaftar, kaedah kutipan royalti, cara bagaimana mereka hendak mengutip royalti iaitu *fee* ini dan kaedah pengagihan royalti. Bagaimana pihak iaitu badan pelesenan ini, formulanya kepada penyanyi berapa peratus? Kepada komposer? Penulis lirik? Kepada syarikat rakaman dan begitu juga *fee administrative* mereka. Itu perlu dijelaskan dalam dokumen mereka dan pihak pengawal hak cipta iaitu MyIPO mengambil pendekatan sebaik mungkin di dalam proses pemeriksaan dokumen melalui konsep transparansi, akauntabiliti dan juga *good governance*.

Di samping itu pihak kerajaan sedia maklum dan telah pun menerima permintaan dari pengguna dan juga penggiat-penggiat seni supaya kerajaan mewujudkan hanya satu badan perlesenan untuk mengutip royalti ini. Pihak kerajaan sebenarnya telah pun bersetuju dalam dialog tahunan KPDNKK bersama industri dalam isu hak harta intelek pada 27 September 2012 baru-baru ini di MyIPO, telah pun bersetuju untuk memberi kuasa kepada satu sahaja badan pelesenan untuk mengutip royalti bagi pihak semua. Tujuannya adalah supaya ia dibuat secara telus dan sistematik supaya di peringkat akar umbi pengguna industri yang menggunakan hak cipta ini ia tidak ada aduan-aduan dan tidak ada masalah lagi. Sekian, terima kasih.

**4. Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan perancangan masa depan sistem pelupusan sampah memandangkan banyak kawasan pelupusan sisa pepejal sudah penuh atau hampir penuh.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Chor Chee Heung]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya menjawab soalan yang dijadualkan pada pagi ini sekali dengan empat lagi soalan-soalan yang dikemukakan berkenaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang dikemukakan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat seperti berikut:

- (i) Yang Berhormat Langkawi pada 17 Oktober;
- (ii) Yang Berhormat Kuantan, 22 Oktober; dan
- (iii) Yang Berhormat Kuala Kedah, 8 November; dan
- (iv) Yang Berhormat Gelang Patah, 19 November; sebab semua soalan ini adalah saling berkaitan.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Program pengurusan sisa pepejal di seluruh negara telah pun mengalami proses transformasi dengan berkuat kuasanya Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 serta penswastan perkhidmatan kutipan sisa pepejal isi rumah pada tiga buah syarikat iaitu SWM Environment di wilayah selatan, Alam Flora di wilayah tengah dan timur serta E-Idaman di utara. Prestasi ketiga-tiga syarikat ini diukur melalui petunjuk prestasi utama yang dimuatkan dalam perjanjian konsesi perkhidmatan pemungutan sisa pepejal dan pengurusan pembersihan awam. Sekiranya syarikat gagal mematuhi KPI, ianya akan didenda bagi setiap kesalahan dan kadar denda adalah berbeza mengikut kesalahan. Umpamanya bagi kesalahan tidak menepati jadual kutipan kadarnya adalah RM10,000 setiap kesalahan, manakala atas kutipan tidak sempurna kadarnya adalah RM100.

Tuan Yang di-Pertua, sejak program penswastan ini bermula pada 1 September 2011, prestasi program pengurusan sisa pepejal ataupun sampah didapati bertambah baik dari semasa ke semasa berdasarkan analisa yang dibuat ke atas trend bilangan aduan di negeri-negeri. Saya sendiri turut memantau prestasi syarikat-syarikat yang dilantik supaya segala hasrat kerajaan melalui penswastan ini dapat dimanfaatkan oleh setiap golongan rakyat.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, trend bilangan aduan di negeri-negeri yang melaksanakan penswastaaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang didapati kian menurun daripada 2,873 bilangan aduan dari bulan September 2011 iaitu pada bulan pertama yang dilaksanakan penswastaaan itu kepada 1,799 aduan bagi bulan Ogos 2012. Jenis aduan ini sebenarnya adalah bagi perkara-perkara yang tidak menjejaskan mutu perkhidmatan keseluruhan tetapi bagi maksud untuk meningkatkan mutu perkhidmatan supaya sejajar dengan mutu perkhidmatan yang diberikan di negeri maju. Walau bagaimanapun, saya dapati tiga-tiga buah syarikat yang dilantik masih mempunyai ruang lagi untuk mempertingkatkan lagi prestasi mereka. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam senantiasa mengawal dan tidak gagal untuk memberi teguran ataupun amaran kepada mereka jika terdapat aduan yang diterima lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mendapati tahap perkembangan positif ini disokong oleh usaha-usaha syarikat konsesi yang telah menambahkan kapasiti mereka dengan membeli lori-lori *compacter* baru, jentera-jentera pembersihan jalan dan longkang yang telah membantu meningkatkan prestasi perkhidmatan mereka. Bilangan kenderaan dan lori baru pada ketika ini berjumlah 273 buah dan bilangan ini akan ditambah mengikut pertambahan kawasan perumahan baru dan pemantapan serta peningkatan operasi pengurusan sampah berdasarkan KPI yang ditetapkan. Lori-lori dan jentera ini dibeli berdasarkan spesifikasi yang telah ditetapkan oleh kementerian mengikut standard antarabangsa dan setara. Sehingga kini, Alam Flora sahaja telah pun melaburkan RM325 juta bagi pembelian kenderaan jentera dan tong-tong sampah. E-Idaman pula melabur RM39 juta untuk jentera, lori, dan tong sampah dan SWM telah pun melaburkan sebanyak RM157 juta untuk membeli jentera-jentera dan kenderaan-kenderaan baru termasuk juga tong-tong sampah. Kementerian percaya prestasi program pengurusan sisa pepejal ini akan bertambah baik secara bertahap apabila beberapa kelemahan sedia ada dapat ditangani.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga sedia maklum bahawa banyak kawasan pelupusan sisa pepejal sudah penuh ataupun hampir penuh, maka kementerian telah pun mengambil beberapa pendekatan bagi perancangan masa hadapan sistem pelupusan sampah ataupun sisa pepejal. Pertamanya adalah untuk menaik taraf 32 tapak pelupusan yang sedia ada. Memanjangkan jangka hayat mereka sementara menunggu tapak pelupusan sanitari baru dibangunkan di samping menangani masalah pencemaran yang terbit daripada tapak pelupusan yang tidak sanitari tersebut.

#### ■1050

Kedua, adalah membina tapak pelupusan *sanitary* baru yang lengkap dengan teknologi terkini untuk menangani isu pelepasan *leachate*, gas-gas toksik dan metana.

Ketiga, adalah menerokai teknologi alternatif seperti di loji rawatan terma seperti dengan izin, *incinerator*, *anaerobic digester* dan *material recovery facility*. Sehingga kini

kementerian telah pun membina empat buah *incinerator* mini untuk menangani masalah sisa pepejal setempat iaitu di Cameron Highlands, kedua di Pulau Pangkor, ketiga di Pulau Tioman dan empat, Pulau Langkawi. Tidak lama lagi kementerian mempunyai perancangan untuk membina sebuah *incinerator* lagi di Labuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat *incinerator* Langkawi dijangka akan mula beroperasi pada bulan November tahun ini. Adalah diharapkan dengan mulanya operasi *incinerator* berkenaan masalah pelupusan sampah di Pulau Langkawi dapat diatasi dan mutu perkhidmatan kutipan sisa pepejal juga akan bertambah baik.

Sehubungan dengan ini, KPKT sedar dan prihatin terhadap kekhuatiran segelintir masyarakat dan beberapa badan bukan kerajaan berkenaan isu kesihatan dan isu pencemaran alam sekitar yang berpunca daripada *incinerator*. Dalam hal ini kementerian ingin menegaskan bahawa kementerian sememangnya mengambil langkah holistik bagi menjaga kesihatan awam dan juga perlindungan alam sekitar. Saya sendiri ada turun padang untuk melihat sendiri pembangunan *incinerator* untuk memastikan segala mengikut perancangan. Antara langkah-langkah yang diambil semasa peringkat perancangan pembinaan dan pengoperasian meliputi perkara-perkara seperti berikut:-

- (i) menjalankan kajian penilaian terperinci kesan alam sekitar;
- (ii) memastikan pembinaan loji menepati reka bentuk spesifikasi yang menepati piawaian antarabangsa yang terbukti;
- (iii) memastikan loji yang telah dibina lulus peringkat *testing* dan *commissioning* untuk memastikan loji berfungsi dan mematuhi standard-standard yang telah pun ditetapkan bagi pelepasan gas-gas seperti *dioxin*, *uran* serta *leachate*; dan
- (iv) semasa pengoperasian pematuan akan sentiasa dipantau oleh Jabatan Alam Sekitar dan juga Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara.

Keputusan kerajaan untuk membina *incinerator* bukanlah dibuat secara tergesa-gesa. Kajian yang mendalam telah pun dilaksanakan, dijalankan termasuk juga menimba pengalaman dan pengetahuan daripada negara-negara yang telah membina *incinerator* untuk menangani masalah sisa pepejal yang semakin bertambah setiap tahun.

Singapura umpamanya telah pun membina lima buah *incinerator* berskala besar. Jepun telah pun membina 21 buah *incinerator* di metropolitan Tokyo sahaja. Sehingga kini tiada laporan saintifik yang mengatakan ramai penduduk di Tokyo dan Singapura telah pun mengalami penyakit kanser akibat *dioxin* yang telah dilepaskan daripada *incinerator*.

Tuan Yang di-Pertua, di sini ingin saya juga tegaskan bahawa pelepasan *dioxin* ke udara adalah berdasarkan standard yang telah pun ditetapkan oleh institusi alam sekitar antarabangsa. Di samping itu suhu pembakaran dalam sesebuah *incinerator* adalah tinggi dan

telah disahkan melalui kajian saintifik bahawa pada suhu yang tinggi melebihi 850 darjah sentigred sebarang penghasilan *dioxin* akan dimusnahkan.

Seterusnya untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada ketika ini kita masih mempunyai 165 tapak pelupusan yang masih beroperasi. Sungguhpun kaedah pelupusan melalui tapak pelupusan adalah biasa digunakan dan memerlukan modal yang rendah, namun kita tidak boleh mengharap kaedah pelupusan sebegini semata-mata. Pada masa hadapan kos tanah akan menjadi tinggi dan kawasan yang sesuai untuk dibina tapak pelupusan akan menjadi berkurangan. Oleh itu, amatlah perlu diterokai pelbagai teknologi lain yang sesuai digunakan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu kementerian juga sedang giat melaksanakan program-program kesedaran aktiviti di bawah Program 3R iaitu *reduce*, *reuse* dan *recycle* iaitu mengurangkan, mengguna semula dan mengitar semula sisa pepejal. Melalui program ini adalah dijangka jumlah sisa pepejal yang akan dilupuskan ditapak pelupusan menjadi berkurangan dan seterusnya memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan sedia ada.

Bagi memantapkan Program 3R ini kementerian akan melaksanakan sistem kutipan sisa pepejal yang boleh di kitar semula dari rumah ke rumah sekali seminggu di beberapa PBT sebagai permulaan. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** *[Bangun]*

**Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Tuan Yang di-Pertua saya belum...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa, tidak apa nanti saya panggil.

**Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Saya yang menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua yang pertama, minta maaf Yang Berhormat Pendang. *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana mengizinkan saya untuk menambah soalan. Yang saya kira Yang Berhormat Menteri jawab cukup panjang tadi. Walaupun soalnya agak begitu objektif tetapi memandangkan kes Yang Berhormat Menteri mengambil kira soalan-soalan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan saya adalah perkara ini sebenarnya telah kita hadapi lebih daripada 25 tahun yang lalu. Apabila kerajaan telah menjangkakan kita akan berhadapan dengan krisis kekurangan tanah untuk melupuskan sisa-sisa pepejal ini. Ditambah pula dengan sikap sesetengah kumpulan masyarakat yang tidak mengambil berat hasrat kerajaan untuk memperkenalkan idea-idea baru seperti kitar semula dan sebagainya.

Saya dengar tadi jawapan Yang Berhormat Menteri menyebut tentang lima tempat. Empat di pulau, satu di tanah besar di Cameron Highlands. Nampaknya kerajaan begitu

berhati-hati, khawatir akan akibat daripada pembinaan *incinerator* yang menggunakan teknologi plasma antara 500 Celsius hingga ke 1,000 celsius bagi memusnahkan sisa-sisa pepejal ini.

Yang Berhormat Menteri, di Jepun bandar raya Tokyo sahaja ada 22 *incinerator*. Di seluruh negara Jepun 2 ribu *incinerator*. Kebaikan *incinerator* ini adalah mereka boleh menjana tenaga elektrik untuk diguna semula oleh pengguna-pengguna sekitar. Mengapa kita masih lagi mengambil sikap mendengar teguran-teguran yang mungkin agak emosional dalam kaedah hendak berhadapan ini – Yang Berhormat Menteri kerana kita hendak kena selesaikan masalah kekurangan tanah ini.

Minta kerajaan beri satu pendirian, ketetapan teguh. *Incinerator* ini tidak menjadi masalah. Singapura sudah ada lima. Kalau hendak berlaku masalah sudah berlaku di Singapura, berlaku di pulau-pulau yang kita letakkan. Sila Yang Berhormat Menteri teruskan.

**Seorang Ahli:** [Menyampuk]

**Datuk Wira Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Teruskan, idea *incinerator* ini adalah satu yang baik dan Tangga Batu rela untuk mempunyai beberapa *incinerator*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Chor Chee Heung:** Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Memang benar masalah sisa pepejal, pengurusan sampah sarap ini adalah menjadi satu masalah yang cukup rumit. Bukan sahaja ia hadapi di Malaysia malahan di seluruh dunia pun macam itu juga.

Seperti kita semua maklum buat masa ini seluruh Malaysia menjanakan sebanyak 24,000 tan sisa pepejal setiap hari. Tidak lama lagi sebelum 2020 kemungkinan jumlah sisa pepejal yang dijanakan setiap hari di seluruh negara kita ini akan hampir 30,000 tan sehari.

Memandangkan ini menjadikan satu masalah yang besar, kita tidak bolehlah orang Kedah kata “*korek lubang hendak kambus sampah sahaja*”. Kita kena cari teknologi yang lain yang lebih terkini untuk menguruskan sisa-sisa pepejal yang dijanakan di negara kita ini.

Salah satu kaedah ialah melalui *incinerator*. *Incinerator* ini kita sudah melihat, ianya terbukti bukan sahaja di Jepun, Korea, Singapura. Sebenarnya pada peringkat awal telah pun terbukti di negara-negara maju seperti di Denmark. Denmark, Sweden sudah lama. Kita sekarang memang hendak mempunyai perancangan dan kita mula dengan empat dulu yang kecil, di mana di tempat-tempat seperti Pulau Langkawi, Labuan, Cameron Highlands yang hendak mengangkut sisa pepejal turun hendak cari tempat hendak kambus pun begitu jauh. So, kita sudah mulakan dengan empat buah *incinerator* kecil.

Buat masa ini penduduk tempatan masih boleh terima selepas kita buat banyak penjelasan iaitu ianya tidak akan mencemarkan alam sekitar, kesihatan awam itu dijaga. Kita hendak bukti bahawa gas-gas toksik kalau dikeluarkan pun sentiasa 24 jam dikawal oleh Jabatan Alam Sekitar. *Dioxin* ini harus dibakar sama sekali. Di tempat-tempat kecil pula kita tidak payah guna *incinerator*. *Incinerator* mungkin di tempat-tempat spesifik ataupun di bandar raya-bandar raya besar.

## ■1100

Ada kemungkinan seperti Bentong ataupun di bandar kecil di sesetengah negeri kita menggunakan kaedah yang lain, bukan *termal*, *incinerator* adalah *thermal*, sistem *thermal* pembakaran sehabis-habisan. Kita boleh menggunakan *anaerobic digester* melalui *biological* pun boleh. Jadi, banyak yang kita boleh gunakan.

Walaupun kita mempunyai perancangan jangka masa panjang untuk mengadakan, membina *incinerator* di seluruh negara tetapi buat masa ini kita masih dalam tahap memberikan kesedaran kepada penduduk-penduduk di negara kita supaya mereka tahu bahawa *incinerator* bukannya *nuclear plant* dengan izin, *incinerator* hanyalah satu loji yang biasa digunakan sahaja dan melalui kempen-kempen serta penjelasan-penjelasan dan pendidikan, kita mahu agar penduduk negara ini menerima secara sepenuhnya konsep *incineration* di negara kita.

Sekian terima kasih dan saya juga tidak lupa jika Yang Berhormat Tangga Batu perlu, lain kali kita buat perancangan di situ.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]:** Tuan Yang di-Pertua, minta satu soalan tambahan.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga minta satu soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagi Yang Berhormat Pendang dahulu kerana soalan asal adalah daripada Yang Berhormat Pendang.

**Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan jawapan yang begitu komprehensif dan saya rasa soalan tambahan pun sudah termasuk dalam jawapan yang diberikan. Akan tetapi apa pun saya ingin mengemukakan beberapa permasalahan yang berlaku di negeri Tuan Yang di-Pertua sendiri dan juga di negeri saya terutama sekali di tempat-tempat pelupusan sampah di Pendang, di Jabi, di Sembeling. Sekarang ini memang sudah tidak muat lagi untuk jangka masa yang segera, Yang Berhormat Menteri katakan tadi untuk jangka masa yang panjang. Jangka masa segera ini sebenarnya PBT memang tidak mempunyai sumber dana yang cukup untuk mencari ruang-ruang pelupusan sampah yang baru.

Dalam perjanjian di antara Kerajaan Persekutuan dengan PBT, sebenarnya Kerajaan Persekutuan telah memberikan komitmen untuk memberikan bantuan kepada PBT untuk mencari tempat-tempat pelupusan sampah ini tetapi masalah sehingga sekarang perjanjian ini masih *hanging*, tidak ada keputusan. Jadi saya meminta penegasan daripada pihak kementerian bagaimanakah penyelesaian dengan kadar yang segera ini untuk mencari jalan untuk pelupusan dalam masa yang terdekat? Mungkin akhir tahun ini tempat-tempat pelupusan itu sudah penuh dan tidak boleh digunakan dan diletakkan sampah lagi, bagaimanakah komitmen daripada pihak Kerajaan Persekutuan untuk menyelesaikan masalah ini seperti mana

yang terkandung dalam perjanjian yang telah dibuat di antara pihak kementerian dengan pihak PBT? Itu sahajalah soalan tambahan saya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri yang menjawab.

**Datuk Seri Chor Chee Heung:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Pendang, memang benar dalam jawapan saya, saya sudah memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa kerja-kerja sedang dijalankan untuk menaiktarafkan banyak tapak-tapak pelupusan yang telah pun hampir penuh dan di negeri Kedah pun kita sudah ada dua tiga. Selain daripada hendak menaik taraf, kita juga hendak mencari tempat-tempat atau tapak-tapak pelupusan yang agak lebih jauh daripada bandar, di mana ramai penduduk tinggal jauh daripada tempat itu untuk membina yang baru.

Kita juga sedang menjalankan ini, tidak mengapalah Yang Berhormat jangan risau ini adalah komitmen kerajaan persekutuan kerana masalah tapak pelupusan untuk mengurus sisa pepejal negara kita ini bukan satu perkara yang mudah dan bukan satu perkara yang kita boleh main-main. Kita mesti serius dan tadi di dalam jawapan saya juga, saya telah memberitahu berapa banyak tapak-tapak pelupusan yang akan dinaik taraf dan kita akan mengadakan lapan lagi tapak pelupusan yang baru. Apabila saya sebut baru sekarang ini tidak semua tapak pelupusan baru adalah bercorak *sanitary*, maksudnya semua air-air *leachate* semua itu akan diproses secara saintifik dan tidak akan keluar masuk ke bendang-bendang orang lain.

Jadi jangan risau, kita sedang melihat supaya semua yang sudah hampir penuh akan di naik taraf kalau masih ada tanah tetapi kalau tidak ada kita akan membuat yang baru. Satu contoh ialah tapak pelupusan di Bakri - Yang Berhormat Bakri sentiasa kacau saya dan saya pun sudah beritahu kita sudah hampir siap untuk menaik taraf tapak pelupusan di Bakri dan mengikut ramalan kita di tapak pelupusan Bakri selepas di naik taraf boleh memuatkan lagi selama dua tahun. So, habis dua tahun itu Bukit Payung ataupun yang paling dekat ialah Pagoh, tapak pelupusan Pagoh *sanitary* akan siap dan akan mengambil alih peranan itu, sekian terima kasih.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kalabakan, saya beri dengan Yang Berhormat Kalabakan...

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]:** Kalabakan dahulu sebab kita banyak sisa pepejal.

**Tuan Yang di-Pertua:** ... Sebab banyak soalan daripada Malaysia Barat, jadi biarlah Malaysia Timur kali ini.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan beberapa orang ahli juga bertanya, boleh minta satu lagi selepas ini, soalan ini ramai orang yang tanya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Peraturan mesyuarat membolehkan saya memberi tiga sahaja Yang Berhormat, kalau empat saya bagi tetapi peraturan mesyuarat kata, *not more than three* soalan tambahan, silakan Yang Berhormat Kalabakan.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]:** Tuan Yang di-Pertua, dahulu saya sudah nyatakan bahawa sisa-sisa pepejal ini suatu hari nanti akan menenggelamkan negeri Sabah. Jadi saya minta dengan Yang Berhormat Menteri, kalau boleh kita kaji keseluruhan negeri di mana bandar-bandar besar ini kita buat *incinerator* untuk menampung semua sisa-sisa pepejal. Di Tawau dua tahun dahulu sudah ada rancangan, sudah panggil tender, sudah dipanggil tetapi masalah bagi kementerian ialah apa yang ada di semenanjung, dia sangka itu juga ada di Sabah dengan harga. Jadi di Sabah kalau orang buat apa pun, 30% mahal jadi kita minta kepada Yang Berhormat Menteri supaya membantu kami di Tawau kerana saya berharap kalau ada bantuan maka kita akan selamat, kalau tidak ada bantuan Tawau akan terlebih dahulu tenggelam disebabkan sisa-sisa pepejal ini.

Jadi kita meminta supaya Yang Berhormat Menteri campur tangan agar *incinerator* ini dipercepatkan di Daerah Tawau, terima kasih.

**Datuk Seri Chor Chee Heung:** Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan. Kita memang telah mengenal pasti beberapa tempat, lokasi yang strategik dan ini termasuk di Sabah dan Sarawak. Akan tetapi kita tidak mahu tergesa-gesa hendak menjemput orang masuk membina *incinerator* kerana sesebuah *incinerator* bukannya murah dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah pun memberikan amaran dan peringatan kepada kementerian, *if you want to do it you choose the best, you choose the best technology, the cleanest* dan kita pun sedang mengkaji dan jika mahu memilih kontraktor pun, kita akan buat melalui *international tender request for proposal*. Melalui cara inilah baru kita tahu syarikat mana yang pernah membina *incinerator* yang terbaik di dunia ini.

Saya kira hanya pada tahun hadapan, lebih kurang pada bulan Mac barulah kita boleh menyiapkan dengan segala dokumen mengenai tender antarabangsa dan pada masa itu kita akan kira di mana kita hendak letaknya dahulu yang pertama dan yang kedua seperti yang saya katakan tadi hendak membina sebuah *incinerator* bukannya murah walaupun banyak jenis, sekurang-kurangnya RM300 juta sehingga RM400 juta. Kita juga kena mengkaji melalui cara apakah kita hendak membinanya sama ada PFI, sama ada kerajaan hendak keluar kah, kita kena *study* betul-betul sebelum kita *commit*. Apabila kita *commit* dan membuat satu kesilapan habislah, orang lain di sebelah sana akan kacau, so kita kena berhati-hatilah, sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, soalan nombor enam Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing, memandangkan soalan nombor lima tidak dapat dikemukakan oleh Yang Berhormat yang berkenaan, silakan Yang Berhormat.

*[Soalan No.5 –Y.B. Dato' Abdul Manan bin Ismail (Paya Besar) tidak hadir]*

**6. Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) jika dibandingkan dengan bancian Jabatan Perangkaan Malaysia tahun 1970 hingga 2010, apakah faktor yang menyebabkan lonjakan pertumbuhan penduduk di Sabah sebanyak 390% berbanding dengan Sarawak 148% dan Malaysia 164%; dan
- (b) apakah kehadiran (28%) 889,779 orang warga asing di Sabah tidak menggugat keselamatan dan keamanan negara.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan bancian yang telah dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia setiap 10 tahun iaitu pada tahun 1970, 1980, 1991, 2000, 2010 telah menunjukkan peningkatan purata pertumbuhan penduduk seluruh negara pada kadar 2.5% setahun.

■1110

Untuk tempoh 40 tahun sejak 1970 hingga 2010, berdasarkan maklumat bancian, purata kadar pertumbuhan penduduk di Sabah adalah agak tinggi berbanding dengan Semenanjung Malaysia, dan di Sarawak. Keadaan ini berlaku adalah disebabkan oleh beberapa faktor utama. Di antaranya adalah:-

- (i) Pertambahan penduduk secara semula jadi berdasarkan kadar kelahiran dan kematian;
- (ii) fakta sejarah di mana dalam tempoh masa yang sama proses dokumentasi dilaksanakan di seluruh negara termasuk di Sabah;
- (iii) mobilisasi ekonomi penduduk antara negeri sama ada dari Sarawak atau pun Semenanjung;
- (iv) kehadiran pekerja-pekerja asing yang sah bekerja di dalam sektor perladangan, pertanian, pembinaan, dan perkilangan; dan
- (v) kehadiran Pendatang Asing Tanpa Izin iaitu (PATI) dari negara jiran.

Setakat ini kehadiran pendatang asing secara sah atau tanpa izin dianggarkan berjumlah 889,779 orang yang berada di negeri Sabah tidak menggugat keselamatan dan keamanan negara ini dan keadaannya terkawal seperti mana di negeri-negeri lain. Ini adalah ekoran daripada usaha-usaha pemantauan dan penguatkuasaan yang dilaksanakan secara berterusan sepanjang masa melalui operasi-operasi dari jabatan dan agensi kerajaan seperti

Jabatan Imigresen Sabah, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Ketua Menteri, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Pertahanan Negara (JPAM), Ikatan Relawan Rakyat, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Pasukan Petugas Khas Persekutuan yang telah menunjukkan prestasi yang memuaskan bukan sahaja memantau tetapi juga menguatkuasakan undang-undang ke atas pendatang yang sah atau tanpa izin.

Sehingga 19 September 2012, jumlah pendatang tanpa izin yang telah diusir dan dihantar pulang ke negara asal adalah berjumlah 70,327 orang. Proses penghantaran ini adalah berdasarkan undang-undang yang berkuat kuasa dan ianya dilaksanakan secara berterusan.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Berdasarkan kepada jawapan Yang Berhormat Menteri sebab soal kenaikan penduduk di Sabah ialah pertambahan semula jadi. Saya ada statistik di sini menunjukkan pertambahan orang asal di Sabah tetapi saya rasa Tuan Yang di-Pertua tidak payah sebut hari ini tetapi saya akan masukkan dalam ucapan belanjawan nanti yang menunjukkan bahawa pertambahan semula jadi ini tidak menyebabkan pertambahan yang melonjak di Sabah.

Kita tahu di Sabah ini, pertambahan ini adalah disebabkan oleh kehadiran PATI. *Now*, berkaitan dengan soalan kedua Tuan Yang di-Pertua mengenai dengan keselamatan. Sebelum saya mengajukan soalan tambahan Yang Berhormat, saya ingin bertanya sama ada kerajaan sedar kah tidak bahawa kehadiran PATI di Sabah yang begitu ramai ini telah mengakibatkan dalam semua aspek terutamanya ekonomi. Sekarang ini, PATI ini, orang asing ini sudah mengambil alih bukan sahaja pekerjaan di kilang, di ladang, kereta api dan di pasar-pasar. Kita panggil pasar tamu, tamu mingguan. Orang tempatan sudah diusir. Mereka yang menguasai di seluruh Sabah. Akan tetapi, nampaknya tidak ada tindakan oleh kerajaan.

Kedua, catatan menunjukkan bahawa 80% daripada jenayah di Sabah disebabkan oleh orang asing. Ketiga, kesihatan. Kementerian Kesihatan menyatakan bahawa kerajaan membelanjakan RM12 juta setiap tahun hanya untuk *catering for the illegal migrant*. Akhirnya, saya ingin mengambil perhatian daripada Yang Berhormat. Hingga hari ini, soal keselamatan ini agak merunsingkan. Ini kerana kita berjumpa dengan orang-orang asing ini, kita jumpa di kedai. Apabila kita katakan kamu ini orang asing. Mereka mengatakan "*Kami bukan orang asing, kami pulang ke rumah sebab Filipina masih menuntut Sabah*".

Jadi inilah yang menjadi kerisauan kepada orang Sabah. Saya banyak soalan Tuan Yang di-Pertua tetapi saya rangkum. Pada tahun 1963 apabila kita membentuk Malaysia, satu jaminan oleh kerajaan ialah untuk mempertahankan kedaulatan Sabah. Mempertahankan kedaulatan ertinya tidak membiarkan orang asing masuk ke Sabah. Jadi, kenapa kerajaan ini mengambil masa begitu panjang untuk menangani PATI ini? Tindakan yang konkrit adalah penubuhan RCI. Kenapa RCI ini terlalu lambat diambil dan penubuhan ini seolah-olah

kerajaan ini *dragging the feat*. Ini ditubuhkan selepas tekanan politik baru ditubuhkan. Jadi, saya mintalah kerajaan menerangkan apakah tindakan. Kalau ada penemuan RCI ini, adakah kerajaan komited untuk mengambil tindakan yang sewajarnya. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat kalau Yang Berhormat pun dalam satu nafas, sepuluh soalan ditanya. Saya rasa Yang Berhormat pun ada sebut iaitu bahawa akan berucap dalam perbahasan nanti. Saya kira segala perkara itu akan dibangkitkan dalam perbahasan itu dan saya akan jawab sepenuhnya.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Okey, terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Cuma, untuk mengatakan iaitu bahawa kenaikan jumlah penduduk di Sabah itu bukan berdasarkan kepada kelahiran semula jadi saya setuju. Saya tidak kata itu sahaja satu sebab, *the one and only*. Saya sebut empat lagi yang lain. Jadi, saya tidak pernah kata iaitu dalam jawapan saya mengatakan bahawa kadar kelahiran semula jadi merupakan perkara yang menyebabkan pelonjakan jumlah penduduk negeri Sabah. Tidak, saya tidak sebut itu.

Cuma kalau kita hendak tengok di Selangor, Selangor lagi teruk. Dia punya kenaikan lebih daripada Sabah. Jumlah penduduk semenjak tahun 1980 sampai sekarang, Selangor sudah lima juta berbanding dengan satu juta sahaja pada tahun 1980 dahulu. Jadi, saya pun tadi dengar Yang Berhormat tanya dalam satu masa banyak soalan. Jadi, saya kira kita ada masa. Dalam perbahasan Yang Berhormat bangkit saya berjanji pada 22 hari bulan saya berdiri di sini dan saya akan jawab semua soalan Yang Berhormat bangkitkan.

**Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Terima kasih.

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Terima kasih...

**Datuk Chua Soon Bui [Tawau]:** Ini soalan Sabah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan Yang Berhormat Arau.

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Sabah dalam Malaysia kan?

**Puan Fuziah Salleh [Kuantan]:** Tuan Yang di-Pertua, nanti minta soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Satu soalan sahaja. Saya ingin tanya, PATI ini sama ada di Sabah atau di Semenanjung, kita telah menjalankan program 6P di Semenanjung dan 5P di Sabah dan Sarawak. Itu termasuk pendaftaran, pengampunan, pemantauan, penguatkuasaan dan pengusiran.

Jadi, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri berhubung dengan status terkini iaitu dari segi kejayaan yang telah dicapai menerusi program 5P ini untuk Sabah dan Sarawak dalam menangani masalah pendatang asing tanpa izin ini? Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, Sabah berada berdekatan sebagai negeri yang berdekatan dengan Indonesia, jiran. Iaitu terlalu dekat dan

cara untuk masuk ke negeri Sabah itu agak mudah. Kalau di Tawau, kalau di Pulau Sebatik sebenarnya tidak ada sempadan. Kalau kita berada di sebelah Indonesia, Pulau Sebatik, kita masuk sahaja ke sebelah Malaysia, kemudian ambil bot pergi ke Tawau. Jadi, soalan ini berterusan sebenarnya apa yang dilakukan oleh pihak kerajaan.

Ini kerana pendatang tanpa izin cara dia masuk pelbagai. Kalau cara dia masuk dia ceroboh di sempadan kita boleh tahan dia. Akan tetapi kalau dia masuk peringkat asal dia masuk secara sah dia punya tempoh boleh duduk di Malaysia. Sabah ini Malaysia ya Yang Berhormat Tawau. Jadi, tidak betul hendak bangkitkan kata cuma orang Sabah sahaja boleh tanya soalan ini. Tawau, Sabah.

**Datuk Chua Soon Bui [Tawau]:** Ini soalan spesifik ya.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Dia pun spesifik juga.

**Datuk Chua Soon Bui [Tawau]:** Dengan izin Yang Berhormat Menteri saya akan bertanya soalan tambahan. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Jangan ambil sikap iaitu bahawa kalau Sabah hanya orang Sabah sahaja faham. Tidak boleh.

#### ■1120

Yang Berhormat Kuantan pun dia orang Semenanjung. Dia pun hendak tanya juga.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Apa, Yang Berhormat Ipoh Barat? Tidak apa. Saya, Yang Berhormat Kuantan tidak apa. Kalau Tuan Yang di-Pertua beri, saya tidak ada masalah.

Cuma, peringkat awal dia masuk secara sah. Dia duduk di Malaysia selama dua tahun. Akan tetapi bila dia sudah habis, dia terus duduk. Itu dia jadi pendatang tanpa izin. Daripada sah, jadi tidak sah. Ini masalah yang kita hadapi. Mereka juga diperlukan di sana kerana kita tahu kerja-kerja perladangan seperti kelapa sawit, orang Malaysia dia sudah tidak mahu kerja. Walaupun kita cuba memberikan gaji yang baik tetapi mereka tidak mahu kerana kerja ini dianggap sebagai kerja yang leceh.

Jadi kalau tidak ada mereka di negara kita, maka industri perladangan kita juga akan terjejas. Saya sudah sebut sebentar tadi iaitu paling akhir sekali bahawa kita telah pun menghantar pulang seramai 70,000 orang pendatang tanpa izin dan kerja ini akan berterusan. Ia tidak boleh diselesaikan. Kalau kita kata akan diselesaikan pada akhir tahun, tidak boleh sebab keluar masuk pekerja secara sah, ini berlaku setiap masa. Yang penting ialah kita ambil tindakan. Walau bagaimanapun, kalau Yang Berhormat Tawau hendak tanya soalan seperti mana yang saya janjikan dengan Yang Berhormat Tuaran tadi, pada 22 hari bulan dalam perbahasan boleh tanya. 22 hari bulan saya beri izin saya akan jawab semua soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli Yang Berhormat, oleh kerana Menteri telah janji begitu, kalau Ahli Yang Berhormat anggap soal ini adalah penting, maka panjangkan waktu

Yang Berhormat berbahas. Yang Berhormat ada peluang lagi. Begitu juga dengan Yang Berhormat Kuantan.

**Puan Fuziah Salleh [Kuantan]:** Ini khas, Tuan Yang di-Pertua. Dia khas untuk hal keselamatan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa. Bangkitkan dalam waktu berbahas nanti.

**7. Datuk Siringan Gubat [Ranau]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilangan jalan raya utama dengan jumlah peruntukan yang akan dilaksanakan dalam tahun 2013 – 2014 bagi meningkatkan rangkaian jalan yang lebih baik dan lebih banyak dalam kawasan Parlimen Ranau.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoon Seng]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat enam projek di bawah Kementerian Kerja Raya di daerah Ranau yang telah diluluskan dan akan dilaksanakan pada tahun 2013 dan tahun 2014. Senarai projek tersebut adalah seperti berikut:-

- (i) projek pembaikan cerun dan naik taraf Jalan Ranau – Tambunan, Fasa 2B sepanjang 30 kilometer. Anggaran kos ialah sebanyak RM175 juta. Projek dijangka di tender pada awal tahun 2013;
- (ii) projek membina jalan dari Kota Marudu ke Marak Parak sepanjang 18.2 kilometer. Pakej 1, sub-pakej 3. Anggaran kos ialah sebanyak RM160 juta. Projek telah dimulakan pada bulan Ogos 2011 dan dijangka siap pada bulan Ogos 2013;
- (iii) projek membina jalan dari Togop ke Poring sepanjang 16 kilometer. Pakej 3, sub-pakej 2, 3 dan 4. Anggaran kos ialah sebanyak RM117 juta. Projek telah mula pada bulan Jun 2012 dan dijangka siap pada bulan Jun 2014;
- (iv) projek membina jalan dari Marak Parak ke Togop. Pakej 2, sub-pakej 2, sepanjang 26 kilometer. Anggaran kos adalah sebanyak RM247 juta. Projek telah mula pada bulan September 2012 dan dijangka siap pada bulan April 2015;
- (v) projek pembinaan jalan dari Togop ke Melinsau sepanjang 25 kilometer. Pakej 3B. Anggaran kos ialah sebanyak RM110 juta. Projek dijangka akan bermula pada tahun 2013; dan
- (vi) projek membina jalan Ranau – Merakau, fasa 2, Kinapulidan, Kigok sepanjang 4 kilometer. Anggaran kos adalah sebanyak RM20.5 juta. Projek telah dimulakan pada bulan Julai 2012 dan dijangka siap pada bulan Oktober 2013.

Di samping senarai projek di atas, terdapat satu projek jalan di Ranau yang telah siap pada tahun ini iaitu membina jalan Marak Parak ke Togop sepanjang empat kilometer iaitu pakej 2, sub-pakej 1. Projek dengan kos sebanyak RM30 juta itu telah disiapkan pada bulan Februari 2012. Sekian, terima kasih.

**Datuk Siringan Gubat [Ranau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri masih ingat lagi satu ketika dahulu dalam persidangan Dewan Rakyat saya telah mengemukakan satu masalah kepada Yang Berhormat sendiri iaitu masalah kesesakan lalu lintas di pekan Ranau terutama sekali tamu bulanan dan setiap tamu mingguan iaitu lebuhraya daripada Kota Kinabalu, Ranau dan Sandakan ini ialah melintasi kawasan Tamu Ground di Ranau. Itulah menyebabkan kesesakan lalu lintas yang begitu teruk.

Yang Berhormat sendiri telah mencadangkan kepada saya supaya berhubung kepada JKR daerah untuk membuat perangsangan iaitu merupakan *access road* untuk penyelesaian masalah ini. Akan tetapi malangnya apabila kita sudah berbuat sedemikian iaitu sudah beberapa tahun tetapi sampai hari ini belum lagi ada berita yang baik dari segi tindakan. Bolehkah Yang Berhormat memberikan penjelasan mengenai dengan perkara ini? Sekian, terima kasih.

**Dato' Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ranau. Sebenarnya apa yang kita bincangkan iaitu di *access road* untuk Pasar Tamu, kita telah pun berhubung dengan pihak JKR di Sabah di mana mereka telah pun – saya tidak tahu bila Yang Berhormat ada pergi. Kita telah pun memperluaskan jalan raya itu supaya mereka boleh letak kenderaan mereka di tepi jalan. Kita telah pun melebarkan jalan itu kerana *access road* ini belum dapat dibuat. Ini kerana ada tekanan yang lain, kerana ini adalah jalan negeri juga. Kita telah pun memperluaskan jalan itu dekat dengan tamu ini supaya pengunjung-pengunjung boleh menggunakan jalan yang telah pun dilebarkan untuk meletakkan kereta. Ini adalah satu cara sementara. Kita akan terus memohon supaya ia dapat dijalankan dengan – kalau ada jalan akses yang boleh kita dapatkan tambah jalan.

**Datuk Siringan Gubat [Ranau]:** Akan tetapi permohonan itu ialah untuk membina *access road* dan bukannya melebarkan sini dan sana. Saya tidak nampak kerja yang melebarkan jalan raya di sana. Ini kerana saya selalu melintasi jalan di sana. Adakah itu betul ataupun tidak. Saya pun kurang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kalau cerita ini panjang, nanti selepas ini bincang di luar.

**Dato' Yong Khoon Seng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan menelitinya.

**Tuan Hiew King Cheu [Kota Kinabalu]:** Soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, Yang Berhormat Sepanggar.

**Datuk Eric E. Majimbun [Sepanggar]:** Tuan Yang di-Pertua, ini mengenai Jalan Marap Parak ini juga di Ranaulah. Oleh kerana baru-baru ini saya ada melalui jalan ini. Daripada Kampung Lotong ke Marak Parak dan dari Marak Parak ke Togop ini di mana memang tidak dinafikan di Jalan Togop ini agak baik perjalanannya.

■1130

Akan tetapi apa yang kita kecewa ialah dari Kampung Lotong ke Marak Parak ini jalannya itu begitu lembap sekali pembinaannya. Apakah sebenarnya mengakibatkan begitu? Ini kerana kita tahu peruntukan sebanyak RM160 juta itu sepatutnya boleh disediakan pada pertengahan tahun hadapan tetapi apa yang kita dapat lihat pada ketika ini, itu tidak dapat dijayakan sehingga tahun 2014. Terima kasih.

**Dato' Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Oleh kerana jalan ini masih dalam pembinaan sampai bulan Ogos tahun hadapan, apa yang dicadangkan tadi kita akan telitikan, saya tidak tahu. Ini kawasan yang sungguh berbukit bukau, ada tempat yang dikatakan lembap. Saya nak lihat jugalah. Saya tidak tahu.

Kita tahu Ranau ini memanglah satu tempat yang strategik di Sabah, terletak di pusat. Utaranya pergi ke Kudat, Kota Marudu dan ke barat pergi ke Sandakan, timur pergi ke Kota Kinabalu dan selatan pergi ke Temunan, Keningau, Sipitang dan Sindumin yang boleh belok pergi ke Kalabakan dan Sapulut. Ini memang satu tempat yang kita perlu membuat banyak infrastruktur jalan, *network* lah, yang kita akan terus buat dalam rancangan akan datang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]**

## USUL

### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

11.33 pg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 7.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Rabu, 3 Oktober 2012”.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoon Seng]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2013**

**Bacaan Kali Yang Kedua**

**DAN**

**USUL**

**ANGGARAN PEMBANGUNAN 2013**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”, dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari empat puluh sembilan bilion tujuh ratus empat puluh sembilan juta sembilan ratus sembilan puluh sembilan ribu ringgit (RM49,749,999,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2013, dan bagi tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2013, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 2012, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang berseentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai tersebut.” **[1 Oktober 2012]**

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, sedikit penjelasan dan juga mengenai peraturan mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita hanya mendapat tujuh soalan. Saya bukan cemburu sebab soalan saya yang kelapan tidak dapat dikemukakan... *[Ketawa]* Tetapi saya hendak kongsi sedikit. Saya hendak bagi tahu, saya di sini sudah lebih kurang 12 tahun Tuan Yang di-Pertua. Sebelum ini apabila kita ada sesi satu jam, hingga 12 atau 13 soalan pun boleh dijawab. Itu satu.

Keduanya, saya telah bangkitkan beberapa kali perkara ini di mana di beberapa Parlimen di *British Commonwealth*, kerajaan hanya diberi dua minit untuk menjawab soalan dan pihak yang ingin menanya soalan hanya diberi dua minit. Bolehkah faktor-faktor ini diambil kira supaya kawal selia boleh dijalankan dan lebih banyak soalan dapat dikemukakan? Saya rasa

kalau Speaker sebelum ini pada lima atau enam tahun dahulu, dalam masa satu jam 15 soalan boleh dikemukakan Tuan Yang di-Pertua, *if you see the records*. Patutlah ada usaha dan saya harap tindakan diambil, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Kena *response to you immediately*. Yang ayat "*Kalau Speaker sebelum ini*", itu menandakan bahawa Speaker sebelum ini boleh kontrol. Macam mana pula kalau saya menggunakan ayat seperti begini – "kalaulah Ahli-ahli Yang Berhormat seperti dahulu?" [*Ketawa*] Senang bukan?

Ahli-ahli Yang Berhormat, daripada dulu telah saya nyatakan. Pernah dahulu saya *strict* mengenai soalan-soalan tambahan supaya jangan panjang lebar, supaya padat, supaya terus kepada *point*, tetapi budaya Parlimen Malaysia ialah bunga-bunga banyak, isi kurang. Saya pun terpengaruh.

Kelmarin saya diasak oleh dua orang Ahli Yang Berhormat iaitu dari Subang dan Batu mengenai dengan ucapan Ketua Pembangkang yang lebih kurang dua jam lima minit. Tadi sudah saya berhasrat untuk bangkitkan soal-soal itu. Itu makanya saya bawa buku-buku tebal ini. Biasanya saya tidak bawa. Ini kerana untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mahu pinda peraturan-peraturan mesyuarat mengenai dengan perbahasan. Bajet di New Zealand, yang boleh berucap 12 orang sahaja dan masa cuma 14 jam. Kita lapan hari. Ketua Pembangkang cuma boleh bercakap 20 minit. Kita dua jam.

Jadi yang menukar pemikiran saya apabila Yang Berhormat Gombak *wrote me a memo a few minutes ago*, dia kata "*Adakah yang dibuat Tuan Yang di-Pertua sebelum ini diikuti juga iaitu bergilir-gilir?*". Ini kerana saya memikirkan bahawa kalau bilangan kerajaan adalah lebih daripada pembangkang, maka *rationya* apabila saya kira ialah 1.8:1. Bermakna dua soalan daripada kerajaan, satu daripada pembangkang tetapi itu pun saya tidak ikut. Tidak mengapa, saya bergilir-gilir. Akan tetapi ada Yang Berhormat yang tidak puas hati. Seperti apa ayat Yang Berhormat gunakan tadi, "*Kalau Speaker dahulu boleh kontrol waktu jam, kenapa sekarang tidak?*" *So I put it back again to you*, kalaulah Ahli-ahli Yang Berhormat yang suka sangat untuk panjang lebar itu pendekkan, berbahagialah saya. [*Ketawa*]

Jadi ekoran daripada itu, saya akan tulis surat kepada *Whip* daripada PKR iaitu Yang Berhormat Gombak, saya akan tulis surat kepada *Whip* daripada PAS dan saya akan tulis surat juga kepada DAP. Jumpa saya nanti pada suatu ketika yang saya fikiran lapang dan tidak berapa sesak nafas... [*Ketawa*] Kita bincang dengan soal-soal ini supaya perbahasan-perbahasan esok lusa akan dapat berjalan dengan lancar. Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat kerana memberi peluang kepada saya untuk beri penjelasan yang daripada semalam saya tidak boleh tidur dengan soal apa yang disebut oleh Yang Berhormat Subang dan Yang Berhormat Batu mengenai dengan panjang lebar berucap.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja. Mudah sahaja hendak selesaikan. Bagi sahaja yang bagus-bagus bercakap, yang mengarut itu tidak payah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Jadi sekarang ini yang perlu berhujah ialah Yang Berhormat Indera Mahkota dan saya difahamkan Yang Berhormat Indera Mahkota cuma ada sepuluh minit. Jadi ambillah iktibar. *[Disampuk]* Berapa?

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** 15 minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** 15? *[Disampuk]* 12? Setiausaha kata 12. Tidak mengapa, saya ikut... *You* kata 15, tidak mengapa, saya ikut, 13 minit. *[Ketawa]* Jadi ambil iktibar dari apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat.

Yang Berhormat Ipoh Barat kenapa keluar? *[Ketawa]* Sila teruskan. Ada 13 minit.

**11.38 pg.**

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang sentiasa kelihatan muda.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Saya ikutkan nasihat Tuan Yang di-Pertua, bunga kita buang, kita ambil isinya sahaja.

Oleh kerana itu semalam saya mengakhiri...

**Tuan Yang di-Pertua:** Isi yang pahit-pahit itu janganlah terlampau kadang-kadang dilemparkan.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Ya, yang manis sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu menimbulkan kekecohan juga.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Terima kasih. Bajet semalam saya berhenti rehat pada petang semalam dengan isu perbincangan yang secara meluas iaitu kaedah bagaimana untuk mengatasi masalah kebocoran, ketirisan dan kehilangan hasil yang sangat besar kepada negara kita yang dibincangkan oleh kedua-dua pihak.

Bajet yang dikemukakan oleh Ketua Pembangkang, Pakatan Rakyat mengusulkan satu kaedah bagaimana untuk menyekat dan menyelamatkan kebocoran dan ketirisan yang begitu besar. Antara sebab yang dikatakan semalam, kebetulan TV3 juga malam tadi menyokong kami membangkitkan isu mengenai dengan kebocoran ini mengatakan bahawa terlalu banyak dan ramai orang-orang asing yang terlibat diberi lesen ataupun mereka berupaya mendapatkan lesen-lesen untuk berniaga di dalam negara kita. Secara langsung mereka meraih lebih daripada RM6 bilion setahun kerana mereka diberi akses untuk berniaga atau mendapat peluang berniaga di dalam negara kita. Ini yang dibangkitkan oleh TV3 malam tadi dan saya rasa ramai orang memerhatikan perkara ini. Sekali gus perkara ini menyokong apa yang kita bincangkan pada tahun 2009 dahulu iaitu...

■1140

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang Berhormat Indera Mahkota, jangan rosakkan nama TV3...

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Malam tadi, tengok atau tidak?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Mungkin dalam isu itu, tujuannya lain bukan menyokong pembangkang.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Okey tiga suku TV, kita potong jadi TV3 betul-betul. Saya rasa perkara ini sama seperti yang dibincangkan pada tahun 2009 dahulu iaitu bagaimana Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan juga pada tahun 2008 membangkitkan isu kebocoran atau *remittance* keluar dalam negara kita berjumlah RM19 bilion. Pada masa itu, agensi-agensi penguat kuasa diarahkan segera untuk membaiki kedudukan ini dan perkara yang sama juga berlaku beberapa tahun dahulu iaitu mengatakan tertubuhnya badan atau jawatankuasa yang dinamakan 3B untuk tujuan menyelamatkan hal ini. Akan tetapi sampai sekarang tidak ada bukti, tidak ada langkah dan tidak ada laporan mengatakan kita berjaya atau sebaliknya. Laporan itu sendiri pun Tuan Yang di-Pertua, tidak dikemukakan dalam Dewan sebagaimana yang dijanjikan.

Ketirisan ini pada pandangan saya dan ramai ahli-ahli yang berbincang tentang perkara ini disebabkan oleh peristiwa ali baba yang dikatakan berlaku begitu lama sehingga daripada bermulanya konsep penswastaan yang dibawa oleh Kerajaan Barisan Nasional, bermula dengan mantan-mantan Perdana Menteri yang lalu menggunakan polisi penswastaan ini untuk tujuan kononnya yang sepatutnya membantu bumiputera, akhirnya menyuburkan amalan ali baba ini dan langkah ataupun amalan kealibabaan ini berterusan sehingga sekarang. Daripada lesen gerai kecil, meniaga ikan, meniaga sayur, berniaga tepung, berniaga roti canai, berniaga kedai salon, berniaga apa sahaja kontrak kecil dan sederhana sehingga kepada pemberian AP melibatkan aktiviti kealibabaan. Saya rujuk kepada rakan-rakan yang berkaliber, yang mewakili kerajaan juga mengatakan anggaran bahawa aktiviti ali baba ini meraih atau meragut sebanyak 30% daripada sumber yang ada, sekali gus dia juga menggambarkan satu kebocoran yang begitu besar yang kita sendiri sokong dan kebanyakan daripada aktiviti ali baba ini sudah tentu disokong, diberi, dimanfaatkan dan juga diraih oleh orang-orang yang mempunyai kedudukan.

Saya tidak mahu atas nasihat Tuan Yang di-Pertua sekejap tadi, menasihatkan supaya yang pahit itu jangan disebut. Akan tetapi ali baba ini perkataan yang memang sudah pahit daripada dahulu sampai sekarang, lebih pahit daripada jadam lagi. Saya rasa perkara ini mesti diambil kira kerana pengalaman negara-negara Latin yang saya sebutkan semalam, banyak mengatakan aktiviti Ali baba ini sama seperti yang dikatakan Diablo De Pablo. Dia kata syaitan yang duduk tunggu di pintu-pintu rezeki, yang syaitan inilah yang sebenarnya yang mendapat faedah lebih besar daripada kedua-dua pihak pemberi dan penerima ali baba ataupun yang mengamalkan ali baba. Syaitan ini nampak gaya lebih kurang dengan syaitan yang dikenali sebagaimana yang disebut oleh mantan Perdana Menteri kita. Saya rasa betullah, mantan Perdana Menteri kita mengandaikan syaitan yang dikenali ini sebagaimana kegagalan polisi ataupun dasar penswastaan kerana yang mendapat manfaat yang begitu besar adalah orang

yang kita tidak nampak, tetapi ada orang tertentu yang mengenali syaitan-syaitan yang tidak nampak ini.

Saya bersetuju dengan pandangan beliau. Memang ini yang menyebabkan gagalnya dasar penswastaaan sehingga pada hari ini yang menyebabkan bahawa isu ketirisan, kebocoran dan sebagainya berlaku berleluasa dan saya hairan mengapa tidak ada satu dasar yang khusus dibawa dalam Belanjawan 2013 untuk tujuan menyekat ataupun memperbaiki atau menjadi *remedy* kepada kebocoran yang sekian lama berlaku. Saya yakin apa yang dibawa oleh Ketua Pembangkang selaku mewakili Pakatan Rakyat dalam Belanjawan Buku Jingga, walaupun tidak diulas secara detil, saya yakin ada beberapa yang agak mustahak untuk dibawa sebagai cadangan untuk mengatasi masalah perkara ini. Sebagai contoh, saya terbaca dalam cadangan itu untuk mewujudkan satu paras lantai kepada percukaian negara. Saya rasa ini satu bentuk *tax reform* yang sangat besar yang tidak dinyatakan atau tertinggal untuk dipersembahkan dalam belanjawan oleh kerajaan dalam beberapa hari yang lalu.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) mempengerusikan Mesyuarat]*

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** *Tax reform* yang meletakkan paras lantai ini sangat mustahak kerana satu golongan yang telah sekian lama mendapat manfaat tidak boleh membayar cukai lebih rendah daripada yang sepatutnya. Kita harus wujudkan satu paras lantai, tidak membenarkan sekelompok orang yang bayar cukai lebih rendah daripada yang paling minimum. Ini sangat mustahak untuk dijadikan satu pengajaran bahawa kita ada satu *cluster* yang tidak boleh kita kecualikan. Walaupun banyak insentif pengecualian dan juga rangsangan-rangsangan yang kita boleh beri untuk tujuan menggalakkan mereka atau sesiapa sahaja datang dari segi pelaburan dan meraih lebih keuntungan tetapi kita tidak boleh membenarkan *level* ataupun paras lantai ini diceroboh sehingga ada orang yang langsung terkecuali dan tidak perlu membayar cukai sama sekali kerana kepentingan dan kebijaksanaan mereka memanipulasikan polisi cukai.

Ini sama sekali kita kena lihat dan kena masukkan dalam cadangan kita untuk mewujudkan satu paras lantai dalam pembayaran cukai dalam negara kita untuk jangka panjang. Saya bimbang dan kita bimbang satu masa kalau perkara ini tidak teliti akan kita menghasilkan satu masyarakat perdagangan dalam negara kita yang menumpukan kepada kaedah melarikan cukai secara halal. Ini satu perkara yang telah berlaku dan dialami oleh negara-negara maju kerana mereka mempunyai kepandaian, kebolehan untuk memanipulasikan polisi-polisi ataupun insentif, rebat dan sebagainya untuk tujuan meminimumkan dan sekarang kita menggunakan perkataan pengecualian. Memberi insentif sehingga ada yang dikecualikan 15 tahun, lima tahun, 0%, dua kali ganda pengecualian. Ini perkataan-perkataan yang membayangkan kita cuba untuk menanam sifat meneliti kaedah pelarian cukai secara halal.

Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, ini adalah perkara yang sangat tidak sihat dalam masa kita terpaksa memikirkan inisiatif-inisiatif baru untuk menghasilkan *revenue* kepada kerajaan. Saya rasa aspek untuk mencari sumber hasil baru kepada kerajaan, kepada negara, kepada yang akhirnya sepatutnya akan pergi kepada rakyat perlu dipelbagaikan ataupun ditimbang. Saya rasa agak seronok apabila satu masa Perdana Menteri mengatakan akan wujud profesion-profesion yang masih belum wujud sekarang untuk masa akan datang. Ini juga bermakna akan wujud usaha-usaha ataupun perniagaan-perniagaan, usahawan-usahawan yang pada masa sekarang belum wujud, pada masa akan datang akan wujud perkara-perkara ini. Akan tetapi, apa gunanya kita mencipta peluang baru ataupun mencipta profesion baru tanpa memikirkan bagaimana kita boleh menyelamatkan atau mewujudkan peluang, menghasilkan *revenue* kepada negara atas sumber baru itu.

Saya tidak nampak ada cadangan ataupun ada inisiatif itu dibawa. Kalau kerajaan boleh memikirkan bagaimana kereta *hybrid* digalakkan dan diberikan insentif yang begitu besar untuk tujuan menyelamatkan alam sekitar, kenapa kita tidak boleh juga memikirkan bagaimana untuk menyelamatkan kehilangan hasil di masa akan datang? Barangkali 10 tahun, 20 tahun atau 30 tahun akan datang, kebergantungan negara terhadap satu sumber tradisi akan lenyap. Ini akan menjadikan kita barangkali akan tidak punya satu kapasiti untuk mencipta peluang mendapatkan hasil yang baru untuk di masa akan datang. Dalam hal ini juga, saya mohon supaya kerajaan kalau boleh mengisytiharkan bagaimanakah kejayaan Dasar Penswastan yang dikatakan membawa banyak *mehnah* terhadap pencapaian.

Saya rujuk kepada beberapa artikel yang dikeluarkan kebelakangan ini yang nampak gayanya memberi gambaran bahawa perlu ada satu kajian terhadap keberkesanan konsep atau polisi Dasar Penswastan yang telah dijalankan atau di dokong oleh kerajaan selama 20 tahun lebih. Perlu ada satu penelitian sama ada kita perlu panjangkan, berhenti segera ataupun kita perlu lakukan sesuatu sebelum keadaan begitu terlambat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membawa isu berkenaan dengan hal ehwal kebajikan penabung-penabung, terutamanya penabung yang berhasrat untuk mengerjakan rukun Islam yang kelima iaitu mengerjakan haji, sebagaimana yang dikatakan diwajibkan ke atas semua orang Islam yang mempunyai syarat-syarat tertentu yang telah mencapai *qualification-qualification* tertentu.

#### ■1150

Antara kedudukannya sekarang ialah di mana Menteri yang menjaga hal ehwal ini telah memaklumkan bahawa ada 300,000 rakyat Malaysia beragama Islam yang telah pun mencukupi syarat. Akan tetapi belum dapat mengerjakan ibadah tersebut kerana kekangan kuota dan sebagainya. Saya hendak membawakan isu di mana kajian dan rujukan saya menunjukkan bahawa jumlah yang terkumpul yang disumbang dan ditabung oleh pencarum-pencarum di Tabung Haji ini bernilai lebih daripada RM275 bilion. Saya hendak tanya kenapa

dalam buku belanjawan pada kali ini 2013 perkara ini tidak dimasukkan. Saya perhatikan muka surat 640 ke atas ada lapan laporan secara tradisinya diberi termasuk laporan berkenaan kedudukan akaun pencarum Tabung Haji. Ada dinyatakan dalam buku laporan tetapi pada kali ini telah pun hilang. Tidak ada dalam laporan sebagaimana yang ada tradisinya untuk rujukan kita, tidak ada.

Saya hendak tahu kenapa perkara ini berlaku? Adakah ini selaras dengan kedudukan untuk melihat ataupun memerhatikan apa yang berlaku pada tabung-tabung tertentu, termasuk juga dalam senarai itu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, tabung dana khas kepada perkhidmatan perguruan dan juga beberapa tabung lain. Nampak gayanya langsung tidak ada laporan pada kali ini berbanding dengan tahun-tahun sebelum pada ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya sepatutnya Tabung Haji ini ditubuhkan peranannya adalah untuk menjaga kebaikan rakyat Malaysia beragama Islam yang jumlahnya kata sekarang melebihi 15 juta orang di dalam negara kita. Dia menjadi satu tabung atau satu dana yang sepatutnya dana terbesar untuk tujuan melindungi dan memberi kebajikan kepada penabung-penabung. Daripada hasil dana terkumpul ini yang digunakan sekarang untuk pelaburan-pelaburan tertentu, saya yakin sepatutnya manfaat ini menjadikan seorang bakal haji itu dari tahun ke tahun menikmati faedah, yang mana kos untuk mengerjakan haji itu sepatutnya semakin berkurang. Ini kerana jumlah pelaburan itu sepatutnya diambil kira dari sudut keuntungan dividen, laba dan sebagainya. Akan tetapi kenapa perkara ini berlaku di sebaliknya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Masa Yang Berhormat.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Saya rasa perkara ini patut ada satu keterangan atau penjelasan yang agak mustahak. Sekali gus saya berharap Tuan Yang di-Pertua soal Tabung Haji ini tidaklah termasuk dalam isu kebimbangan kita akibat ketirisan yang disebut sebagai aktiviti 'kealibabaan' ini. Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ya Yang Berhormat Pasir Salak.

**11.53 pg.**

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera. Saya ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada Menteri Kewangan merangkap Perdana Menteri yang telah membentangkan sebuah bajet yang penuh bertanggungjawab. Belanja secara berhemah mengikut kemampuan yang berjumlah RM251.6 bilion bersandarkan kepada pendapatan atau hasil RM208.6 bilion. Walaupun bajet ini merupakan bajet defisit, defisit sebanyak 4.0% daripada KDNK. Satu tahap yang tidak

sepatutnya menjadi masalah ataupun menimbulkan keraguan. Ini kerana 4.0% ini jauh lebih baik daripada defisit negara-negara maju sekalipun.

Banyak negara maju seperti Amerika dan *European Union* pada masa ini mengalami defisit melebihi daripada 10% iaitu pada tahap yang sangat tinggi dan berbahaya kepada ekonomi negara. Defisit tercatat atau akan dicatatkan disebabkan oleh perbelanjaan pembangunan sebanyak RM49.7 bilion. Perbelanjaan mengurus hanya berjumlah sebanyak RM201.9 bilion dibandingkan dengan hasil yang akan dikutip sebanyak RM208.6 bilion. Kita dapati perbezaan yang menunjukkan surplus sebanyak RM6.7 bilion. Ini bermakna bahawa defisit berlaku hanya disebabkan oleh belanjawan pembangunan. Ini Ketua Menteri pun sudah keluar daripada sini dengar hujah ini dia tidak boleh jawab lagi sudah, tuduhan yang bukan-bukan kepada Kerajaan Barisan Nasional.

Perbelanjaan pembangunan adalah pra syarat kepada penjanaan kekayaan ekonomi negara. Wang yang dipinjam untuk tujuan pembangunan tidak salah dari segi prinsip ekonomi ataupun dari segi prinsip dasar ataupun dasar perbelanjaan. Perlu ditekankan kerajaan juga mempunyai rekod yang baik dari segi membayar balik hutang. Negara kita tidak pernah mengalami masalah untuk bayar balik hutang. Tuan Yang di-Pertua, hujah daripada pihak-pihak tertentu yang mendakwa hutang negara membebankan rakyat adalah hujah yang tidak boleh dipakai dalam pengurusan ekonomi negara. Kita perlu terus menanam modal kalau mahu menjana kekayaan. Tidak mungkin kita boleh mendapat keuntungan ataupun menjana kekayaan tanpa menanam modal.

Dengan sebab itu perbelanjaan pembangunan adalah perlu dan ianya dibelanjakan untuk mengangkat taraf hidup rakyat, menghapuskan kemiskinan, membangunkan modal insan yang berilmu, berpengetahuan dan berkemahiran. Menjadikan sumber manusia negara Malaysia berdaya maju, berdaya saing, produktif dan juga segala-galanya yang perlu kepada sebuah rakyat yang maju, iaitu untuk mewujudkan sebuah negara maju dan rakyat berpendapatan tinggi. Perbelanjaan sama ada belanja mengurus atau pun perbelanjaan untuk pembangunan bukan untuk kepentingan ataupun keuntungan kepada pemimpin atau kroni sebagaimana yang ditohmahkan.

Ini boleh kita lihat di mana peruntukan-peruntukan perbelanjaan yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan pertama dalam bidang pertanian sebanyak RM5.8 bilion diperuntukkan bukan untuk Perdana Menteri ataupun Menteri-Menteri Kabinet. Akan tetapi adalah untuk pesawah, pekebun dan lain-lain sebanyak RM432 juta untuk tanaman semula sawit. Saya tidak fikir Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri ada kebun kelapa sawit. Begitu juga insentif, subsidi dan insentif harga padi RM480 juta, subsidi baja padi RM465 juta dan lain-lain subsidi termasuk insentif peningkatan hasil padi RM80 juta. Insentif pengeluaran padi RM563 juta, subsidi beras RM528 juta, subsidi benih RM85 juta. Semuanya berjumlah 2.8 bilion apa yang saya sebutkan tadi dan apa yang tidak sempat saya sebutkan. Kalau dicampur

berjumlah RM2.4 bilion. Adakah petani-petani yang beratus ribu orang ini dianggap kroni kepada Perdana Menteri atau Kerajaan Barisan Nasional?

■1200

Sebagaimana yang kita tahu ramai daripada petani ini adalah penyokong parti pembangkang juga dan menjadi pemimpin parti pembangkang termasuk PAS - tidur pula setengah wakil rakyat PAS - Selain daripada itu, yang mendapat faedah daripada perbelanjaan ini ada pengeluaran hasil padi dan beras. Untuk pengetahuan, sekarang 389,000 hektar menghasilkan 1.8 juta tan metrik padi menjadi makanan rakyat. Tidak mungkin satu orang, dua tiga orang ataupun orang UMNO sahaja makan beras ini. Keluasan jelapang padi akan ditambah lagi kepada empat kawasan dengan keluasan 19,000 hektar dengan tambahan hasil 140,000 metrik tan. Kerajaan bagi peruntukan RM140 juta untuk ini. Di Batang Lupar, di Kota Belud. Siapa yang akan menjadi pesawah di sini adalah rakyat, bukannya kroni-kroni ataupun kepentingan Kerajaan Barisan Nasional.

Ini fitnah yang tidak habis-habis dibawa oleh pihak sebelah sana yang mengatakan semua perbelanjaan kerajaan ini adalah untuk faedah kroni, untuk faedah maha kaya, untuk faedah itu dan faedah ini. Bertaubatlah terutama yang membuat tuduhan itu kalau orang Islam, bertaubat sementara pintu taubat masih terbuka. Saya takut nanti kalau pintu taubat sudah tertutup, tak dan lagi hendak bertaubat.

Kita tahu semuanya apa hukumnya membuat tuduhan dan tohmahan, fitnah dan mereka cipta, tidakkah insaf? Bila mahu insaf? Cukuplah, sudahlah. Ketua Pembangkang, saya harap tadi terus berada di depan ini sebab semalam dia berucap pada hari Isnin, dia mengakui saya ini 'saing' dia, betul 'saing'. Kita berguru bersama, hutan mana yang tidak diredah, gunung mana yang tidak didaki, sungai mana yang tidak direnangi untuk menuntut ilmu dan berlatih bersama. Apa yang diajar oleh guru kita ialah untuk pertahankan maruah bangsa, agama dan tanah air, jangan belot. Ini ajaran guru kita kenapa dikhianati ajaran ini? Kerana kepentingan nafsu semata-mata. Sudahlah, Tuhan sudah bagi peluang, *first chance*, *second chance*, *don't wait for the third chance*, dengan izin. Nanti kalau tidak ada *chance*, langsung jadi belacan.

Nelayan. Begitu juga nelayan. 55,000 nelayan diberikan peruntukan sara hidup RM230 juta, perumahan untuk nelayan, bina dan baik pulih RM300 juta. Ini nelayan semua daripada rakyat kita. Beratus-ratus juta yang diperuntukkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga sebutkan lagi, begitu juga peruntukan RM1 bilion untuk PKS, perusahaan kecil dan sederhana, skim perlindungan insurans untuk mereka. Penglibatan bumiputera dalam perniagaan ditingkatkan, diperkasakan. Semalam Ketua Menteri Pulau Pinang bukan main berlagak lagi, 'Oh! kita bantu usahawan bumiputera di *Penang*'. Bantu apa? Bantu hanya dengan Kelas F, dengan projek RM200,000, itu bantuan?

Di mana maruah orang Melayu di Pulau Pinang? Hanya dengan projek RM200,000? Bagaimana projek-projek besar? Semuanya pergi ke mana?

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional tidak mengamalkan dasar begitu katanya diakui oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara mengatakan bahawa yang bisung di Pulau Pinang itu kerana Melayu UMNO tidak dapat projek. Jadi, orang Melayu UMNO tidak bagi projek? Kenapa begitu? Kerajaan Barisan Nasional, kita beri projek kepada semua. Projek-projek di kampung-kampung, buat jalan, buat bangunan, buat itu, buat ini, ramai daripada kontraktor-kontraktor daripada parti pembangkang kita beri. Kita tahu ramai daripada mereka yang menggunakan keuntungan itu untuk menentang kita kembali.

Akan tetapi kita tidak takut, demi untuk menyokong, membantu mereka. Kita bersedia dengan orang-orang yang tidak mengenang budi ini. Tidak ada masalah tetapi kita doakan kepada Allah SWT, semoga suatu hari nanti mereka sedar dan insaf bahawa apa yang mereka lakukan itu adalah satu perbuatan yang tidak baik dan diharap dapat diperbetulkan, tidak ada masalah. Begitu juga peruntukan kepada negeri-negeri. Semalam disebutkan *federalism*, kita mesti beri peruntukan kepada kerajaan negeri, banyak bagi. Disebut juga berbilion-bilion lebih daripada hasil kutipan negeri tetapi yang diminta ialah supaya dibayar terus kepada kerajaan negeri. Kita beri untuk rakyat, bukan untuk kerajaan negeri. Kerajaan negeri buat apa? Kalau dia nanti dapat wang disalahgunakan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan TEKUN pun semuanya yang dapat, tidak semestinya orang UMNO, orang Barisan Nasional. Buatlah kajian kalau tidak percaya. Semalam saya di luar Dewan, ditanya oleh seorang *reporter*, '*Dato*', *tolong terangkan, jawab tuduhan yang mengatakan bahawa ini bajet adalah untuk kroni, untuk orang-orang tertentu*'. Saya jawab dan apabila saya jawab, dia tidak boleh hendak kata apa-apa, dia tidak boleh pertikai.

Dalam pendidikan dan latihan, RM38.7 untuk perbelanjaan mengurus dan pembangunan iaitu 21% daripada Bajet 2013. Siapa *beneficiaries* atau penerima faedah daripada perbelanjaan sebesar ini? Berapa ramai anak Menteri yang pergi ke sekolah, yang pergi universiti, yang dapat faedah daripada peruntukan RM38.7 bilion ini? Tentunya boleh di bilang tetapi yang mendapat faedah ialah semua anak bangsa daripada bandar, luar bandar, tidak kira Melayu, India, Kadazan, apa juga bangsa, dapat faedah daripadanya. Dididik dari prasekolah kepada sekolah, universiti dengan peruntukan yang begitu banyak. Mereka keluar sebagai anak bangsa yang berjaya, menjadi profesional, menjadi pegawai kerajaan, menjadi usahawan. Apakah mereka semuanya kroni? Tentunya tidak. Tolonglah, boleh sila.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Bersemangat masuk tengah hari ini. Yang Berhormat, saya hendak bertanya Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat melihat bahawa dengan bajet yang dibentangkan terutama sekali dalam memperkasakan pendidikan dan juga latihan iaitu berfokuskan kepada pelajar-

pelajar sekolah di negara ini dengan RM30 bilion lebih bermakna kerajaan melihat iaitu kita akan menuju negara maju menjelang 2020.

Ini bermakna pengisian itu perlu untuk memastikan negara kita tidak ketandusan daripada pengisian pakar-pakar profesional dalam bidang-bidang tertentu. Ini akan melimpah rahmat kepada seluruh remaja kita, seluruh pelajar-pelajar kita walau dinafikan oleh pembangkang. Jadi, apakah Yang Berhormat berkeyakinan bahawa masa depan negara ini akan lebih cemerlang sekiranya rakyat ataupun remaja-remaja modal insan ini berdiri teguh menyokong kerajaan dalam menentukan untung nasib masa depan mereka.

■1210

**Tuan Che Uda bin Che Nik [Sik]:** Yang Berhormat Pasir Salak, boleh sedikit?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sekejap saya jawab. Tuan Yang di-Pertua, memang perancangan kerajaan dalam program pendidikan adalah untuk membina modal insan yang menjadi tenaga kerja dan pengusaha masa depan dan Perdana Menteri ada sebut kita melatih anak bangsa untuk melakukan kerja yang kita belum wujud lagi. *We don't know what the future needs but we have to be prepared for that need* dengan izin. Begitu sekali. Akan tetapi mungkin orang tidak faham bila bercakap begitu mendalam falsafah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Mereka tidak boleh faham fasal mereka berfikiran – minta maaf, saya pun malas hendak sebutlah. Jadi berbalik kepada soal pendidikan.

**Tuan Che Uda bin Che Nik [Sik]:** Yang Berhormat Pasir Salak, saya masih isu pendidikan kalau boleh.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ya, sekejap, sekejap. Saya ada *point* dua tiga yang penting, yang hendak sebut tadi. Jadi peruntukan tabung PTPTN berapa bilion setahun? RM5 bilion. Sekarang sudah RM30 lebih bilion. Berapa ratus ribu anak bangsa yang mendapat faedah daripadanya? Saya selalu bersyarah di kampung-kampung. Saya kata siapa yang ramai-ramai dapat PTPTN ini? Boleh jadi doktorlah, boleh jadi juruteralah, boleh jadi akauntanlah, boleh jadi arkiteklah, jadi macam-macam. *Who are they* dengan izin? Anak Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak Perdana Menteri berapa orang sahaja? Tidak ada pun ambil daripada PTPTN. Anak wakil rakyat seramai ini pun di sini saya rasa kalau ada pun seorang dua sahaja tetapi yang mendapat faedah beratus ribu anak bangsa termasuk yang di sebelah sana itu. Tidak tahulah dahulu semua kaya-kaya agaknya, tidak payah pinjam PTPTN, tidak ada biasiswa tetapi kita orang miskin, kita bergantung kepada PTPTN pergi belajar ke universiti kecuali yang tidak pergi ke universiti tidak tahulah. Ramai juga yang tidak pergi itu tetapi berlagak macam pandai sangat.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** *[Bangun]*

**Tuan Che Uda bin Che Nik [Sik]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Celah sedikit-sedikit ya. Saya ada *point* banyak ini.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Saya cuba hendak bawa perhatian Yang Berhormat Menteri sebab peluang melalui Yang Berhormat Pasir Salak. Ada lebih kurang 10 hingga 15 penuntut *marine engineering* di satu institusi pengajian tinggi di Kampung Acheh Lumut. Mereka ini oleh kerana tindakan-tindakan yang diambil oleh pegawai daripada UNISEL supaya memboikot ataupun supaya tidak memohon PTPTN dan sebagainya mereka terpesong dan akhirnya mereka hanya memohon selepas tempoh itu habis dan juga pengambilan universiti adalah selepas tempoh permohonan untuk PTPTN.

Jadi, saya mohon agar Yang Berhormat Menteri ataupun mereka yang bertanggungjawab ini memberi perhatian kepada lebih kurang 15 pemohon ini supaya mereka ini dapat juga menyambung pelajaran seperti anak-anak murid yang mendapat faedah lebih daripada RM30 bilion itu, di mana Yang Berhormat Permatang Pauh dan semua rakan di sini pun mereka di antara orang yang paling memohon untuk PTPTN ini. Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak, tolong nasihat semua pihak yang terbabit.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat. Mana yang tidak dapat itu tulis surat kepada saya. Bagi senarai. Saya panjangkanlah. Saya tukang panjangkanlah kepada Yang Berhormat Menteri. Bukan saya ambil alih tugas Yang Berhormat Menteri pula. *[Ketawa]*

**Tuan Che Uda bin Che Nik [Sik]:** Boleh sedikit?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Pasir Salak, masa itu tidak banyak.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya ada sedikit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Kalau hendak bagi orang nanti tidak berucap Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Habis, habis. Terima kasih banyak peringatan Tuan Yang di-Pertua. Saya telah menghuraikan dengan panjang lebar peruntukan yang begitu banyak sama ada perbelanjaan pengurusan adalah untuk kepentingan rakyat dan juga belanja pembangunan untuk menjana ekonomi negara. Kita tidak boleh mengamalkan dasar sosialis. Semua *free. Free, free, free.* Percuma. Bagi, bagi, bagi. Ini sosialis punya sistem dan telah terbukti *socialist system* tidak boleh bertahan lama. Sekarang pun di China walaupun kerajaannya masih komunis tetapi sistem ekonominya tidak sosialis lagi. Ia sudah jadi kapitalis yang bersumberkan modal. Begitu juga Korea Utara. Saya pergi ke Korea Utara tahun dahulu buat rombongan. Korea Utara kerajaan komunis tetapi mereka sudah menyedari bahawa sistem ekonomi komunis tidak boleh pakai lagi. Mereka sekarang membuka ekonominya dengan menjemput pelabur-pelabur daripada luar. Jadi dengan sebab itu kita perlu menjana kekayaan.

**Tuan Che Uda bin Che Nik [Sik]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, sekejap ya. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat sedikit pandangan dan teguran serta cadangan mengenai dengan bajet ini.

Pertamanya berhubung dengan peruntukan pertanian. Saya mohon kepada kerajaan iaitu tanam semula sawit yang tadi diberikan peruntukan yang begitu banyak saya harap pihak kerajaan membuat penjadualan yang teratur supaya pelancaran ataupun skim penanaman semula ini dilakukan dengan mengikut jadual supaya menjamin pendapatan hasil mengikut tempoh waktu yang dirancang. Kalau dilewatkan disebabkan kerenah birokrasi atau pentadbiran, kita akan kerugian dan menjejaskan pendapatan kerajaan, negara dan rakyat.

Selain itu, insentif bayaran padi. Insentif banyak berlaku di mana-mana ada insiden atau kejadian-kejadian lambat dibayar dan ada juga yang tertunggak. Ini kalau kita kata sebagai insentif ia mestilah insentif, menggalakkan. Kalau ia tertunggak atau lambat dibayar ia tidak menggalakkan. Ia boleh jadi *counter productive* Tuan Yang di-Pertua. Minta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan untuk mengambil perhatian terhadap perkara ini berhubung dengan pelaksanaan bajet ini nanti.

Ketiganya, galakan petani berusaha sendiri untuk mendapatkan pendapatan yang lebih tinggi. Pada hari ini kebanyakan petani sudah relax, *mechanization*. Sewa mesin, cari pemandu mesin, panggil orang tabur baja, tabur racun, tuai padi semua, dia tidak buat sudah. Petani hari ini sudah jadi tauke. Duduk di rumah, duduk di kedai kopi. Macam mana hendak dapat pendapatan yang lebih? Dia dapat hasil keuntungan sawah padi itu tetapi dia tidak dapat hasil pekerjaan yang boleh dilakukan. Bayaran upah itu pergi kepada orang lain. Dia tidak menjadi macam petrol stesen. Itu sebab syarikat minyak dia menggalakkan supaya *owner operator*. *Owner operator* dengan izin Tuan Yang di-Pertua bermakna dia jadi tauke, dia juga yang jadi pengurus, dia juga yang jadi pekerja di situ. Jadi dia tidak payah bayar gaji kepada orang lain.

So, ini akan menggandakan pendapatan dia sebagai petani. Ini saya rasa kesedaran yang perlu diberikan oleh pihak kerajaan kepada petani-petani kita supaya pendapatan mereka boleh ditingkatkan.

Selain daripada itu, saya juga ingin mengingatkan atau menarik perhatian pihak kerajaan berhubung dengan subsidi baja. Kita ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada kerajaan di atas peruntukan yang begitu besar. Walau bagaimanapun, saya hendak juga mengingatkan pihak pelaksana iaitu nombor satu pastikan baja ini berkualiti. Jangan baja yang entah di mana-mana dibeli. Dengan sebab itu ia nanti akan menjejaskan hasil padi pesawah-pesawah. Rugilah. Kerajaan sudah bagi duit tetapi pihak pelaksana mungkin kurang berhati-hati dan sebagainya menyebabkan baja itu baja yang tidak berkualiti. Itu satu. Keduanya, berhubung dengan baja...

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** [Bangun]

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ya, Yang Berhormat Pokok Sena hendak tanya apa ini? Ada benda hendak tanya?

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** FELCRA ada keluar baja tidak?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak ada. Kita beli baja.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Beli baja? Beli baja yang ada kualiti atau tidak.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kalau tidak kualiti tidak akanlah hasil FELCRA begitu banyak. Allah! RM900 juta untung tahun sudah. Hei! Tidak mengikuti perkembangan. *[Ketawa]*

#### ■1220

Tuan Yang di-Pertua, itu kualiti baja. Keduanya saya hendak ingatkan, ini mengikut *feedback* atau maklum balas yang saya dapat daripada petani-petani. Penghantaran baja itu juga kadang-kadang sudah tiba pada masa yang tidak sesuai, terlambat ataupun tercepat. Kadang-kadang belum masanya sudah dihantar, jadi dia simpan baja itu di bawah rumah ataupun di belakang rumah. Lama-lama baja itu menjadi rosak.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** *[Bangun]*

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Masa tidak cukup pula, sekejap. Jadi, saya minta pihak pelaksana Kementerian Pertanian, Jabatan Pertanian PPK kah petani-petani berkoordinasi bagi memastikan baja ini tiba pada masanya. Ini kerana kesilapan atau kelemahan dari segi *delivery system* ini akan membawa kerugian. Bukan sahaja rugi dari segi kosnya tetapi rugi dari segi menjejaskan hasil sawah padi itu.

Seterusnya yang berhubung dengan pertanian ini, saya juga mohon kepada pihak kerajaan untuk menaiktarafkan pengairan padi bukan sahaja di Sungai Manik, kali-kali Sungai Manik sahaja marah juga dia orang. Di mana-mana sahaja di Kedah, Pokok Sena, manakah tidak kisahlah, semua supaya pengairannya menjadi pengairan yang sesuai dengan zaman sekarang serta moden. Kalau boleh menggunakan teknologi maklumat, *very efficient management* dari segi bila air masuk, bila air keluar, berapa banyak air hendak masuk, jangan berlebih dan jangan berkurang.

Satu perkara lagi Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin iaitu pembinaan sistem pengairan ini, saya dapati kementerian perunding mereka bentuk sistem pengairan ini dengan kok yu – kok yu, orang Kedah panggil “kok yu”, dia punya longkang-longkang, parit itu. Kadang-kadang dia buat begitu rupa, apabila dipasang air jauh ke bawah dia tidak naik ke atas dia tidak masuk ke sawah. Air terpendap sahaja ke dalam perparitan saluran itu. Jadi maknanya belanja beratus-ratus juta untuk menaik taraf pengairan tetapi tidak berfungsi. Alangkah ruginya. Ini kesilapan mungkin di pihak konsultan, dengan pihak MOA dan sebagainya yang perlu diambil perhatian. Yang Berhormat Pokok Sena setuju tidak?

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Memang banyak masalah di dalam Kementerian Pertanian ini.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Itu kita hendak betulkan, itu tidak apalah sedikit-sedikit.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sebab itu saya minta penjelasan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat ada satu minit lagi Yang Berhormat.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sedikit sahaja. Yang Berhormat setuju atau tidak sistem pengairan ini mesti diberikan keutamaan yang seluasnya...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Setujulah.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Kalau tidak nanti masalah banjir dan sebagainya inilah yang menyebabkan kita menanggung kerugian dengan banyak.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Okey, kita akan memperbetulkan. Okey, *no problem*.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *You* setuju dengan saya?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kita akan betulkan, *No problem*.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Setuju baguslah.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak ada masalah. Itu perkara-perkara yang kita boleh perbaiki. Jangan sebab itu hendak bergaduh besar.

Nelayan begitu juga Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin bagi pihak nelayan ini daftarkanlah semua. Janganlah orang ini berdaftar, orang ini tidak. Nelayan sungai tidak berdaftar, nelayan persisiran air laut berdaftar. Ramai nelayan sungai dan nelayan persisiran ini Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak daftar, tidak dapat bantuan rumah, tidak dapat pinjaman untuk beli bot, tidak dapat beli pinjaman untuk perahu sampan dan sebagainya. *It is not fair*, dengan izin, jangan *such a small technical issues* boleh merosakkan program kerajaan. Saya menyeru kepada pihak kerajaan dan jabatan yang berkenaan dan binalah peralatan mereka secukupnya. Jetilah, bekalkanlah bot, bekalkanlah enjinnya dan sebagainya. Begitu juga dengan rumah-rumah mereka ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Baik Yang Berhormat, gulung Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Gulung ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ya.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Baik. Amboi, mana hendak digulung ini. Baik saya akurlah. Setakat itu kalau hendak baca saya bagi secara bertulis. Kalau sesiapa hendak tahu saya tambah. Saya ucapkan terima kasih banyak dan syabas kepada Menteri Kewangan dan saya hendak bagi tahu di sini sebagai mewakili kawasan Parlimen Salak, orang Melayu, orang Cina dan orang India saya balik kampung semua berasa puas hati.

Seronok dengan bajet yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan dan saya mencadangkan Tuan Yang di-Pertua kalau boleh kepada kerajaan bagi arahan kepada semua Ahli Parlimen balik kampung buat sesi penerangan Bajet 2013 Kerajaan Barisan Nasional supaya mereka faham apa dia manfaat yang boleh diperolehi daripadanya. Sekian terima kasih. *Assalamualaikum.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Pasir Mas,

**12.25 tgh**

**Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Belanjawan 2013. Pertama bagi pihak rakyat saya di kawasan Pasir Mas dan bagi pihak pertubuhan yang saya wakili, Perkasa, ingin menyampaikan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan yang telah membentangkan belanjawan yang saya kira cukup hebat dan menakjubkan.

Tuan Yang di-Pertua, sesudah Belanjawan dibentangkan pada hari Jumaat hari Sabtu, hari Ahad dan semalam saya telah mengambil inisiatif berhubung pertama dengan 12 orang pakar ekonomi iaitu pemegang-pemegang PhD sama ada profesor atau profesor Madya daripada UITM, UKM, dan UM yang saya kenal, lima *in person*, tujuh orang yang saya bercakap telefon. Kemudian saya juga bercakap dengan tiga akauntan bertauliah dan seterusnya saya menghantar 503 SMS. Daripada 503 SMS Tuan Yang di-Pertua, 58 pemimpin NGO yang saya kenal. Keseluruhannya menjawab kepada saya memang Bajet 2013 hebat dan mereka minta saya sampaikan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Malaysia.

Ini fakta Tuan Yang di-Pertua sebab saya perlu mendapat *feedback* dan dalam perbahasan ini Tuan Yang di-Pertua saya hendak menjurus oleh kerana masa tidak panjang, saya tidak mungkin izinkan mencelah kalau ada ruang yang lapang nanti, ada cukup masa kerana saya ada sembilan perkara. Cuma tinggal lagi saya hendak menjurus perbahasan saya ini kepada penambahbaikan sebab daripada mereka yang saya bertemu semuanya menghargai, tinggalnya ada beberapa pihak bercadang supaya ada penambahbaikan. Itulah kaedahnya perbahasan belanjawan di Dewan Rakyat. Manakala Ketua Pembangkang telah pun berhujah dan saya tidak hairanlah sebab kerjanya membangkang dan Ketua Pembangkang mesti bangkang. Kalau tidak bangkang, tidak adalah kerja bangkang itu, maka terpaksa dia bangkang.

Namun Tuan Yang di-Pertua, yang pentingnya ialah isu ekonomi dan pengurusan kewangan dan Belanjawan ini dia memerlukan kepakaran dan kita semua tahu sebelum Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan bentang belanjawan, sepanjang tahun menjadi tradisi Kerajaan Malaysia mengadakan Bajet dialog dengan golongan-golongan yang berkepentingan.

Kemudian melibatkan pula dengan semua agensi dan kakitangan kerajaan, pakar-pakar dan tidak digubal dalam sekelip mata ianya merupakan satu tanggungjawab yang berterusan.

Maka saya bersyukur kepada Allah SWT kerana jaminan sebelum ini bahawa kita ingin melihat esok lebih baik daripada hari ini dan hari ini lebih baik daripada semalam. Belanjawan 2012 dikira baik dan dikatakan, "Belanjawan Pilihanraya". Pilihan raya tidak datang juga. Jadi maknanya belanjawan dibuat ini untuk rakyat dan tajuknya, "*Negara Makmur Rakyat Sejahtera Sebuah Janji Ditepati.*" Saya ucapkan tahniah. Tuan Yang di-Pertua, ini sebenarnya apa yang harus kita beri tumpuan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal penambahbaikan belanjawan ini saya hendak mulakan dengan isu yang berkaitan dengan PTPTN. Isu ini saya bangkit mungkin berbeza dengan rakan-rakan yang lain. Saya hendak maklumkan Tuan Yang di-Pertua ini ada kaitan dengan masalah biasiswa. Tahukah tidak Ahli-ahli Dewan yang mulia dan Tuan Yang di-Pertua tidak ada sedikit anak-anak Melayu yang lulus *pointernya* 3.5, 3.8 mendapat tempat belajar di luar negara di universiti-universiti terpilih *Dublin University, Bristol University* dalam bidang kejuruteraan kapal terbang seumpamanya, kedoktoran tidak mendapat biasiswa.

#### ■1230

Malah ada di kalangan mereka Tuan Yang di-Pertua, pinjaman pun tidak dapat. Ada yang dapat pinjaman, diberi hanya untuk bayar yuran, sara hidup tidak diberi. Saya tahu sebab mereka datang bertemu dengan saya, mereka mengadu dengan saya, mereka ke MARA dan saya dapat maklumat ini. Jadi ini persoalannya, bila saya sebut biasiswa untuk pelajar Melayu, tidak bererti saya hendak menidakkan kepentingan pelajar-pelajar lain kaum. Cuma saya hendak cadangkan di dalam Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, mengambil kira asas pelbagai negara yang dikatakan tidak boleh diusik, tidak boleh disentuh iaitu hak keistimewaan orang-orang Melayu di bawah Perkara 153. Paling tidak pelajar-pelajar Melayu ini, bumiputera ini, Sabah dan Sarawak yang dapat tempat di luar negara, universiti yang diiktiraf, *pointernya* 3.2 ke atas, automatik diberi biasiswa. *So what?* Ini dijamin dalam Perlembagaan, kenapa ini tidak dilaksanakan. Tuan Yang di-Pertua, saya sedih sebab tidak sedikit yang terlibat ini. Ini ada dalam Perlembagaan.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak cadangkan kita dalam proses penyusunan semula masyarakat. Kalau ikut matlamat DEB, hendak merapatkan jurang di antara bukan Melayu dan kaum bumiputera. Antaranya termasuk pendidikan. Hari ini IPTS tumbuh seperti cendawan, banyak institusi sudah pun diiktiraf, Kolej Tunku Abdul Rahman pun dah naik taraf universiti, macam-macam. Akan tetapi kita lihat walaupun ada kemajuan di kalangan pelajar bumiputera, masih banyak lagi yang ketinggalan dari segi pencapaian, kalau hendak disusun dari segi kedudukan masyarakat antara kaum. Oleh itu, saya ingin mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, iaitu pinjaman PTPTN yang boleh ditukar menjadi biasiswa kalau pelajar-pelajar ini lulus di tahap yang cemerlang, 3.5 *pointer* atau ke atas.

Saya hendak cadangkan supaya untuk pelajar bumiputera, paling tidak sebelum tahun 2020 kerana kita hendak lihat bila negara kita maju tahun 2020, penyusunan semula masyarakat sudah tercapai walaupun bumiputera 65% tetapi pencapaian 30% cukup melegakan dan ini kita sudah terima selepas Dasar Ekonomi Baru dilancarkan dahulu. Jadi saya cadangkan supaya untuk pelajar bumiputera yang capai *pointer* 3.0 automatik menjadi biasiswa untuk tempoh lapan tahun sehingga tahun 2020. Ini penambahbaikan, apa yang menjadi masalahnya sebab ini ada dalam Perlembagaan, hak istimewa orang Melayu. Di mana lagi ada hak istimewa Melayu selain daripada biasiswa. Tidak ada banyak dah, semua pun sudah diliberalisasikan kerana tuntutan semasa, perkembangan ekonomi dunia, semuanya berdasarkan meritokrasi, pencapaian semua diambil, tidak ada masalah.

Cuma tinggal lagi, dari segi *affirmative action*, orang kata ini *correction*, lebih kepada *correction*, lebih kepada pembedaan, bukan satu lagi keistimewaan bagi menjamin negara kita wujud dari segi perpaduan jangka panjang, tidak timbul lagi pergeseran dan semua kaum mendapat kek yang memuaskan. Jadi sebab itu saya cadangkan dari segi *pointer* ini dapat dikurangkan sedikit selain daripada automatik kepada pelajar-pelajar yang mendapat tempat di universiti-universiti yang diiktiraf. Manakala oleh kerana kerajaan dah bersetuju kalau bayar penuh, 20% rebat, kalau konsisten 10% rebat, saya kira pengurusan 1% itu bolehlah dihapus kira. Tidak lagi menjadi beban sebab kecil sangat dan ini boleh membetulkan persepsi rakyat terhadap kerajaan yang prihatin kepada rakyat.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sekarang ini sedang menggubal Pelan Pendidikan Kebangsaan. Sesiapa sahaja boleh lagi mengemukakan pandangan sehingga bulan Disember. Saya hendak maklum di sini Tuan Yang di-Pertua, kita juga telah menghantar memorandum, cadangan melalui sidang meja bulat yang kita anjur di bawah NGO dan perkara yang penting yang saya hendak sebut di sini Tuan Yang di-Pertua, hendak cadang kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Pelajaran. Sebelum rumusan muktamad dasar strategi pendidikan untuk tahun 2020, saya cadangkan supaya kerajaan menganjur kongres pendidikan nasional yang melibatkan semua pihak, dokumen akhir dibentangkan dalam kongres dan saya harap kongres nanti dapat memuktamadkan secara rasmi, inilah dia dokumen nasional kita dalam bidang pendidikan.

Kemudian selepas ini tidak boleh lagi dipertikaikan. Mana-mana NGO yang tidak hadir, itu dia punya fasal, kita tahu ada NGO yang membuat tuntutan baru-baru ini, lapan perkara, berhimpun di depan Parlimen membuat lapan tuntutan Dong Zhong tetapi apabila mereka dijemput untuk seminar, untuk berbincang, mereka tidak hantar wakil. Akan tetapi dekat pilihan raya, mereka hantar memorandum dan mereka membuat pelbagai tuntutan. Inilah tradisinya, dekat pilihan raya, ada sahaja tuntutan-tuntutan yang dibuat yang saya kira tidak wajar.

Walau bagaimanapun, terpulang kepada kerajaan untuk menimbangkan, cuma ingatan saya asal mana kelulusan atau pertimbangan yang hendak diberi, jangan sekali-kali

bertentangan dengan Perkara 151, 152 dan juga Asas Perlembagaan Negara, Dasar Pelajaran Kebangsaan di bawah Penyata Razak dahulu. Ini mesti ditegaskan. Pemimpin kerajaan mesti ada *political will* walaupun pada yang sama setiap pihak memerlukan sokongan. Walaupun kita tahu di Malaysia ini dari segi demokrasi, tidak ada siapa yang akan dapat sokongan 100%, dapat sokongan 55% pun sudah cukup, itu satu kemenangan. Yang penting dasar nasional.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ringkas sebelum saya terlupa. Saya hendak tarik perhatian Kementerian Pelajaran, bila digunakan buku teks untuk sekolah-sekolah, dulu dah ada cerita di mana masyarakat kaum India bising. Ini satu lagi, buku teks, *Harga Sebuah Lukisan* melalui cerpen *Mutiara Bonda* karya Siti Hajar binti Mohd. Zaki, orang Melayu, orang Islam. Dalam buku ini saya hendak petik Tuan Yang di-Pertua, dalam cerpen ini ada petikan yang berbunyi, "*Ustazah di sekolah pernah menyarankan saya agar membaca surah As-Syahid sebanyak 319 kali untuk melembutkan hati saudara kita yang suka membangkang*". Surah As-Syahid dalam petikan ini adalah surah palsu dan tidak ada dalam kitab suci Al-Quran. Ini boleh mengelirukan terutamanya pelajar-pelajar Islam dan saya minta perkara ini dikaji balik iaitu buku novel, *Harga Sebuah Lukisan* yang digunakan untuk teks buku Bahasa Malaysia Tingkatan 3, komponen sastera KOMSAS.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya hendak pergi pula kepada isu halal hab. Kerajaan telah memperuntukkan RM200 juta dan kita hendak jadikan Malaysia ini pusat halal hab yang terkemuka di dunia. Syabas dan itulah sewajarnya, langkah ke hadapan. Cuma Tuan Yang di-Pertua, urusan halal haram makanan ini sekarang diletakkan di bawah JAKIM. Masalah makan ini bukan masalah perkara kecil, ini soal haram halal, perkara yang haram boleh masuk dalam darah daging kita sebagai orang Islam, untuk orang Islamlah.

Jadi untuk itu Tuan Yang di-Pertua, atas cadangan beberapa tokoh ulama melalui Yang Berbahagia Datuk Noh Gadut, Penasihat Majlis Agama Islam Negeri Johor yang juga Mufti Johor dahulu dan beberapa tokoh ulama yang saya temui baru-baru ini meminta saya menyampaikan supaya unit halal di JAKIM ini dipecahkan dan kerajaan menubuhkan satu jabatan baru ialah Jabatan Halal Hab di negara kita ini yang memerlukan pengasingan, seorang ketua pengarah yang bertauliah, yang berkelulusan dengan doktor-doktornya, pakar-pakarnya, penguatkuasaannya supaya mereka boleh memainkan peranan dengan lebih berkesan dalam soal isu halal haram ini. Ia sebab di bawah JAKIM kerana saya percaya tidak mampu dengan kakitangan yang ada. Setakat hendak keluar sijil, hendak cop boleh, esok macam-macam pula penyelewengan berlaku. Jadi sebab itu mesti ada satu jabatan khas iaitu Jabatan Halal diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dengan ketua pengarah yang berasingan.

#### ■1240

Yang ketiga, saya nak cadang Tuan Yang di-Pertua, isu dana asing ini. Dalam belanjawan, saya dok tunggu-tunggu juga kot-kot ada imbuhan kepada pertubuhan NGO-NGO rupanya tak ada tapi saya tahu selama ini kerajaan ada membantu. Banyak NGO secara *ad*

*hoc* kalau ada yang nak buat kebudayaan, dia pergi ke Kementerian Kesenian, yang belia pergi ke Kementerian Belia, ada macam-macam. *Alhamdulillah* cuma saya nak cadangkan supaya diformalizekan, dirasmikan supaya ada peruntukan dana untuk NGO-NGO di bawah belanjawan setiap tahun. Saya mengatakan demikian sebab Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan di sini sebab baru-baru ini timbul isu Syarikat Suara Inisiatif Sdn. Bhd. yang dijadikan perkakas untuk menerima dana asing dan disalurkan kepada SUARAM dan mereka yang terlibat dalam SUARAM yang menerima dana asing ini ada menjadi anggota Dewan Rakyat sekarang ini.

Apa pun hujah mereka mengatakan ini tidak salah, ini untuk demokrasi. Apa pun, kita tahu ianya satu dana yang kita tahu dana-dana ini datang daripada beberapa agensi yang kita semua tahu daripada *Endowment for Democracy* dari Amerika, NED, Southtown yang ada agenda politik. Kita tengok kebangkitan *Arab Spring* baru-baru ini yang berlaku di Timur Tengah memang dalangnya daripada luar, dalangnya daripada pertubuhan dana-dana melalui yang dikatakan NGO, sebab saya percaya kaedah strategi sama ada CIA ataupun Pentagon sekarang ini bukan lagi terlibat secara langsung tetapi menggunakan saluran ketiga melalui NGO-NGO mengeluarkan dana membantu setengah-setengah negara seperti di *Arab Spring* ini...

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** [*Bangun*]

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Kejap. Jadi Tuan Yang di-Pertua, oleh itu yang hairannya di Amerika sendiri Tuan Yang di-Pertua, saya buat *research*. Tuan Yang di-Pertua, di Amerika saya baca, rupanya di Amerika ada satu akta yang dinamakan *Foreign Agent Registration Act*. Maknanya di Amerika sendiri, sesiapa NGO yang menerima bantuan dana mesti *declare* kepada Kerajaan Amerika, ada maklumat ini. Kita tak ada. Jadi memandangkan perkembangan semasa, campur tangan asing dalam setengah-setengah negara termasuk negara kita sekarang ini, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan mempertimbangkan untuk mewujudkan satu akta yang berkaitan dengan penerimaan dana asing dan akta ini di mana ianya diwajibkan semua pertubuhan NGO bila menerima dana sama ada luar negara ke dalam negara, dia mesti rekod dan isytihar dalam akaunnya kepada pendaftar pertubuhan, ini penting.

Saya tak payah baca, panjang. Saya boleh hujah malah di Rusia sendiri, Putin iaitu Presiden Rusia sendiri juga menuduh ada NGO dari Amerika campur tangan dalam soal urusan pilihan raya di negara Rusia. Ini ada dokumen, ada *detailnya* yang perlu ditangani. Jangan kita tunggu, sediakan payung sebelum hujan. Jangan terlambat, bertindak sekarang. Jangan takut-takut, ini untuk keselamatan negara bukan untuk menyekat demokrasi. Tidak ada salah kalau kita jujur, kita ikhlas dan saya cadangkan selain daripada akta yang saya cadangkan tadi, pada masa yang sama kerajaan juga mewujudkan satu dana untuk NGO-NGO.

Saya cadangkan setiap NGO diberi bantuan setiap tahun berdasarkan kepada jumlah keahlian. Katakan RM10 seorang, satu ahli untuk satu NGO. Kalau dia ada 1,000 ahli kali

RM10 maka dia dapat RM10,000 dan sebelum diberi, NGO ini mesti diaudit. Ahlinya kena betul dengan jumlah yang *declare*. Akaunnya diaudit berkala. Ada *auditor* dalaman, dalam pendaftar pertubuhan yang pergi *check on the spot* setiap masa. Jangan tunggu orang lapor, jangan tunggu ada laporan polis. Jangan tunggu jadi isu baru nak siasat. Bila kita tegur ketua jabatan kerajaan, melenting, marah bila kita suruh letak jawatan. Belum kita bercakap, senyap, bisu seribu bahasa walaupun negara kita terancam daripada segi keselamatan. Maka sebab itu saya cadangkan dana ini mesti diwujudkan oleh kerajaan. Tak banyak pun, RM30 juta ke RM50 juta. Saya rasa tidak banyak. Yang Berhormat Tenggara? RM30 juta ke RM50 juta tidak banyak dan sekarang ini pun kerajaan bagi. Boleh bagi, saya tidak ada halangan. Boleh bagi kepada semua NGO. Sekarang ini kerajaan terbuka, NGO-NGO yang kritik kerajaan pun bolehlah dipertimbangkan sebab sekarang ini pun BR1M dapat semua. Bantuan-bantuan dapat semua. Maki hamun kerajaan 24 jam tapi kalau nak bagi BR1M pukul 3, pukul 8 pagi depa tunggu dah, tak ada masalah.

Jadi bagilah, kerajaan dah terbuka, dah baik sangat, bagi. Saya cadang, saya sokong supaya mereka tidak bergantung pada dana asing. Ha ini, masalah ini dan sekarang ini belum lagi pendakwaan dibuat. Tengah dok kaji lagi maklumat itu, maklumat ini, susah betul. Saya cukup bimbang dengan keselamatan negara, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini segala-galanya nak kena pergi mahkamah. Nak kena ada hak *facts*, kena ada bukti yang kukuh, yang *solid* kalau tidak maknanya peristiwa itu dah berlaku, keburukan itu dah jadi baru nak bertindak, baru nak kaji, baru nak ambil tindakan. Dulu kita ada *Preventive Act*. *Preventive Act* sudah tidak ada lagi sesudah ISA dimansuhkan dan inilah yang menyebabkan setengah-setengah pihak makin ghairah, makin berani.

Bila Parlimen bersidang, ada sahaja yang berhimpun di luar, bukan main lagi dengan *healemya*, dengan bajunya, dengan tali lilit di kepalanya. Apakah ini tidak lagi kebebasan? Apakah ini tidak lagi bukti bahawasanya begitu terbuka dan saya nampak kerajaan memang beranilah mengambil risiko meletakkan masalah keselamatan negara ini dalam keadaan yang cukup cemas yang saya anggap boleh jadi seperti api dalam sekam ataupun telur di hujung tanduk. Sebab itu akta yang ini mesti dipertimbangkan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga ingin ....

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** [*Bangun*].

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Ya, sila.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Ya, Yang Berhormat Pasir Mas. Tentang dana itu, saya nak tanya pandangan daripada Yang Berhormat Pasir Mas. Satu pihak mengatakan bahawa atau mereka mengatakan bahawa kerajaan juga menerima dana daripada luar negara. Dana untuk pembangunan dan sebagainya. Mereka seolah-olah menyamakan dana yang diterima oleh kerajaan daripada Bank Dunia dan sebagainya untuk pembangunan infrastruktur negara sama dengan dana yang mereka terima daripada NGO luar negara seperti yang disebut

oleh Yang Berhormat Pasir Mas. Adakah ini membantu rakyat? Saya nampak ia lebih menjurus kepada mengelirukan rakyat.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Tuan Yang di-Pertua, ia tak boleh sama. Yang Berhormat, macam mana nak sama? Dana yang diterima oleh kerajaan itu diaudit, dia masuk dengan cara yang betul, dibentangkan, ada laporannya. Dana ini, dana sulit. Masuk dalam Suara Inisiatif pergi kepada SUARAM. Apa dia buat kita tahu. Buat risalah, buat bendera, buat sepanduk, upah orang-orang tertentu tulis berita-berita masuk dalam *blog*, dalam *Facebook*. Tak boleh samakan. Yang saya sebutkan tadi Amerika sendiri, bapa demokrasi ini, Amerika sendiri pun ada akta ini termasuklah Akta Tahanan Tanpa Bicara selepas serangan 9 November dahulu. Yang kita pula pergi hapus. Tak apa, tak ada masalahlah dah terbuat dah. Mudah-mudahan negara kita selamat.

Tapi Amerika sendiri dan saya nak beritahu kepada rakyat Malaysialah, orang-orang yang terima dana asing ini, yang jadi tali barut asing ini, dia tak ada semangat patriotik. Dia tak ada semangat kenegaraan, perkakas. Jadi macam mana rakyat boleh pilih pun saya tak tahulah. Tak tahulah Tuan Yang di-Pertua sebab kalau negara lain, haram tetapi kita ini di Malaysia ini lain sikit. Yang tak betulnya pihak kerajaan. Saya bukan nak bela kerajaan, kerajaan pun memang ada kelemahan-kelemahan yang perlu ditegur tetapi pada masa yang sama, melampau sangat. Sebab itu saya tak hairan.

Dulu saya Presiden PERKASA, untuk makluman Yang Berhormat. Saya buat dahulu tahun lepas dengan betul-betul ikhlas. Saya buat perayaan hari Gong Xi Fatt Choi untuk orang Cina. PERKASA buat sebab kita hendak *prove* bahawa kita bukan *racist*.

#### ■1250

Kita sayang kepada semua rakyat Malaysia. Cuma kita bersuara berpandukan pada perlembagaan. Ada tersilap kerana kes sampul surat, saya ingat dulu, yang tidak disengajakan tetapi dibesarkan. Siapa yang besarkan? Yang besarkan ialah *Malaysiakini*. Siapa *Malaysiakini*? Barua yang menerima dana daripada luar negara, daripada SUARAM. Jadi, kalau inilah pengkhianat yang tak mampu kita ambil tindakan, bagaimana nasib negara pada masa akan datang? - Timbalan Menteri Pengangkutan, apa termenung? Dengar ini. Ini negara kita. Macam mana? Sebab itu kita tahu *Malaysiakini*...

**Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]:** [Bangun]

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Ya, pendek sahaja. Seminit, seminit. Saya pun ada banyak lagi.

**Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]:** Yang Berhormat Pasir Mas, kalau kita benarkan dana-dana asing yang tidak mengikut undang-undang ini digunakan dalam negara kita oleh setengah-setengah pihak, ini bukankah mendedahkan soal keselamatan negara, soal masa depan negara? Maka, sudah tentulah mereka mempunyai agenda-agenda tertentu yang

tersembunyi yang diminta mereka yang diberikan bantuan itu untuk melaksanakan daripada dalam negeri. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Memang betul. Memang betul Yang Berhormat, memang. Ini yang saya bimbang ini. Ini yang saya bangkit. Ini saya minta ucapan itu dimasukkan dalam ucapan saya sekali. Selesai sudah bab ini Tuan Yang di-Pertua. Saya nak pergi bab lain.

Ada satu lagi kumpulan saya tertinggal Tuan Yang di-Pertua dalam belanjawan. Kerajaan sudah beri semua pihak, tak ada golongan yang tertinggal. Cuma saya didatangi oleh sekumpulan anak-anak muda yang bermotosikal, kompelin kepada saya. *Road tax* dia murah, RM1, RM2 sahaja. Motor sudah buruk tetapi insuransnya kena bayar RM150. Ini ada ratus ribu penunggang-penunggang motosikal ini yang saya percaya banyaknya tak ada *road tax*. Saya sendiri pun periksa. Tak ada *road tax*. Ini bahaya.

Jadi kalau kerajaan sudah membuat perlindungan untuk para petani, kaum nelayan, peniaga-peniaga kecil sudah pun ada *coverage* insurans, saya tak tahulah kalau boleh kerajaan dapat pertimbangkan apa-apa bentuk bantuan dari segi baucar insuranskah bernilai RM150 kepada penunggang-penunggang motor yang ada motosikal, yang gajinya mungkin RM600 ke bawahkah atau RM700 ke bawah, RM1,000 ke bawahlah. Tak payahlah yang RM2,000, RM3,000, yang sedikit ini. Yang saya tanya gaji kamu berapa. "*Ala Dato', saya jual burger saja*". Cuci kereta, gaji RM600, RM400, RM500. Mintalah kalau boleh semua penunggang motor yang saya sebutkan tadi yang pendapatannya kurang daripada gaji minimumlah, yang kerja kais pagi makan pagi, kais petang makan petang yang ada motor Tuan Yang di-Pertua, termasuk kawasan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Ini patut diberi baucar insurans. Lebih bermakna, sebab bila berlaku *accident* mereka tak boleh *claim* nyawa dan sebagainya. Inilah yang saya harap dapat dipertimbangkan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya nak sentuh juga sedikit Tuan Yang di-Pertua... Banyak di Pasir Mas, saya takut lupa. Saya nak tanya dan nak minta jawapan daripada Menteri Kerja Raya, bila projek *by-pass* Pasir Mas iaitu jambatan yang melintangi di Salor, Pasir Mas yang dulu sudah lulus RM10 juta untuk buat *design* dan saya harap masuk dalam *rolling plan* yang ketiga 2013. Projek Balai Polis Pasir Mas sudah lama tertangguh. Bandar Pasir Mas sempadan dengan Thailand, pusat yang berkembang. Hari ini balai polis pun tak sesuai. Sudah ada tapak sudah. Saya minta masuk juga *rolling Plan* 2013 dalam belanjawan baru-baru ini. Begitu juga Menteri Pembangunan Luar Bandar. Dulu ada nak buat Maktab Rendah Sains Mara, ada dicadang dengan Politeknik MARA. Bila nak buat ini?

Tiga projek ini saya minta dibuat dalam tahun 2013. Minta jawapan daripada Menteri Kemajuan Luar Bandar, kolej politeknik; Menteri Dalam Negeri, Balai Polis Pasir Mas di Tunjong; dan juga *by-pass* Pasir Mas daripada Menteri Jabatan Kerja Raya.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali. Saya nak rumus ini. Saya dengar belanjawan yang dibentangkan oleh Ketua Pembangkang. Bukan main lagi tetapi saya dapati hujah dia Tuan Yang di-Pertua, nampak sangat tidak bertenaga sudah, terkapai-kapai. Sebab, mahu tak mahu Ketua Pembangkang kena bercakap, ini Pilihan Raya Ke-13 nak datang. *So*, dia kena *discredit* belanjawan ini. Dia kena menidakkan bahawa belanjawan ini tak bagus dengan memberi macam-macam alasan tetapi saya nampak terkapai-kapai, terkapai-kapai. Sebab, nak bercakap ekonomi pun kena pandai Tuan Yang di-Pertua, bukan sembarangan. Sebab itu saya pun bertanya.

Saya belajar di UiTM, *mass com*. Kawan saya yang bercakap panjang itu Universiti Malaya, Pengajian Melayu. Entah macam mana jadi Menteri Kewangan dulu pun saya tak tahu. Bercakap bab ekonomi ini kena pandai. Pengalaman, kelulusan, latar belakang. Kalau petik-petik daripada orang-orang cadang sahaja, belum tentu orang cadang itu betul. Manakala belanjawan yang dibuat oleh Dato' Najib, kerajaan melibatkan banyak pihak. Itu cakap-cakap politik dengan Buku Jingganya, dengan bukan main lagilah, dengan gayanya. Lepas itu mempertahankan pula pencapaian kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, di Selangor itu macam-macam masalah. Dalam surat khabar hari-hari. Airlah, rumahlah, harga rumah mahallah, sampahlah, penyelewengan tak ada, penyelesaian talamlah. Di *Penang*, tak usah nak bercakap masalah isu orang Melayu, hari-hari ada tunjuk perasaan. Hari-hari bantah sana, bantah sini. Nak sebut satu dua perkara jasa yang dibuat, betullah ada. Sama juga Barisan Nasional, tidak sedikit jasa-jasanya tetapi ada satu dua masalah. Ini orang sebut bukan main hebat.

Selepas itu pujilah pula Kelantan, negeri saya. Kerajaan bagi tanah, betul Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan dulu pun bagi tanah tetapi kerajaan yang ambil tanah macam mana? Tanah yang diteroka oleh rakyat diserahkan pada Ladang Rakyat. Masalah air, janji, janji, janji tak ditepati. Jambatan di Kampung Laut ke Tambatan Diraja, pelabuhan darat di Kuala Krai, projek D7, semua gagal. Nak buat lebuhraya sendiri pula sekarang ini, dari Kuala Krai ke Kota Bharu. Bukan main lagi kutip derma. RM1.8 bilion, kutip derma berapa ringgit? Saya sudah beritahu kat orang-orang Kelantan, nak buat lebuhraya ini, nak beli minyak tar satu baldi pun sudah berapa ribu. Ini baru derma RM500 ini heboh seluruh negara. Banyak lagi isu-isu di Kelantan.

Hari ini mereka sudah *start* konvoi daripada Kelantan, saya dengar pagi tadi, menuju ke Putrajaya esok. Malam ini ada perhimpunan – petang inikah di Shah Alam? Mengenai tuntutan royalti kerana esok ada kes. Ini semua gimik. Semua gimik politik. Nak mengalih pandangan rakyat kerana pilihan raya nak datang.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, rakyat makin sedar dan sebab itu saya lihat belanjawan yang dilaksanakan oleh kerajaan dan Dato' Najib memang saya cukup memandangi tinggi dan bolehlah kalau saya nak katakan – ini saya bercakap atas dasar akademik, bukan politik. Saya boleh nyatakan di sini wajar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri

Kewangan bolehlah nak dinobatkan sebagai Bapa Transformasi Negara kita Malaysia ini. Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, secara akhirnya kita lihat, jangan kita nak nafikan dari segi akademik, kemasukan pelaburan asing, peningkatan pertumbuhan ekonomi 4.7%, mampan dibanding dengan setengah-setengah negara lain, kita pun agak ke depan. Kutipan cukai yang meningkat. Kita tengok semua ada kejayaan dan bantuan-bantuan yang diberi kepada rakyat.

Kita lihat kalau pun ada disebut hutang negara, disebut kononnya beberapa ratus bilion, tetapi kalau dilihat dari segi statistik yang dibaca oleh Yang Berhormat Rembau semalam, kita jauh lebih rendah daripada negara lain. *So what?* Jadi, nak bandingkan pemimpin Malaysia dengan *Egypt*, dengan Ben Ali di Tunisia? Nak banding supaya kita pakat jatuh pemimpin di Malaysia? Ini tak betul. Dia terbalik, yang kena jatuh ialah Ketua Pembangkang yang saya tahu tidak ada kredibiliti dan wibawa sebagai seorang pemimpin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Saya ucapkan terima kasih. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua saya ada buat satu catitan nak pilih pemimpin yang beristiqamah, yang jujur amanah ini, siapa sebenarnya tetapi tak sempat, apakan daya. Saya menyokong, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas peluang yang diberi.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Ledang.

**12.59 tgh.**

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya mulakan dengan ungkapan, masyarakat Ledang, rakyat Ledang mengucapkan bukan sahaja terima kasih malah jutaan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah membentangkan Bajet 'Memakmurkan Negara, Menyejahterakan Rakyat, Sebuah Janji Ditepati' 2013. Ini adalah bajet yang pada saya sangat-sangat seimbang, merangkumi semua aspek dan responsif. Jadi, Ledang sangat berterima kasih. Rakyat Ledang sangat bersyukur kerana inilah bajet yang pada Ledang akhirnya akan sampai ke sana dan Ledang sebenarnya mengalu-alukan bajet ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat. Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, persidangan Dewan sesi pagi ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang nanti Dewan akan bersidang semula.

**[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 petang]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) mempengerusikan Mesyuarat]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Jemput Yang Berhormat Ledang.

**2.32 ptg.**

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tinggal berapa minit Yang Berhormat? 10 minit?

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Baru satu minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Oh, ya. 30 minit ya.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua dia menguji kitalah. Cuma saya sambung Tuan Yang di-Pertua, harapan Ledang ialah mudah-mudahan dengan peruntukan RM380 juta pembangunan pelancongan dapat disalurkan sebahagian kecilnya tidaklah besar kepada Ledang. Ini kerana Ledang sebenarnya mempunyai potensi pelancongan yang sangat hebat. Jadi, saya ini sebenarnya bercakap kerana ada Timbalan Menteri Pelancongan di sini. Beliau datang Ledang, telah berjanji untuk membawa banyak lagi program-program ke Ledang dan kita tunggu. Beliau naik Gunung Ledang, maknanya itu adalah salah satu sumber Tuan Yang di-Pertua, sumber pelancongan di Ledang, Tangkak. Ledang adalah syurga membeli belah kain. Sudah pun diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelancongan. Ada air sungai, ada air laut, kebudayaan pelbagai. Yang Berhormat Machang datang pun kita alu-alukan. Beliau pernah datang.

Cuma bagi pihak Ledang, saya ingin menyebut di sini sahajalah. Ledang ini aman sebenarnya tidak ada masalah, cuma apabila Yang Berhormat Machang datang bersama Yang Berhormat Permatang Pauh adalah sedikit insiden, seciput-ciput baling cat. Saya hendak beritahu, saya puji pihak polis kerana pihak polis bertindak sangat pantas. Bukan sahaja bantu dan sebagainya supaya amanlah, malahan pihak polis *ambush*. *Ambush* Yang Berhormat Machang, *ambush* rumah yang berkenaan, yang disyaki terlibat dengan baling cat tersebut. Saya cakap terus terang dan polis boleh sahkan. *Ambush*, bukannya datang tangkap, tidak. *Ambush*, seolah-olah yang pelaku ini, seolah-olah melakukan kesalahan jenayah yang paling besar dalam dunia lah. *Ambush*.

Jadi apabila dulu Yang Berhormat Machang bercakap dengan saya, Yang Berhormat Permatang Pauh pun kena *ambush*, saya fikir adillah bukan. Maknanya, tidak kira siapa, kalau polis suspek sesuatu yang berkaitan dengan jenayah itu berlaku, polis *ambush* dan berlaku sendiri di Ledang. Untuk makluman Yang Berhormat Machang, memang polis *ambush*. Cuma bukanlah disuruh oleh UMNO, tidak. Saya boleh sahkan. Siapa menyuruh, saya tidak mahu

bincang dalam bab inilah. Akan tetapi, saya hendak beritahu polis bertindak sangat adil dan tegas. Itu saya hendak beritahu.

*Alhamdulillah*, setakat ini Ledang aman. Oleh sebab itu, kalau Ledang ini boleh dijadikan salah satu daripada pusat pelancongan akan datang, saya mengalu-alukan. Di awal ucapan saya ini, saya hendak mengambil kesempatan supaya sebahagian daripada peruntukkan RM358 juta ditumpahkan ke Ledang Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang hendak sebut di sini ialah saya sebenarnya tidak berapa gemar kalau kita berbahas di Dewan Rakyat ini dengan kita membandingkan sangat, sikit-sikit tidak apa, bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan bajet yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh walaupun di luar Dewan Rakyat. Saya tidak berapa gemar.

Kepada yang sewajarnya, kita berbahas tentang bajet yang dibentangkan di Dewan Rakyat ini bukannya bajet yang dibentangkan di luar. Seeloknya tidak berlaku perbandingan. Saya fikir Tuan Yang di-Pertua, tidak ada satu cerita di luar atau sejarah mengatakan bahawa kerajaan bentang satu bajet, pembangkang bentang satu bajet di negara-negara luar, tidak ada. Kepada saya, lebih elok kita bincang dan mana-mana yang rasa-rasanya tidak baik kita tegur, yang patut kita kritik, kita kritik secara membina. Itu pada pandangan saya.

Umpamanya tentang defisit negara. *Alhamdulillah*, daripada *report* sudah pun menurun ke tahap bawah 5% dan disasarkan tahun depan akan menurun lagi, defisit akan menurun lagi kepada tahap 4%. Walaupun kerajaan *commit* dengan banyak perbelanjaan, tetapi berdasarkan kepada jangkaan pendapatan yang meningkat, berasaskan kepada sistem ekonomi kita ataupun trend ekonomi kita yang pelbagai. Misalnya, kita belajar daripada krisis kewangan dahulu, kita meningkatkan pertumbuhan ekonomi dalaman, *robust domestic growth*, kita mempelbagaikan atau menyeimbangkan *manufacturing* dengan izin, komoditi dengan dan perkhidmatan, kita meyakinkan. Satu perkara Tuan Yang di-Pertua yang berlaku dalam negara kita ialah rakyat Malaysia begitu yakin berbelanja. Daripada dahulu hinggalah sekarang. Mereka tidak bimbang soal belanja. Hatta, kalau Yang Berhormat Machang datang Ledang pun, saya tidak nafikan ada yang menyumbang. Itu maknanya berbelanja itu. Tidak ada masalah. Maknanya, orang Malaysia ini dia mudah, dia yakin *spending*. Untuk apa pun. Derma boleh, belanja beli barang boleh. Semuanya boleh. Ini sebenarnya secara tidak langsung mencergaskan ekonomi kita dan banyak lagi faktor-faktor yang menyebabkan ekonomi kita bertambah berkembang dan akhirnya kita dapat mengurangkan defisit.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya hendak sebut di sini ialah sebenarnya bajet kita Tuan Yang di-Pertua adalah bajet yang sangat *responsive*. Ini sahaja yang saya hendak sentuh Tuan Yang di-Pertua. Bajet yang *responsive*, *responsive* kepada semua perkara yang ditimbulkan oleh rakyat. Sudah tentulah bajet ini selaras dengan seiring ungkapan Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa kerajaan sentiasa mendengar denyut nadi rakyat. Ini satu perkara yang tidak boleh kita nafikan. Soal kenaikan kos sara hidup, soal untuk memiliki rumah, soal menarik minat pelabur, soal pendidikan, isu keselamatan ditangani.

■ 1440

Ada dalam bajet. Isu ekonomi di luar bandar, *very straight forward*, dengan izin. Soal kebajikan, soal sama ada kerajaan prihatin dan memberi bantuan kepada mereka-mereka yang ingin berniaga dan sebagainya. Saya sentuh beberapa perkara Tuan Yang di-Pertua. Misalnya yang amat menyerlah ialah BR1M. Menyerlah. Kenapa tidak menyerlah? Pertamanya dia *extended, enhanced*. Yang Berhormat Pokok Sena. Keduanya ialah orang bujang pun dapat dan tanpa mengira fahaman politik. Kalau di Ledang itu yang pertama sekali yang *queue*, beratur itu kawan-kawan kita juga. Itu contoh. Tidak ada masalah dan kita alu-alukan. Itu hebatnya Ledang. Itu yang saya kata Ledang itu hebat... [Ketawa]

Akan tetapi satu perkara Tuan Yang di-Pertua yang saya mahu sebut di sini ialah dan kadang-kadang perkara ini jarang ditekankan. Ini adalah sebenar-sebenarnya subsidi yang dibayar atau diberi terus kepada rakyat. Umpamanya tahun lepas. Kita belanja lebih kurang RM3 bilion untuk BR1M dan bila saya kira RM3 bilion itu sebenarnya sama dengan lebih kurang 30 sen.

RON95 boleh diturunkan. Saya jangka kalau kerajaan tidak bayar BR1M, kerajaan boleh turunkan harga minyak RM1.60. Lebih kurang begitu. Lebih kurang. Akan tetapi siapa yang untung? Yang untung Yang Berhormat Pokok Sena sebab kereta dia besar. Walaupun *second hand*. Contoh, kuat pakai minyak. Maknanya tidak sampai kepada kumpulan sasaran yang tepat.

Yang Berhormat Pokok Sena tidak apa, dia orang yang saya tidak sebut mewah, mampu. Kita semua mampu tetapi bagi mereka yang tidak mampu ini... [Menyampuk] Bagi mereka yang tidak mampu ini, maknanya kerajaan prihatin kepada golongan yang tidak mampu. Kerajaan tidak mahu membazir subsidi dengan memberikan kepada kumpulan sasaran yang lebih mampu seperti minyak tadi. Akhirnya berlaku tidak adil, atau tidak seimbang. Akan tetapi kalau diuruskan, difokuskan kepada kumpulan lebih kurang –berapa juta penduduk? Sebanyak 5.2 juta isi rumah kalau tidak salah saya. Maknanya mereka ini dapat subsidi secara terus...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** RM500.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Secara terus walaupun RM500.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sekali.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Walaupun sekali. Tidak apa berbanding dengan..., *no*, isunya untuk keseimbangan, untuk keadilan. Daripada kita turunkan subsidi minyak yang dapat lebih kepada orang yang menggunakan kereta-kereta besar, bukan? Hendak bagi mungkin ambil masa yang banyak. Mungkin tidak bagi rasanya... [Disampuk]

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada sahabat saya daripada Ledang. Betul Yang Berhormat kata kalau bagi untuk RON95 orang kaya pun dapat, Yang Berhormat Pasir Salak pun dapat sebagainya. Akan tetapi orang miskin pun dapat. Akan tetapi bila bagi RM500 hendak tahan berapa lama orang miskin ini, RM500 hendak tahan berapa lama? Dia bukan boleh, tetapi kalau bagi kepada subsidi RON 95 dia hari-hari boleh, *long term* dia boleh dapat. Akan tetapi RM500 ini habis...

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jadi biarlah..

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Cukup, cukuplah.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Fikirlah bagi rasional sikit.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Maksud..., ini tidak faham tajuk ini... *[Ketawa]* Maksud dia, kalau orang yang kurang mampu, janganlah sebut orang miskin. Katakanlah orang yang tidak mampu, berapa banyak sangat dia menggunakan petrol ini berbanding dengan orang yang mampu, yang naik kereta besar ini.

Maknanya betul semua dapat tetapi amaun dapat berapa? Berapa dapat? Itu pun masih kerajaan masih lagi menanggung subsidi yang banyak. Itu maksud saya. Janganlah pusingkan fakta pula, bukan. Kali ini orang bujang dapat. Maknanya kerajaan berbelanja kalau tahun lepas RM2.8 bilion dan saya dengar-dengar tidak cukup RM2.8 bilion kali ini senang-senang RM3.5 bilion atau mungkin lebih.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** *[Bangun]*

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Tolong Yang Berhormat Sri Gading, pendekkan ucapan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Kita bersyukur Yang Berhormat Ledang. Puak pembangkang ini memang sengaja hendak putar belitkan, yang patut rakyat dapat itu hendak dinafikan. Dia balik-balik pegang kepada bajet mimpi dia itu. Itu sahaja yang hendak digembar-gemburkan. Akan tetapi ini bagi rakyat yang bersyukur, RM500 ini ya, Allah, mereka mengucapkan terima kasih kepada kerajaan. Jadi Yang Berhormat Ledang tidak payah hendak mendengar pembangkang. Pembangkang mana pernah berterima kasih. Akan tetapi apabila berbaris, dialah yang lebih dulu datang di depan meja kita.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Sudah terang lagi bersuluh. Tepatlah itu seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Sri Gading. Dia orang lama. Dia faham sangat bab kebajikan ini. Bukannya berura-ura tetapi memang sudah dipraktikkan.

Tuan Yang di-Pertua soal KR1M ada orang menyebut bahawa KR1M ini hanya mengayakan Mydin. Tahun ini kerajaan menyediakan peruntukan RM386 juta. Ini bukan untuk kroni Tuan Yang di-Pertua. Orang ada bandingkan apa rasionalnya RM386 juta ini dengan 57 buah Kedai Rakyat 1Malaysia. Akan tetapi orang tidak baca habis. Sebenarnya ini adalah kos

pengangkutan, kos subsidi LPG misalnya dan lain-lain. Mana kerajaan terpaksa tanggung beza harga itu.

Tadi saya dengar ada *press statement*, dengan izin, yang mengatakan bahawa peruntukan yang besar ini untuk kroni dan ditujukan kepada Mydin. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu perkauman Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi saya rasa kalau yang dapat itu bukan Mydin, orang lain dapat, orang-orang tertentu dapat dan namanya bukan Mydin saya rasa isu ini tidak timbul. Melihat pada *statement*. Saya yakin. Akan tetapi sebenarnya bukan isu Mydin ataupun sesiapa. Akan tetapi isunya ialah menyeragamkan harga. Harga barang yang selalu kita menggunakan di rumah setiap hari...

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Mohon izin Yang Berhormat Ledang.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Banyak...

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** KR1M.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Oleh kerana..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Kota Raja

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Raja, raja ini dia hendak fokus dan *shot*. Kota Raja ini, 'raja, raja' pula. Akan tetapi..., ada 'Raja', tidak apa.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Ledang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya sama ada pihak kerajaan telah membuat kajian tentang kesan Kedai Rakyat 1Malaysia ini ke atas kedai-kedai runcit kecil-kecilan dengan adanya kedai KR1M ini, sama ada kedai-kedai runcit yang biasa di sekeliling KR1M ini mengalami kerugian. Saya dengar entah betul, entah tidak. Oleh sebab itu saya tanya tadi ada tidak kajian? Ada kedai-kedai yang terpaksa membungkuslah sebab tidak boleh bersaing dengan KR1M. KR1M di mana disubsidi mereka terpaksa membeli daripada pemborong-pemborong.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Tuan Yang di-Pertua soalan itu ditujukan kepada kerajaan. Cuma saya hendak komen satu sahaja, KR1M ini lebih berpusat kepada bandar-bandar besar. Bukan di kampung-kampung. Di kampung tidak ada KR1M. Akan datang tidak tahu. Mungkin akan *convert* kedai runcit yang sedia ada kepada KR1M ataupun sekarang sudah ada program tukar dan sebagainya. Ada... [Disampuk] Tidak ada masalah. Ada program tukar. Sasarannya bukan di lokasi-lokasi yang ada kedai runcit, yang di sekeliling itu. Akan tetapi pada masa yang sama, saya berfikir juga bahawa ada satu program kita tukar, program tukar itu yang membantu kedai-kedai runcit untuk dibangunkan dan disediakan, dibekalkan dengan barang yang bawah harga 20 sen daripada harga biasa supaya juga dinikmati. Maknanya ada dua perkara. Pertama, mereka dibantu.

Kedua, dapat menggalakkan supaya kedai-kedai runcit juga ikut program tukar ini. Kerajaan menggalakkan sebenarnya. Tidak timbul soal hendak bunuh dan sebagainya. Kalau

mereka tidak mahu ikut arus yang disediakan saya tidak tahu. Akan tetapi yang saya yakin pihak kerajaan akan menjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga isu PTPTN, ramai orang keliru. Saya cuba beberapa kali hendak mencelah Yang Berhormat Pasir Mas tadi, hendak mencelah Yang Berhormat Pasir Salak tentang PTPTN tidak mampu adalah kerana saya tidak mahu potong stim dia. Stim berucaplah. Maksudnya begini, soal hendak memberi diskaun kepada peminjam PTPTN sama ada 10% atau 20%. Itu adalah satu tindakan yang terpuji. Maknanya, kerajaan responsif dengan keluhan pelajar. Bukan pembangkang. Sebelum ini pun kita bercakap dah. Banyak kali bercakap. Penggal lepas semasa Yang Berhormat Pokok Sena tidak ada di sini, kita bercakap soal PTPTN. Apa lagi yang patut dibantu kepada pelajar-pelajar. Perlu diturunkan caj perkhidmatan dan sebagainya. Sekarang sudah turun. Satu lagi tambah, 10% diskaun dan 20% diskaun. Apa lagi?

■1450

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Pasal diskaun 20%, saya ada sedikit kemusykilan tentang diskaun 20% ini sebab isunya ialah mereka peminjam ini tidak mampu hendak membayar sebulan RM100, RM200. Jadi, tidak akan dia hendak pi ambil duit selonggok, pi bayarlah. Aku hendak dapat—Hendak dapat diskaun 20%, kena ambil selonggok pi bayar habis, RM20,000, RM30,000. Sedangkan dia hendak bayar sebulan RM100, RM200 pun dia tidak mampu. Jadi, bila dia hendak dapat diskaun 20% ini. Tidak akan dia hendak pergi ambil duit ASB mak dia, sedangkan mak dia dapat 8% setahun... [Disampuk] Mak kata, "Nah! Pi bayar untuk dapat diskaun 20%". Jadi, tidak akan mak dia hendak hilang 8% sebab bayar ini sahaja...

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Faham, faham itu. Sudah cukup.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jadi, saya keliru sedikitlah. Minta penjelasan.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** *Point taken*, dengan izin.

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Terima kasih Yang Berhormat Ledang. Apakah Yang Berhormat Ledang sedar ataupun tidak bahawa yang tidak dapat langsung bayar PTPTN ini, kurang daripada 6% daripada mereka yang ada pinjaman PTPTN. Yang lain semua dapat bayar sama ada RM100 ataupun RM200. Daripada 5% ini, kebanyakan daripada mereka ini dalam proses mencari kerja. Dasar Barisan Nasional kita menjana ekonomi supaya mereka dapat kerja dan dapat gaji, bukannya kita hendak menghapuskan hutang. Kita menjana pertumbuhan ekonomi, kurang daripada 5%. Jadi, itu fakta yang sebenarnya, Yang Berhormat Ledang.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih... [Disampuk] Sudah jelas itu.

**Seorang Ahli:** Tidak jelas lagi.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Yang menjadi masalah ini yang sengaja hendak lari, Yang Berhormat Pokok Sena. Ini disebabkan Pengerusi PTPTN, Yang Berhormat Kuala Krau, dia sudah kerap kali buat *press statement*. Beliau berkata, kalau tidak mampu bayar, bayar RM50 pun tidak mengapa. Tidak mampu? RM10 pun tidak mengapa, dia kata. Yang penting jangan lari... [Disampuk] Asal bayar tetapi isunya ialah— Yang Berhormat Parit Sulong mencelah tadi daripada jauh tadi bukan, dia kata sikap bertanggungjawab. Jangan lari daripada tanggungjawab. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata, hutang mesti bayar. Selagi tidak langcai, perlu bayar... [Disampuk] Agama menyuruh. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri quote kan... [Disampuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Yang penting bayar.

**Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Minta laluan.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Yang Berhormat Rantau Panjang, sekejap bolehlah.

**Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Ledang. Saya tertarik dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat yang mengatakan bahawa daripada segi agama, hutang wajib dibayar. Ya, kami bersetuju. Bila hendak bayar tuntutan royalti rakyat Kelantan? RM10.2 bilion... [Dewan riu] Ini termaktub dalam Akta Pembangunan Petroleum. Kalau betul-betul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri orang yang menepati janji, bayar royalti rakyat Kelantan RM10.2 bilion, sampai sekarang hutang... [Dewan riu]

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Ledang...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Rakyat Kelantan dapat sudah royalti itu.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Yang Berhormat Shah Alam, minta maaf. Yang Berhormat Shah Alam kalau beri satu minit, dia cakap tiga minit. Minta maaf... [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Shah Alam, minta maaf. Kita bercakap di luar. Pasal Yang Berhormat Shah Alam beri satu minit, dia balun lima minit.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menjawab Yang Berhormat Rantau Panjang sedikit sahaja. Sebenarnya tidak tepat ataupun tidak betul kalau katakan Kerajaan Pusat berhutang dengan Kelantan ini. Saya ada catatan daripada kawan saya yang bekerja di Petronas, tahu. Apa hujung dia kata?

**Seorang Ahli:** Kata apa?... [Ketawa]

**Seorang Ahli:** Tunggulah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Sabarlah.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Dia kata, sekadar menceritakan realiti dan kebenaran dalam isu tuntutan royalti minyak Kelantan. Sebenarnya Kerajaan Pusat tidak berhutang dengan Kelantan kerana daripada segi teknikal, daripada segi geografinya, ia di luar daripada pantai Kelantan... *[Disampuk]*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat Ledang.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Ledang, sedikit sahaja.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Cukuplah. Cukuplah.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Daripada segi hutang. Pasal saya bersetuju bahawa hutang itu wajib dibayar...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat Ledang.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Bagi orang yang berhutang tetapi bagi pemberi hutang, dia mesti ada sifat pemurah... *[Dewan riu]* Saya bersetujulah sebab kerajaan dia pemurah. Dia beri kepada Tajuddin Ramli sahaja, bukan?

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Okey, terima kasih.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Dia boleh pemurah kepada Tajuddin Ramli...

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih. Terima kasih.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Berapa ratus juta, RM500 juta?

**Seorang Ahli Pembangkang:** Jumlah RM500 juta.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sebanyak RM500 juta. Tidak akan tidak boleh pemurah kepada rakyat...

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Okey, sudah. Sudah.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Khususnya kepada peminjam PTPTN. Betul! Orang yang berhutang, wajib dia bayar. Orang yang beri hutang, dia mesti ada sifat pemurah. *"Tidak apalah. Aku halallah kat hang"...* *[Dewan riu]*

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih. Terima kasih.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Halallah!

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat Ledang, Yang Berhormat Ledang.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Sedikit sahaja Yang Berhormat Ledang.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat Ledang, Yang Berhormat Kota Belud.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Minta maaf Yang Berhormat Shah Alam. Minta maaf. Boleh kita bincang di luar?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Boleh mencelah Yang Berhormat Ledang?

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Isunya ialah..., sekejap, sekejap. Beri saya bernafas sekejap... *[Ketawa]* Isunya ialah bukan Petronas... *[Disampuk]* Kalau kita bincang pasal Petronas, setengah jam tidak mencukupi. Cuma saya hendak, sekejap, ya. Yang Berhormat Kota Belud, sekejap. Cuma saya hendak masuk pada satu perkara tentang PTPTN ini ialah, sebenarnya ini adalah satu pengalihan isu. Satu pengalihan isu. Isunya apa? Kerajaan sudah pun menanggung tidak kurang 90% daripada kos pelajaran, kos pengajian di IPTA. Kerajaan sudah tanggung. Yang ini, satu dunia tahu... *[Disampuk]* Yang pelajar pinjam ini hanyalah *top up* 10% dengan bayar motor, *top up*, minyak kereta, sewa asrama yang tidak seberapa, itu isunya.

Maknanya, sekarang ini apabila rakan kita yang baik-baik ini bercakap soal PTPTN, mereka hendak alihkan isu tentang tanggungjawab kerajaan yang sudah pun dilunaskan, 90% kos di IPTA sudah pun ditanggung selama ini oleh pihak kerajaan. Yang Berhormat Kota Belud.

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Iaitu PTPTN, ya Yang Berhormat Ledang.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat Shah Alam ikut peraturan. Yang Berhormat Ledang, tadi Yang Berhormat Ledang menyebutkan tentang mengalihkan pandangan. Semalam saya sempat untuk mencelah dan rakan kita yang pakai *tie* merah hari ini, Yang Berhormat Shah Alam, dia alihkan lagi pandangan rakyat. Dia kata Yang Berhormat Ledang, mengapa pula kerajaan hendak beri diskaun kepada orang yang membayar cepat? Dia mempertikaikan yang itu. Ini penganiayaan kepada mereka yang tidak mampu untuk membayar lebih awal. Ini ekonomi jenis tahap apakah ini? Kita minta, kita beri insentif kepada pelajar-pelajar yang membuat pembayaran cepat supaya duit itu kembali kepada PTPTN untuk digunakan kepada orang yang lain. Itu satu.

Keduanya, tidak ada elemen penganiayaan. Sesiapa yang tidak dapat membayar cepat, bayarlah mengikut peraturan yang biasa. Tidak ada penganiayaan. Ini masuk dalam *Twitter* lah, apa semua sekarang ini, "*Oh! Kerajaan ini zalim kepada pelajar-pelajar miskin*". Ini pengalihan *point* lagi. Ini yang saya katakan tadi, betul, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Ledang, kalau Pakatan ini dalam isu PTPTN ini, mereka lebih beretorik politik semata-mata.

**Seorang Ahli Pembangkang:** Bagi kuasa dahulu...

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Dia sebut, tidak akan tidak hendak beri. Tidak adil. Berilah.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Sekejap, sekejap. Yang Berhormat Shah Alam, sekejap.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Satu minit sahaja.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Pasal Yang Berhormat Shah Alam dia... *[Disampuk]*

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Satu minit sahaja.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Yang Berhormat Shah Alam tajuk lain.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Satu minit sahaja.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Sekejap, sekejap.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Satu minit sahaja.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Saya hendak ulas. Ulas sekejap.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Selepas itu, ya?

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa saya sudah sedikit sangat itu, bukan? Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Kota Belud dan kali pertama mungkin saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat Pokok Sena kerana hendak menzahirkan sifat pemurah tadi. Apalah salahnya kerajaan pemurah, diskaun 10%, diskaun 20% kepada mereka yang melunaskan bayaran mengikut kalau 10% bayar dengan konsisten. 20% sekali gus. Akan tetapi pada masa yang sama juga, saya hendak sokong cadangan Yang Berhormat Pasir Mas tadi iaitu kerajaan kalau boleh, PTPTN kalau ada di sini, kalau boleh, bagi pelajar-pelajar yang mendapat kelulusan yang baik, sekurang-kurangnya kalau Yang Berhormat Pasir Mas 3.0, saya hendak cadangkan pada peringkat awal ini sekurang-kurangnya, saya kata sekurang-kurangnya, 3.5 ke atas. Bukan *first class*. Maknanya 3.5 ke atas, *second class upper* lah itu. Berilah mereka, *convert* ke dalam bentuk biasiswa. Maknanya, tidak perlu bayar apa-apa... [Disampuk] Atau mungkin 10%, 20% boleh diubahsuai lagi dalam bentuk apa? Dalam bentuk misalnya, kalau 3.4, mungkin 50%.

#### ■1500

Ketiga, mungkin 60% dan sebagainya. Ini cadangan-cadangan yang saya fikir mungkin kerajaan boleh timbangkan kepada mereka-mereka, khususnya bagi pelajar-pelajar yang datangnya daripada luar Bandar. Akan tetapi bagi pelajar kaya lain. Mereka mampu, sekadar mereka hendak merasa duit PTPTN itu soal lain, bukan? Okey, Yang Berhormat Shah Alam beri suku minit sahajalah...

**Seorang Ahli: [Ketawa]**

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Okey, diskaun. Saya setuju dengan apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Ledang. Sekurang-kurangnya cara dia hendak lupuskan bayaran itu adalah berdasarkan kepada prestasi dan dia punya kredit ataupun meritnya di antaranya ialah prestasi. Mungkin atas dasar kemiskinan. Ia bukan dasar siapa boleh bayar cepat! Siapa yang boleh bayar cepat adalah orang yang kaya. Maka akhirnya yang dapat diskaun 20% itu adalah orang yang kaya. Maka apa maknanya? Ini bukan soal kita berniaga. Ini kita sebagai kerajaan, kita kena ambil pendekatan yang berbeza. Lihat atas dasar *needs* bukan lihat atas dasar siapa yang kaya kita beri...

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Okey.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Kedua, yang tentang soal hutang royalti ini saya hendak sebut.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** *Point taken... [Ketawa]*

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Betul hutang kena bayar balik tetapi saya hendak beritahu pada Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Kerajaan ini bukan hutang, dia rompak!

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Saya sudah beri dia cakap tadi, cukuplah itu! Cukup!

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Kerajaan Pusat dia rompak, dia tidak bayar balik! Ya, kita hendak hukum orang yang rompak, kita jatuhkan, kita ganti dengan kerajaan lain. Itu sahaja cara dia.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih. Kedua...

**Seorang Ahli:** Kalau hendak rompak..., tidak perlu bayar balik.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Hujah pertama itu bagus, *very rational*, bukan? *It must be intellectual and rational* bukannya *emotional*. *It must be intellectual and rational*. Akan tetapi bila masuk bab kedua Petronas itu, itu sudah emosional. *It is not rational and it is not intellectual* pun... [Dewan riuh]

**Seorang Ahli:** [Menyampuk]

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Cuma sekarang ini dia sudah keluar tajuk. Saya tidak mahu ulas, ia sudah keluar tajuk, bukan? Cadangan daripada Yang Berhormat Pasir Mas tadi saya memang sokong. Cuma ada tingkat-tingkat dialah. Akan tetapi sekurang-kurangnya biarlah 3.5%. ada diskaun. Ini kita hendak mengamalkan...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Boleh tanya sedikit atau tidak?

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** ...Pemurah dan sebagainya, bukan?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Hendak tanya sedikit sahaja.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Yang Berhormat Pasir Salak ini kalau berucap dia... Okey.

**Seorang Ahli:** [Ketawa]

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak, saya hendak tanya Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, yang beria-ria sangat pihak pembangkang ini, dia hendakkan PTPTN dihapuskan tetapi pelajar-pelajar sendiri tidak ada pula sibuk. Persatuan pelajar, ibu bapa...

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya berjumpa dengan ramai pelajar. Mereka hendak menjadi seorang yang bermaruah.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini baca *Utusan Malaysia* banyak sangat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Bukan hendak jadi macam pembangkang tidak ada harga diri. Semua hendak *free*. Tidak ada tanggungjawab. Mereka

hendak jadi satu bangsa yang bermaruah, yang ada harga diri, sanggup bayar hutang dan sanggup menyumbang kepada negara. Inilah jenis pelajar yang kita dapat lihat pada hari ini.

**Seorang Ahli:** Sudah, sudah! Duduk senyaplah situ.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Selepas... Berapa minit lagi Tuan Yang di-Pertua?... [Ketawa]

**Seorang Ahli:** Dua minit! Dua minit!

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Selepas ini tidak ada lagi pencelahan, sedikit lagi. *Alhamdulillah*, bagi pelajar-pelajar di IPTA. Bagi pelajar-pelajar di tingkatan enam ataupun pra-U naik baucar ini. Kita kata keprihatinan dan kemurahan hati kerajaan daripada RM200 kepada RM250.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Daripada RM200 kepada RM250.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya menerima SMS dari pelajar di kawasan Sandakan. Baucar itu dia beri kepada MPH, di Sandakan tidak ada MPH. Cuba kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Syed Mokhtar punya MPH itu.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Apa yang penting...

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Syed Mokhtar yang juga dapat MRT, ya?

**Seorang Ahli:** Duduklah!

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Apa yang penting, saya minta pihak kerajaan supaya mengambil catatan tadi dan respons. Akan tetapi yang lebih penting ialah bantuan tersebut sampai kepada kumpulan sasaran. Daripada RM200 kepada RM250. Cuma hendak juga dipantau, jangan pula beli *handphone*. Walaupun namanya baucar buku, saya dengar-dengar Tuan Yang di-Pertua, ubah. Baucar buku, bil buku tetapi yang keluaranya benda lain. Ada! Ada dan yang ini perlu ada pemantauan... [Disampuk] Tidak, ini realiti tetapi yang penting biarlah sampai kepada kumpulan sasaran dan dibelanjakan dengan cara yang paling berhemah.

Tuan Yang di-Pertua, sama juga dengan... Tuan Yang di-Pertua, saya gulung. Sebelum saya gulung sedikit tentang rebat RM200 kepada beliau ini yang berumur 21 sampai 30. Saya juga hendak cadangkan kepada pihak kerajaan supaya tidak hanya tertumpu pada syarikat-syarikat tertentu. Apa yang penting *convert*. Apa yang penting rebat itu dibayar secara baucar juga. Saya cadangkan kepada pihak kerajaan supaya tidak ada monopoli daripada mana-mana syarikat. Apa yang penting mereka yang layak ini diberikan baucar supaya mereka menerima rebat pembelian telefon tadi.

Kalau kita hendak galakkan rakyat Malaysia yang paling berguna, maknanya mereka yang bertanggungjawab, hanya mereka yang mendaftar dengan SPR sahaja yang layak menerima rebat tersebut supaya mereka menjadi rakyat yang berguna. Kalau mereka tidak mendaftar dengan SPR, tidak mengundi maknanya mereka tidak prihatin dengan masa depan negara. Oleh sebab itu saya hendak sarankan supaya mereka ini pertamanya diberikan baucar untuk rebat pembelian *phone* dan mereka mestilah berdaftar dengan SPR. Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Tuan Yang di-Pertua, sudah beri signal, saya sokong...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Boleh mencelah?

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** ...Bajet ini...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Ledang, boleh mencelah?

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** ...Dan mudah-mudahan ia benar-benar akan memakmurkan negara, menyejahterakan rakyat dan sudah tentulah janji ditepati dan kita menang pilihan raya ke-13 nanti. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli Yang Berhormat, saya mendapat nota untuk memanggil Yang Berhormat Machang.

### 3.06 ptg.

**Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih atas peluang yang diberikan untuk membahaskan Bajet 2013 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Jumaat lepas. Tuan Yang di-Pertua, isu yang saya perhatikan adalah sepanjang pembentangan bajet oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ada dua perkara besar yang ditumpukan.

Pertama adalah mengkritik dasar ekonomi Pakatan dan yang kedua adalah menawarkan *handouts* dan itu dengan tujuan dan maksud yang sangat jelas untuk menang pilihan raya. Akan tetapi apa isu sebenar di hadapan kita? Isu sebenar adalah kita berdepan dengan satu masalah struktur ekonomi dan satu dasar yang boleh menjanjikan jaminan kebajikan rakyat. Saya beri ilustrasinya.

Saya tamat belajar di universiti tahun 1987 Tuan Yang di-Pertua. Gaji pertama saya RM1,680. Semalam saya menelefon anak saudara saya yang baru sahaja mendapat kerja di Jabatan Akauntan Negara di Putrajaya. Dia belajar di sebuah universiti tempatan. Saya tanya dia, pada slip gaji bulan pertama dia. Gajinya adalah RM2,345. Pada 23 tahun dahulu sebagai graduan yang baru mendapat kerja dengan sekarang ini, selisih gaji yang diterima adalah sebanyak RM665 dalam tempoh 23 tahun. 23 tahun dahulu gula barangkali sekilo dalam 40 sen, saya boleh sewa rumah dengan harga RM100, minyak dalam RM1.10 ataupun RM1 dan kos sara hidup waktu itu jauh lebih rendah. 23 tahun kemudian, kita tidak boleh impikanlah hendak sewa rumah RM100 di kawasan tempat kerja kita, minyak juga sudah tinggi, kos hidup

yang lain juga meningkat. Isunya adalah kadar upah atau gaji negara kita ini agak mendatar tetapi kos kehidupan jauh lebih tinggi.

Ini isu pokok yang ada di depan kita dan kita mengharapkan bajet yang di bentang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh memberi jawapan terhadap perkara ini. Keadaan itu menyebabkan masalah-masalah lainnya berturutan. Kita berdepan dengan masalah keupayaan membeli rumah mampu milik. Kita berdepan dengan kemudahan pengangkutan awam yang masih banyak perlu diperbaiki. Kenaikan harga minyak, kita berdepan dengan harga kereta yang mahal bila kemudahan pengangkutan awam itu tidak begitu baik, maka rakyat tidak punya pilihan lain untuk ke tempat kerja melainkan terpaksa membeli kereta.

#### ■1510

Kereta pula kita terpaksa membayar eksais duti mengikut kadar cc nya. Kalau 1600cc ke bawah kita kena bayar 85%. Sebuah kereta *Myvi* yang kos di kilang barangkali RM25,000 untuk berada di jalan raya kita perlu bayar 10% cukai jualan, 85% duti eksais. Hampir 100% menjadikan kosnya RM50,000. Kita terpaksa membuat pinjaman 9 tahun dan membayar RM500 lebih setiap bulan.

Jadi ini isunya. Apakah tidak mungkin kerajaan menimbangkan untuk turunkan kadar eksais duti ini secara berdekrit-dikit. Pakatan mencadangkan mulakan dulu dengan 20%. Kerajaan mungkin kehilangan hasil sekitar RM2 bilion. Namun jangan lupa kita mengeluarkan hampir 70,000 AP setiap tahun. Jadi kita ada kaedah untuk menampung kehilangan hasil itu.

Kita mengharapkan kemudahan kesihatan yang bukan hanya baik tetapi juga boleh dicapai perkhidmatan itu oleh rakyat biasa. Kita berdepan dengan adik-adik atau anak-anak kita yang tamat belajar universiti tetapi masih bergelut tidak ada peluang pekerjaan. Hampir 96,000 setakat data Mac 2012, pelajar universiti yang masih lagi menganggur yang berdaftar dengan Kementerian Sumber Manusia. Itu yang berdaftar, yang belum berdaftar? Kita boleh kali dua atau tiga.

Sebab itu seramai 134,000 peminjam PTPTN telah disenarai hitam setakat Julai 2012. Kita boleh anggap benda ini kecil atau angka ini kecil. Rakyat sebenarnya hendak sungguh-sungguh bayar hutang. Akan tetapi isu di hadapan kita wakil-wakil rakyat di sebelah sini atau di sebelah sana kita berdepan dengan rakyat yang datang ke pusat khidmat bagi tahu. Dia bawa kita surat *lawyer* PTPTN hantar surat. Sebab apa? Anak belajar dan masih berhutang RM35,000 dengan PTPTN. Kalau tidak bayar 8%, dikenakan faedah sehinggalah hutang itu dibayar.

Makcik kerja apa? Buat kuih. Suami? Kayuh beca. Anak enam orang. Yang belajar ini anak sulung. Belajar di mana? Universiti Utara Malaysia. Bidang apa? Bidang perkapalan. Sekarang kerja di mana? Sudah tiga tahun tidak ada kerja. Jumlah mereka tidak ramai lebih kurang 134,000 orang sahaja. Itu yang di senarai hitam. Tidak ramai. Akan tetapi inilah isu yang

sepatutnya diaddress dalam pembentangan bajet oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu jaminan kebajikan rakyat.

Di satu sisi kita tengok dalam nafas yang sama, hutang korporat besar kita hapus kira. Dari segi prinsipnya ianya sangat percanggahan. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua pada kesempatan ini saya memberikan tumpuan kepada beberapa kritikan. Semalam saya mendengar rakan saya dari Kota Belud misalnya menyebut bahawa ketika kita mengemukakan data-data, angka tentang *success stories* negeri Pakatan, dan isu yang menjadi polemik semalam adalah sumbangan balik ataupun pemberian bali Kerajaan Pusat kepada kerajaan negeri. Saya ambil contoh kalau betul catatan saya. Kalau tidak betul saya minta Yang Berhormat Kota Belud sebutkan.

Daripada RM56 bilion hasil negeri Selangor, Kerajaan Pusat bagi balik hampir RM67 bilion kepada Selangor. Begitu ya RM67 bilion. Saya jadi tertanya-tanya Bajet 2013 di bawah angka peruntukan pembangunan, itu cuma RM49 bilion. Negeri biasanya menerima *capitation grant*. Geran penduduk, geran jalan atau kalau berlaku kecemasan. Kalaulah perbelanjaan pembangunan itu cuma RM50 bilion macam mana boleh pusat bagi kepada negeri RM60 bilion? Selangor RM67 bilion. Pulau Pinang semalam berapa puluh bilion. Kemudian Kedah berpuluh bilion. Kelantan berpuluh bilion. Sumbangan apa ini? Mana punya duit ini? Saya tanya Ketua Menteri Pulau Pinang semalam katanya RM300 juta. Selangor pun terima lebih kurang begitu. Akan tetapi bila Kota Belud sebut Jabatan Perangkaan, dia mungkin boleh bantu kita memahamkan, itu satu.

Dari sudut Perlembagaan yang kita terima adalah *capitation grant* dan dari sumber mana pusat bayar. Pusat bayar daripada peruntukan pembangunan. Satu lagi adalah peruntukan mengurus. Lainlah kalau kita kata hendak bayar gaji kakitangan federal yang bekerja di negeri. Itu pun kita hendak kira sebagai bantuan pada itu. Itu tidak apa. Namun soalnya kita harus melihat dari perspektif yang betul.

Semalam rakan saya dari Rembau juga menyebut, memetik soal agensi rating. *Fitch Rating* tetapi dia tidak baca habis. Dia cuma baca ayat bahawa, "*Fitch rating had reaffirm that the government had political willingness to improve fiscal budget*". Yang itu dia noktah. Ada tiga *point* besar lagi yang *Fitch rating* kemukakan.

Pertama, rating *Agency Fitch* ini, "*down graded our long term ringgit sovereign debt ratio to A minus from 'A'*". Yang ini dia tutup. Bila ini? Ogos 2012. *Fitch* juga memberi amaran tentang kemungkinan untuk *further downgrade* kita punya *long term ringgit of range* jika sekiranya kita tidak menguruskan hutang yang sudah mencecah RM500 bilion ini.

*Fitch* juga menyebut bahawa *Malaysia's Public Finance Exhibit structural weaknesses and it fiscal flexibility diminishes*. Dia sebut terang-terang. Akan tetapi yang itu tidak dipetik dalam penghujahan. Dia petik satu sahaja. Hak tiga lagi, hak terkena kepada kerajaan tidak disebut. Jadi sebut semualah barulah kita dapat tengok. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Haji Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Machang?

**Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Manchang]:** Ya?

**Tuan Haji Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Boleh? Terima kasih. Saya sememangnya tertarik juga apabila Yang Berhormat Rembau membaca petikan yang dibuat di mana dikatakan *Fitch*, “*reaffirm and confirm the rating for Malaysia at 'A' minus*”. Dia memberikan terjemahan kepada bahasa itu seolah-olah ianya menunjukkan ianya tidak berlaku satu *downgrading*.

Sedangkan maksud *reaffirm and confirm* itu tidak langsung boleh diberikan terjemahan bahawa tidak ada *downgrading*. Ianya hanya mengesahkan bahawa ianya sekarang ini 'A' *minus* setelah sekian lama dikategorikan di grad 'A'. Dia mengatakan dengan penuh sinis inilah Pakatan Rakyat, mereka yang sanggup menipu, memutarbelitkan kenyataan dan sebagainya...

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Oh! Dahsyat!

**Tuan Haji Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** ...Sedangkan itulah apa yang dia lakukan pada ketika itu. *This is to me*, dengan izin, *the height of hypocrisy*. Memutarbelitkan kenyataan yang tidak membawa pengertian. Tidak ada *downgrading*, hanya *reaffirm and confirm* ianya 'A' *minus*, sedangkan sebelum itu ianya 'A'. Saya kesian pada Yang Berhormat Kota Belud yang tidak faham apa-apa, dia beri sokongan pada Ketua Pemuda dia dengan 100%... [Disampuk] Mungkin dia kata Yang Berhormat Kuala Selangor tidak faham bahasa Inggeris tetapi saya rasa jelaslah yang tidak faham bahasa Inggeris dalam kes ini adalah Yang Berhormat Kota Belud sendiri. Apa pandangan Yang Berhormat Machang?

**Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Manchang]:** Terima kasih. Sebab itu Tuan Yang di-Pertua saya *quote* betul-betul laporan itu. Artikelnya pun ada. Ini edisi Ogos. Bukan sahaja *Fitch Rating Agency* tetapi juga *Standard and Poor's*. Kedua-dua rating agensi ini memberikan tumpuan kepada kadar hutang negara kita.

Soal bahasa Inggeris, tidak apalah. Yang itu – macam saya dan Yang Berhormat Pokok Sena ini kami orang Pokok Sena. Pokok Sena ini tau di mana? Dekat dengan gajah mati 'langgaq' 'kuboq' panjang. Gajah mati 'langgaq' pokok sena 'kuboq' panjang. Jadi itu. Bahasa Inggeris kami kampung sahaja Tuan Yang di-Pertua. Siam ada sikit. Itu kita baca kan dia, *Rating Agency Fitch*. Bunyi *pronoun* itu Melayu sikitlah, tetapi boleh fahamlah. *Rating Agency Fitch downgraded our long term ringgit sovereign debt ratio to 'A' minus from 'A'*. Oh, jelas itu. Maknanya ada *downgraded*lah. Tidak apa. Saya setuju perkara yang dibangkit oleh saudara Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Yang di-Pertua, betul sekarang ini semacam ada kesungguhan luar biasa di pihak kerajaan untuk membantu golongan bawahan itu. Hampir setiap lima orang rakyat kita, empat dapat habuan BR1M dan sebagainya. Itu hendak tunjuk bagaimana jurang kaya miskin dalam negara kita ini begitu melebar. Semalam disebut oleh Ketua Pembangkang kajian yang isi rumah, tahun 2009, *Household Income Survey* yang mendedahkan hanya 27% daripada

keluarga yang berada dalam kelompok 10% isi rumah termiskin yang menerima faedah daripada bantuan kerajaan manakala 63% lagi tidak dapat dikesan.

Ini bukan statistik kita, ini statistik di pihak kerajaan sendiri. Hendak tunjuk kata bagaimana kelompok ini terabai. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua ketika memberikan beberapa pandangan dan teguran ini, saya juga tampil dalam perbahasan bajet ini untuk mengemukakan beberapa syor atau cadangan dengan harapan pihak kerajaan dapat memberikan jawapan.

■1520

Tuan Yang di-Pertua, saya ada membaca dua, tiga kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri serta pimpinan Pemuda UMNO juga, apabila ada sahaja satu syor atau *recommendation* daripada pakatan untuk memberikan jawapan terhadap isu pengurangan tol misalnya, itu reaksi segera daripada Perdana Menteri berucap ialah, *"Ini akan menyebabkan Bursa Saham ranap, sebab syarikat konsesi tol itu diniagakan di Bursa Saham kemudian jika kita menghapuskan tol, maka syarikat akan rugi."* Dia tengok dari perspektif tauke syarikat.

Semalam dalam perbahasan juga Yang Berhormat Rembau membangkitkan benda yang sama tetapi isu yang sedikit berbeza bukan tol tetapi soal tuntutan Kelantan untuk mendapatkan royalti. Apa hujah yang dia tidak bersetuju? Ini akan menyebabkan *tax collection* berkurangan dan pendapatan Petronas juga merosot. Dia tengok daripada perspektif di atas juga. Dia tidak tengok daripada pandangan rakyat dan golongan bawahan. Akan tetapi bukanlah sesuatu yang pelik kerana apabila saya menyemak sepanjang masa Yang Berhormat Kepala Batas menjadi Perdana Menteri dan Yang Berhormat Rembau menjadi penasihat kanannya, dalam sejarah penubuhan Petronas Tuan Yang di-Pertua.

Sejak ditubuhkan Petronas pada tahun 1974-1975, Petronas telah menyumbangkan sebanyak RM431 bilion kepada kerajaan. Akan tetapi untuk sepanjang Yang Berhormat Kepala Batas menjadi Perdana Menteri dan Yang Berhormat Rembau sebagai penasihat kanannya iaitu pada tahun 2006 -2009, Petronas membayar kepada kerajaan sebanyak RM236 bilion. Separuh daripada sumbangan Petronas kepada negara kita berlaku pada tahun 2006, 2007, 2008 dan 2009 sebanyak RM236 bilion. Cuba kita tengok komitmen terhadap pendidikan, perbandingan perbelanjaan pendidikan berbanding hasil petroleum dan gas paling rendah sekali adalah pada *period* 2006 hingga 2009. Pada tahun 2000, perbandingan perbelanjaan hasil petroleum dan gas dengan peruntukan yang kerajaan telah beri kepada pendidikan 81%. Tahun 2003 sebanyak 91%, tahun 2004 sebanyak 75% tetapi apabila sampai tahun 2006 menjadi 52%, tahun 2007 sebanyak 55%.

Jika orang yang datang daripada perspektif ini, jangan diharap idea untuk mengurangkan beban rakyat dari segi penghapusan PTPTN sebab dia akan hanya memikirkan keuntungan korporat dan tauke besar. Angka ini mendedahkan sendiri dan sebab itulah

cadangan kami di pihak Pakatan Rakyat ialah Tuan Yang di-Pertua, ada 25 *marginal fields* di bawah Petronas sekarang di perairan negara kita. Dua telah dianugerahkan, satu SapuraCrest Kencana itu milik anak mantan Perdana Menteri, RM2 bilion tidak banyak, RM2 bilion sahaja. Satu lagi Kumpulan Dialog Group, terdapat 23 lagi satu-satu *marginal field* boleh jadi mencecah sehingga bernilai RM2 atau RM3 bilion. Jika diikutkan sekarang aktiviti huluan dan hiliran semua tauke besar dan syarikat besar yang dapat. Di laut *marginal fields* SapuraCrest Kencana, Dialog Group dan di darat.

*Star Business* pada hari ini, *new oil and gas storage facilities RM8.5 billion* Halim Saad, 2000 ekar tanah di Parlimen Sipitang menghadap Laut Brunei melalui syarikatnya *Armada Project Management* sahaja, dapat pada Halim Saad juga melalui syarikatnya Seloga Holdings. Di laut anak Perdana Menteri, di darat pula kawan bekas Perdana Menteri, rakyat? Sebab itu Pakatan Rakyat tampil dengan cadangan bahawa negeri pengeluar minyak ini, anak tempatannya ada yang sudah menjadi ahli geologi, jurutera minyak, jurutera kimia, kepakaran sudah ada. Bandingkan semasa mula-mula Petronas ditubuhkan dahulu, kepakaran anak tempatan terhad. Hari ini kita mencadangkan supaya negeri pengeluar minyak ini ditubuhkan anak syarikat kerajaan negeri dengan dibimbing oleh Petronas dan *marginal fields* itu jangan diberikan kepada tauke kaya...

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** [*Bangun*]

**Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** ...Bagi kepada anak syarikat kerajaan negeri.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam yang

...

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sedikit.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tentang minyak ini, ini tentang Pakatan Rakyat sudah tawan negeri-negeri pengeluar minyak ini akan dibenarkan menubuhkan anak syarikat sendiri sebab saya melihat bahawa kalau kita melihat – ini peta Petronas di tangan saya ini. Peta ini menunjukkan bagaimana Petronas masih belum lagi membuat *explore* tetapi Petronas menjangka bahawa daripada Pantai Langkawi dan sepanjang Selat Melaka ini sehingga ke Johor ini adalah kawasan yang dijangka mempunyai minyak, di kawasan ini.

Maknanya di Langkawi itu bukannya minyak gamat, kalau selama ini minyak gamat, maknanya ini menunjukkan bahawa jika Pakatan Rakyat memerintah ini sehingga ke negeri Kedah pun ada minyak, kita akan membenarkan. Sebab itu saya kalau bolehlah hari ini Petronas sepatutnya sudahpun membuat, memberikan kebenaran kepada kerajaan negeri untuk menubuhkan satu syarikat untuk membuat *explore joint ventures* dengan mana-mana syarikat luar untuk *explore*. Untuk memastikan bahawa ada minyak di situ untuk kegunaan kita

cari gali bagi menambahkan hasil pendapatan negeri dan bukannya diserahkan kepada Halim Saad dan sebagainya. Ini adalah peta Petronas, ini bukanlah peta yang dibuat oleh orang yang menjual minyak gamat.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Machang, saya pun hendak bertanya kepada Yang Berhormat Machang mengenai pandangan Yang Berhormat Machang berhubung dengan persoalan ini juga. Adakah ini di antara sebabnya mengapa di dalam bajet yang telah dibentangkan oleh Perdana Menteri bahawa syarikat-syarikat yang terlibat dalam *oil and gas* ini akan diberikan *tax exemption status* selama 10 tahun. Maknanya semua syarikat-syarikat seperti SapuraCrest Kencana, Dialog Group dan yang mana ada hubung kait dengan kroni-kroni ini semua yang akan mendapatkan kekayaan daripada bumi negara kita ini, mereka akan *joint ventures* dengan syarikat-syarikat antarabangsa dan keuntungan yang mereka peroleh 10 tahun dibebaskan cukai dan selepas 10 tahun apa yang tinggal? Apabila hendak membayar cukai, apa yang tinggal? Habuk, mungkin pada masa itulah akan jumpa air ke apa ke. Apa pandangan Yang Berhormat Machang tentang persoalan ini?

**Tuan Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** Terima kasih rakan saya Yang Berhormat Pokok Sena dan Yang Berhormat Shah Alam. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Shah Alam kerana dapat mengesan insentif yang diberikan yang diumumkan oleh Perdana Menteri dalam sektor *oil and gas*. Memang di dalam ucapan saya, saya memang menyebutnya kerana *marginal oil* ini ia dilaksanakan di bawah perjanjian komersial yang disebut *Risk Service Contract* (RSC). Perjanjian ini berbeza dengan *Production Sharing Contract*. Apa bezanya? Kalau PSC syarikat yang mendapat kontrak itu akan menanggung risiko setelah dia *explore* dan minyak tidak dijumpai maka dia akan menanggung risiko kerugian bukannya ditanggung oleh Petronas. Sebab itu keuntungan di bawah PSC ini rendah hanya sekitar 10% hingga 15%.

Keduanya, keuntungan di bawah PSC ini kerajaan mengenakan cukai yang tinggi iaitu 38%. "*Syarikat yang dapat kamu pergi cari, tidak jumpa kamu tanggung rugi bukan Petronas tetapi kalau kamu sudah jumpa kamu dikenakan cukai 38%.*" Akan tetapi yang namanya *Risk Service Contract* yang dapat pada Dato' Mokhzani Mahathir sebanyak RM2 bilion ini di bawah RSC ini, Petronas memberikan jaminan bahawa ada pulangan tertentu yang tetap akan diberikan kepada kontraktor walaupun kontraktor tidak memenuhi sasaran pengeluaran minyak.

Maknanya keuntungan kontraktor ini dijamin awal oleh Petronas, sebab itu keuntungan dijangka dinikmati oleh kontraktor RSC ini lebih tinggi dalam lingkungan 11% hingga 20%. Kerajaan pula memberikan insentif percukaian pelaburan termasuklah mencukai keuntungan pada kadar 25% sahaja berbanding 38% di bawah PSC dan memberikan pelepas cukai pelaburan pada kadar 60% hingga 100%. Kalau boleh bagi kepada SapuraCrest Kencana kenapa tidak boleh bagi kepada kerajaan negeri, itu persoalannya. Hendak menjaga tauke atau hendak menjaga rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, itu yang saya maksudkan tadi sebab itu saya faham Tuan Yang di-Pertua sudah menjeling dua, tiga kali. Saya cuma hendak melengkapkan ucapan saya Tuan Yang di-Pertua kerana dua tiga minggu ini riuh tentang isu jet, Ketua Pembangkang naik jet. Ketua Pembangkang ini semasa dia berubat di Munich Tuan Yang di-Pertua, Raja Saudi menghantar jet pergi ke Saudi, bukan isu. Akan tetapi sebab isu itu juga, okey kita tunjuk. Ini Tuan Yang di-Pertua... *[Menunjukkan sekeping gambar]* Ini bukan Menteri atau pemimpin UMNO yang naik jet ini, saya hendak *clear*kan betul. Ini hanya kakitangan pejabat Menteri sahaja, naik jet. Oh, hebat ini...

■1530

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Pegawai sahaja?

**Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** Pegawai sahaja.

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Oh, dahsyat!

**Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** Seramai 23 orang, Kuala Lumpur ke Kota Baharu, *West Star*. Siap tuan punya *West Star* ini, *AP King*. Siapa Menteri yang jaga? Menteri yang jaga itu Menteri yang keluarkan AP. Staf sahaja naik. Selepas itu saya baca *Facebook staff* yang naik ini. Ada kawan tanya, "*Kapal terbang cap ghapo ni*". Dia jawab "*Private jet la bos. Ore kuat Tok Pa, ore kanan*". "*Tolong ambil borang, ambo pun nok jadi ore kuat Tok Pa etek. Kawe serabut dah kejo Kuala Lumpur ni*". "*Boleh ngejah, AP pun boleh*". AP pun nak. Tu dia, pernah naik jet, tu dia.

Belum kita cerita tauke Danga Bay. Menteri juga tiap-tiap minggu berulang alik naik helikopter. Tidak rasa dah jalan darat ini. Menteri Besar Johor, tauke Danga Bay juga. Ketua Pemuda Rembau, zaman bermaharajalela dahulu, siapa tidak kenal helikopter Patrick Lim...

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** Tidak sebutlah. Ada di kalangan *MP Backbenches* pun *travel* dengan jet. Baru *Backbenches*. Jadi, perkara ini hendak tunjuk kata, kalau dia kuasai media sekalipun, hendak pesong...

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Machang.

**Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** Ya, sila.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, sedikit sahaja. Saya sedikit terkejut lah dengan apa yang didedahkan oleh Yang Berhormat Machang. Saya rasa kalau Ketua Pembangkang dia naik jet, dia tidak ada kuasa, dia Ketua Pembangkang. Dia hendak bagi AP tidak boleh, dia hendak beri kontrak tidak boleh, tetapi kalau pegawai-pegawai kanan, Menteri Perdagangan, Menteri AP naik Jet *AP King*, ini sepatutnya menjadi satu perkara yang perlu disiasat. Kerana ini orang-orang yang ada kuasa...

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Ada kepentingan.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Ada kepentingan. Dia boleh bagi AP. Itulah di antara sebab mengapa bila kita cadangkan supaya AP-AP ini dijual, bukan diberi. Ditentang habis-habisan oleh Barisan Nasional...

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Hendak naik jet *free*.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Kerana hendakkan layanan yang istimewa ini. Ada kepentingan. Ini masalahnya. Apa pandangan Yang Berhormat Machang?

**Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** Tepat sekali Tuan Yang di-Pertua. Reaksi saya pada Yang Berhormat Shah Alam satu minit terakhir. Itu isunya, prinsipnya itu. Apakah kemudahan yang disediakan oleh tauke besar ini ada kaitan? Kalau tauke Danga Bay bagi helikopter pada Menteri Besar dan Menteri dari Johor, ada tidak kepentingan dia perniagaan di Johor?

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Perlu disiasat.

**Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** Kalau sudah 23 orang kakitangan menteri naik jet, hendak hantar jenazah tidak apa lah. Akan tetapi jenazah dihantar dengan pesawat Charlie TUDM. Pesawat eksekutif ini *staff* naik, orang hidup naik. Orang mati itu naik pesawat TUDM, penerbangan ihsan. Ini saya fikir perlu ada penjelasan, menteri kena bagi jawapan pada sesi penggulungan nanti.

Sebab itu lah Tuan Yang di-Pertua, *point* akhir saya begini. Ini isu utama di negara kita. Isunya bukan plot hendak jatuhkan kerajaan, bantuan NGO dan sebagainya. Itu bukan. Isunya bukanlah bila Pakatan menang, Kristian jadi agama rasmi, bukan. Itu *diversion* sahaja.

Sebab perkara ini diulangi oleh watak yang sama. Saya petik ucapan Tun Dr Mahathir di Universiti Teknologi Petronas Tronoh 2006. *"If we have a Prime Minister who sold the country, why wait for five years? We have to take early action, if he sold the country there is no need to wait five years. We must do it now"*. Pasal Perdana Menteri jual negara. Tahun 2006 siapa yang jadi Perdana Menteri? Yang Berhormat Permatang Pauh bukan Perdana Menteri. Siapa yang dimaksudkan, cuba tengok.

Bila ditanya tentang menantu Perdana Menteri pada waktu itu, apa jawab Tun Dr. Mahathir. *"Saya tidak tahu sama ada orang ramai ada mendengar pencuri yang menjerit, pencuri. Ini adalah pencuri berpendidikan tinggi, berjaya melepaskan diri bersama hasil rompakan"...*

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Dahsyat!

**Dato' Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** Biar dia bergaduh sesama dia lah. Akan tetapi jangan kalih perhatian rakyat. Rakyat miskin kita hendak kena tolong. Struktur ekonomi negara hendak kena diperbaiki. Jangan yang kaya terus kaya, yang miskin terus ketinggalan. Ini topik dan tema perbahasan kita. Tidak payah alih perhatian dengan isu perkauman dan segala macam. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih beri peluang. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

**Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Dahsyat, dahsyat...!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Belud.

**3.35 ptg.**

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih rakan-rakan sekalian terutamanya daripada pembangkang yang memberi pandangan. Sahabat saya daripada Machang. Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai pilihan dalam debat saya ini untuk mendebatkan perbahasan belanjawan yang telah di bawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan.

Akan tetapi, saya membuat keputusan saya tidak mahu membahaskan Belanjawan 2013 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana saya fikirkan penting sebagai saya Ahli Parlimen di dalam Dewan yang mulia ini untuk membahaskan belanjawan daripada pihak Pakatan yang mempunyai, yang berbahaya, yang boleh meranapkan...

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Aturan mesyuarat, aturan mesyuarat.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Salah kolum itu.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya tidak ganggu tadi Yang Berhormat Machang.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Tuan Yang di-Pertua, kita kena bahas belanjawan Menteri Kewangan, atau Pakatan?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Sabar Yang Berhormat.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat Kota Belud, terima kasihlah kerana memberikan keyakinan kepada Pakatan Rakyat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Dengar dahulu, dengar dahulu. Kalau saya bercakap Yang Berhormat lima, enam orang berdiri. Saya dengar dengan tekun Yang Berhormat Machang tadi bercakap.

**Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]:** Saya sokong Yang Berhormat Kota Belud, saya sokong bahas belanjawan Pakatan Rakyat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya akan jawab, saya akan jawab. Yang Berhormat Machang tunggu sekejap, saya akan jawab satu persatu hujah yang dibawa oleh Yang Berhormat Machang. Akan tetapi saya berpendapat. Saya belum apa-apa lagi Yang Berhormat Shah Alam. Saya belum apa-apa lagi, *please*.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Satu sahaja. Saya cadangkan sebelum bahas bajet Pakatan, biarlah Ketua Pembangkang bentangkan bajet Pakatan secara rasmi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *Pleaselah, pleaselah.*

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Barulah kita boleh bahas.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Boleh tidak bagi saya *respect*?

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Pasal kita tidak bentangkan, biar kita bentangkan secara rasmi. Selepas itu kita bahas. Macam mana?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat, mulut Yang Berhormat itu tidak lebih daripada... Tolong-tolong, saya dengar tekun tadi. Dengar saya punya hujah. Tadi saya bagi ruang.

Saya terpanggil Tuan Yang di-Pertua untuk membahaskan belanjawan pembangkang ini kerana ianya satu belanjawan yang berbahaya, yang boleh meranapkan ekonomi negara kita, yang boleh menghancurkan ekonomi, membankrapkan para syarikat-syarikat yang besar-besar dan kecil-kecil di negara ini. Yang lebih penting daripada itu Tuan Yang di-Pertua mereka sebenarnya mengkhianati pengundi-pengundi mereka yang nyata sebenarnya datang daripada pihak bandar. Saya akan buktikan.

Akan tetapi sebelum saya masuk ke situ Tuan Yang di-Pertua saya tersenyum mendengar hujah Yang Berhormat Machang tadi, kawan saya. Hebat berhujah. Akan tetapi kadang-kadang kalau kita berucap ini dan tidak ada orang yang mahu mencelah, sudah tentu dia rasakan dirinya begitu pintar. Pertama tentang isu, saya hendak jawab dahulu sebelum saya pergi ke cerita yang lain. Saya hendak beritahu Yang Berhormat Machang. Dikatakan saya tadi bahawa di mana duit datang. Kononnya semalam saya bercakap bahawa *Federal Government*, Kerajaan Persekutuan memberikan belanjawan ataupun peruntukan lebih kepada Selangor dan Pulau Pinang. Sedangkan dia katakan bajet setahun pun baru RM200 bilion lebih. Ini masalahnya tidak mendengar, ini masalah pekak.

Yang Berhormat saya hendak beritahu semalam. Tengok *Hansard* saya Yang Berhormat Machang. Itu sebabnya kalau hendak berceramah di kampung, orang kampung boleh tipulah. Akan tetapi saya hendak beritahu Yang Berhormat. Sekejap Yang Berhormat, saya ada di sini terlampau banyak isu ini, sekejap. Saya hendak bagi, sebentar Yang Berhormat. Ini dia, saya sudah cakap, saya hendak cakap kepada Yang Berhormat Machang. Saya katakan semalam pungutan cukai yang dibuat, yang dikutip oleh Kerajaan Persekutuan di Selangor, di Pulau Pinang, di Kedah, di Kelantan, statistik yang saya bagi dan rakan saya Yang Berhormat dari Rembau adalah statistik daripada tahun 2008 hingga 2011.

Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Machang, kalau tidak faham di Kelantan untuk tahun 2008 hingga tahun 2011 Yang Berhormat Machang, Kerajaan Persekutuan hanya mengutip RM1.2 bilion cukai langsung dan cukai tidak langsung. Akan tetapi, membelanjakan melalui kementerian-kementerian Kerajaan Persekutuan sebanyak RM20 bilion. Okey Yang Berhormat Machang kata tadi takkan lah hendak bayar gaji. Itu dianggap sebagai sebahagian daripada pemberian Kerajaan Persekutuan kepada negeri-negeri.

## ■1540

Saya kira itu pandangan yang tidak betul, Yang Berhormat. Satunya, kebanyakan kakitangan Kerajaan Persekutuan di negeri-negeri tersebut adalah anak jati negeri tersebut. Yang keduanya, gaji yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan itu akan mengalir kepada ekonomi negeri-negeri tersebut. Jadi kita hendak beritahu Yang Berhormat, janganlah kata Kerajaan Persekutuan itu zalim. Jangan kata, “Ambil, rompak!” Ini mainan politik perasaan.

Jadi saya hendak katakan, hendak memperbetulkan statistik Yang Berhormat Machang tadi, kita hendak kata tahun 2008 hingga tahun 2011 – sebab itu Tuan Yang di-Pertua, apa...

**Datuk Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** Terima kasih. Saya tidak akan guna istilah pekak dan tipu. Itu kita cakap di luar Dewanlah. Itu ceramah di Kota Belud boleh. Ini biar bahasa yang *Parliamentarian*, kata orang.

Okey, Yang Berhormat Kota Belud sebut kata kutipan hasil cukai, kastam dan sebagainya. Baik, saya terima fakta itu. Yang kita persoalkan balik adalah peruntukan balik Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri. Katakanlah *period* dari tahun 2008 hingga tahun 2011, tiga tahun, RM20 bilion. Purata satu tahun, RM7 bilion. Bayaran Kerajaan Pusat kepada kerajaan negeri ini datang daripada peruntukan pembangunan. Peruntukan pembangunan boleh disalurkan kepada semua kementerian, *it doesn't matter*. Akan tetapi kalau Kelantan terima RM20 bilion atau RM7 bilion setahun, kita ada berapa negeri di Malaysia ini? Kalau *average* 13 negeri ini, tujuh kali 13, dia sudah melebihi peruntukan pembangunan. Itu maksud saya. Dia salur melalui kementerian, okey, salur melalui kementerian...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Okey, Yang Berhormat. Terima kasih.

**Datuk Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** ...Akan tetapi dia tidak boleh melebihi bajet pembangunan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Okey, terima kasih.

**Datuk Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** Bajet pembangunan 2008 Persekutuan berapa bilion, Yang Berhormat Kota Belud? Tolong bagi angka itu.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *All right*. Okey, terima kasih. Pertamanya Tuan Yang di-Pertua, buta dan pekak itu saya kira lagi *Parliamentarian* daripada mengatakan kita rompak dan kita zalimi rakyat. Kalau pihak pembangkang mahukan perkataan yang elok daripada mulut saya ini...

**Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]:** Itu merujuk kepada kerajaan. Ini merujuk kepada Yang Berhormat. Itu jelas. Itu jelas.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat, saya tidak bagi *floor* lagi. Saya tidak bagi *floor*. Saya hendak beritahu, ini masalah pembangkang, Tuan Yang di-Pertua. Apabila kita menggunakan ayat-ayat begitu, dia marah. Akan tetapi kalau dia tuduh di sini rompak, aniaya, zalimi rakyat, itu okey.

**Datuk Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** Tidak apa. Jawab yang tadi, jawab yang tadi.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Itu *Parliamentarian*.

**Datuk Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** Jawab yang tadi.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Tidak apalah.

**Datuk Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** Jawab yang tadi. Dari tahun 2008 sampai 2011, RM20 bilion.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya akan jawab, saya akan jawab, Yang Berhormat. Saya hendak beritahu Yang Berhormat, kalau hendak dengar pasal – tadi marah bukan pasal saya cakap pekak? Pekak ini saya kira lebih baik daripada kata orang menzalimi, merompak rakyat dan sebagainya. Okey, itu satu.

Yang keduanya Yang Berhormat, dia bukannya soal peruntukan pembangunan. Pada kita, okey saya hendak beritahu di mana konteks jawapan saya dibuat. Kerana apa? Yang Berhormat Bagan, apa dia kata? Ini hendak menjawab menjurus kepada konteks Yang Berhormat. Dia kata untuk Pulau Pinang, Kerajaan Persekutuan hanya bagi RM200 juta, rompak berbilion-bilion ringgit. Bagi RM200 juta. Haprak punya Kerajaan Persekutuan. Dicanang setiap kali dalam ceramah. Akan tetapi kita tahu, Yang Berhormat. RM200 juta itu hanyalah *capitation grant, direct grant*.

Akan tetapi, perbelanjaan kementerian – itu sebabnya saya katakan tadi kalau Yang Berhormat hendak mengatakan hanya pembangunan sahaja yang boleh dikira, itu pun tidak betul. Pengurusan. Apa pengurusan tidak? Kalau kita belanja, meletakkan duit gaji dalam poket orang-orang Pulau Pinang itu bukan *gesture* ataupun perbuatan yang baik, memberi kepada orang-orang Pulau Pinang pekerjaan? Bukankah itu sebagai sebahagian daripada aliran tunai masuk ke dalam itu?

**Datuk Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** *[Bangun]*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Jadi jangan gunakan statistik terpilih. Ini masalah di Selangor juga begitu.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Boleh minta penjelasan?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Jadi kita hendak katakan dan saya hendak beritahu sekali...

**Datuk Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** RM20 bilion, RM20 bilion.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Sekali lagi Tuan Yang di-Pertua saya hendak beritahu bahawa statistik yang saya bagi ini, saya tidak petik daripada...

**Datuk Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** RM20 bilion antara tahun 2008 hingga 2011, tolong Yang Berhormat Kota Belud berikan pecahan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat, sekejap, sekejap.

**Datuk Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** Daripada belanja pembangunan berapa, belanja mengurus berapa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Boleh, boleh.

**Datuk Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** RM20 bilion antara tahun 2008 hingga 2011. Sila.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Bukan sahaja saya akan bagi yang itu Yang Berhormat, tetapi saya minta kerajaan bagi *direct taxes*, pecahannya dan juga *indirect taxes*, pemberian, pengenaan, semua kita bagi. *No problem*.

**Datuk Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** Sila.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya tidak ada di sini.

**Datuk Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** Saya minta Yang Berhormat sebut. Itu *sweeping statement*.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *No, no, no*. Saya minta...

**Datuk Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** Saya boleh minta dengan Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Datuk Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** Ini sebab yang timbulkan dalam perbahasan ialah Yang Berhormat Kota Belud. Biar Yang Berhormat Kota Belud jawab. Saya boleh minta dengan Menteri.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat, bawa bertenang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Machang.

**Datuk Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** Dari tahun 2008 hingga 2011, RM20 bilion, RM7 bilion setahun, berapa belanja pembangunan, berapa belanja mengurus. Sila beritahu.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Boleh, boleh. Tidak ada masalah. Kita sahut cabaran Yang Berhormat. Akan tetapi saya tidak ada dokumen itu di sini. Saya akan bagi.

**Datuk Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** *See?* Itu masalahnya.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Tidak, tidak.

**Datuk Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** Itu masalahnya.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat, bawa bertenang, bawa bertenang.

**Datuk Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** Itu masalahnya. Saya terangkan strukturnya dengan jelas. Peruntukan Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri mesti dalam kerangka *capitation grant* iaitu belanja pembangunan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat, saya...

**Datuk Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** Kemudian belanja mengurus.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Datuk Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** Yang Berhormat Kota Belud sebut dari tahun 2008 hingga 2011, RM20 bilion diterima oleh Kelantan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat, bawa bertenang. *Steady, steady.* Yang Berhormat Machang, *steady, steady.*

**Datuk Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** Sila beri pecahan RM20 bilion itu berapa belanja mengurus, berapa belanja pembangunan. Sila.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Okey, okey, okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Sekejap, duduk, duduk, duduk. Yang Berhormat, bawa bertenang. Bawa bertenang. Tadi Yang Berhormat bercakap, sebiji, sepatah saya tidak berdiri, Yang Berhormat.

**Datuk Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Tidak, tidak, tidak. Relaks. Bawa bertenang. Nampak sangat gelabah itu. Nampak sudah cantik tadi ucapan Yang Berhormat itu sudah boleh *spin* dalam *Youtube* dah. Cantik. Saifuddin Nasution, Yang Berhormat. Cantik. Bawa bertenang.

Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat. *[Disampuk]* Bawa bertenang. Kalau saya hendak tanya soalan yang sama, RM45 bilion, ketirisan RM28 bilion, kalau ada perincian, ada? Ada perincian? Ada RM28 bilion perincian? Tunjuk kepada saya. RM28 bilion ketirisan bajet *Federal Government*. Keluarkan sekarang. Saya hendak tengok perinciannya. Ada? Tidak ada, bukan? Kalau tak ada...

**Datuk Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** Ada! Ada!

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya duduk, okey. Ketirisan RM28 bilion, perincian setiap kementerian...

**Datuk Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** Saya sebut. Biar saya sebut.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya duduk. Saya duduk.

**Datuk Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** RM28 bilion, kita nilai daripada laporan Jabatan Audit Negara. Itu nombor satu.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Penipu! Pembohong! Penipu, pembohong!

**Datuk Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** Yang kedua, yang kedua. Yang kedua.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat jangan hendak menipu.

**Datuk Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** Yang kedua, kerugian, kerugian akibat daripada tidak dibuat tender terbuka.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Duduk, duduk, duduk. Yang Berhormat, *this is my floor. I cannot take this anymore.* Duduk, duduk, duduk.

**Datuk Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** Saya *quote*, "*Transparency International, RM40 billion*".

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *No, no, no.* Duduk.

**Datuk Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** Sekarang sebut balik semula.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Machang.

**Datuk Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** Dari tahun 2008 hingga 2011, RM20 bilion kepada Kelantan, sila berikan maklumat. Sila beri pecahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Machang. Yang Berhormat Kota Belud dan Yang Berhormat Machang, saya minta tidak berbahas sebegini.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Pemuda dan Setiausaha Pemuda ini. RM28 bilion, sekali lagi saya hendak cabar Yang Berhormat Machang. Kalau ada terdapat di dalam Laporan Audit Negara sebanyak RM28 bilion ketirisan, sila tunjukkan sekarang! Saya dalam *Public Accounts Committee* (PAC), tidak ada, sekali lagi Yang Berhormat Permatang Pauh dan Yang Berhormat Machang, tidak terdapat di dalam Laporan Audit Negara, Ketua Audit Negara yang mengatakan ada ketirisan sebanyak RM28 bilion! Ini penipuan yang cukup besar!

**Datuk Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** Baik.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya cabar Yang Berhormat.

**Datuk Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** Kita tunjuk.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Kalau ada sebanyak RM28 bilion jumlah yang telah dikatakan oleh Ketua Audit Negara di dalam Laporan Audit Negara, saya cabar Yang Berhormat kemukakan itu.

**Datuk Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** Baik, kita selesaikan. Sekarang saya cabar RM20 bilion kepada Kelantan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Datuk Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** Tolong berikan pecahannya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Belud dan Yang Berhormat Machang.

**Datuk Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** Tolong jawab, tolong jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Kota Belud dan Yang Berhormat Machang, saya minta maaf. Ini bukan cara untuk berdebat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak payahlah cabar mencabar. Yang Berhormat tidak payah cabar dan Yang Berhormat Machang tidak payah cabar.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Saya betul-betul minta maaf. Tadi pun Yang Berhormat Machang berdiri, saya sakit telinga, Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi saya *gentleman*. Saya telan bulat-bulat. Disebut Kota Belud, di sebut Rembau, macam-macam. *What do we do? We* diam, kita senyum. *When I stand up*, hendak jawab hujah beliau, meroyan.

**Datuk Saifuddin Nasution Ismail [Machang]:** RM20 bilion, jawab sekarang. Jawab, jawab RM20 bilion.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat, saya tidak mahu cakap dengan *you all* lah. Tuan Yang di-Pertua, statistik yang saya tunjukkan ini adalah *official statistic* daripada *Department of Statistic Malaysia* (DOSM). *I am on record, saying statistic* daripada Jabatan Perangkaan. Kalau Yang Berhormat daripada pembangkang hendak pecahan sama ada dia cukai langsung, individu, syarikat, duti import, duti eksais, cukai jualan, perbelanjaan mengurus itu, sebenarnya ada tetapi saya ada pecahan untuk Sabah. Ini Sabah punya *because* saya hendak cakap pasal Sabah selepas ini sebab banyak penipuan di Sabah. Akan tetapi untuk spesifik di Selangor, Yang Berhormat Machang, saya pasti ini pun ada. Tidak apa, kalau Yang Berhormat tidak bersetuju, nanti saya minta. Saya akan dapatkan pecahannya itu. Okey, itu satu.

Yang kedua tentang penerapan. Saya tidak tahulah, Yang Berhormat Shah Alam berdiri, siapa lagi berdiri tadi? Ramai. Saya juga baca Laporan Fitch, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak tahu di mana mereka mengatakan *rating agency Fitch* menurunkan, *downgrading rating Malaysian*. Saya baca, Tuan Yang di-Pertua. Ogos, betul. Yang Berhormat Machang cakap itu betul. Ogos 2012. Akan tetapi di sini dikatakan *affirm*.

#### ■1550

Tidak cakap pun pasal *downgrading*, Tuan Yang di-Pertua. Malah saya hendak bagi tahu. Saya hendak bagi tahu apa Fitch kata. Dia kata, "*Fitch ratings maintains Malaysian's strong sovereign ratings*". Ini ayat tidak dibaca oleh Yang Berhormat Machang. Kemudian Fitch kata, "*Fitch acknowledged that strong foreign interest in Malaysian government securities can further strengthen Malaysia's sovereign funding conditions*". Banyak lagi pujian Fitch kepada negara kita tetapi yang lebih penting daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu, *rating agency* ini apa dia buat? Dia melihat negara-negara dalam keadaan ekonomi dunia yang meleset, yang merudum. Semua negara, *rating* negara semua turun. Bukan sahaja Malaysia, semua negara, *because there is an intrinsic risk*. Bayaran balik negara-negara. So kita tidak boleh tengok Malaysia *in isolation*. Kita kena tengok juga negara-negara yang lain. Kalau semuanya keadaan ekonomi dunia itu merudum, sudah tentu *rating agency* seperti Standard

and Poor's, Moody's, Fitch ini akan mengurangkan atau memberikan kebimbangan mereka kepada negara-negara yang aktif *trading* dalam dunia sedangkan Malaysia ini negara yang ke 17. So itu yang saya hendak katakan.

Kemudian Yang Berhormat Machang mengatakan apa, tentang cerita PTPTN. Saya hendak cerita sedikit mengenai PTPTN ini Tuan Yang di-Pertua, bagaimana ia bermula. Cerita PTPTN ini bermula dengan satu jabatan yang kecil di dalam tabung yang kecil di Jabatan Perdana Menteri ataupun Kementerian Pengajian Tinggi. Tujuan kita dahulu memberikan sedikit bajet kepada mereka supaya mereka boleh memberi pinjaman kepada anak-anak, pelajar-pelajar Melayu pada waktu itu. Akan tetapi kerajaan berlapang dada dan mengata okey, kita buka kepada semua bangsa. Selepas itu pada waktu dahulu, hanya IPTA sahaja yang kita beri pinjaman ini. Selepas itu Kerajaan Barisan Nasional berlapang dada lagi, kita buka kepada IPTS. Pada waktu itu Tuan Yang di-Pertua, kosnya sudah terlalu tinggi. Maka kerajaan kata kita gunakan bank, EPF bantu kerajaan tetapi kenalah pelajar-pelajar ini membayar balik. Begitu sejarahnya. Bukannya kita hanya buang duit begitu sahaja Tuan Yang di-Pertua, bukan begitu.

Jadi kalau hendak katakan PTPTN ini... *[Disampuk]* Sekejap, sekejap. Ini soal tentang, tadi Yang Berhormat Machang terlupa hendak mendengar hujah daripada Yang Berhormat Ledang. Yang Berhormat Ledang dengan terang dan jelas mengatakan hendak atau tidak hendak senarai hitam senang. Tidak boleh bayar RM200 tidak mengapa, bayar RM150. Tidak boleh bayar RM150 kerana masalah pekerjaan, hutang ataupun macam-macam masalah, tidak mengapa, bayar RM50. Tidak bayar RM50, RM10 pun asalkan aktif akaun itu. Apa lagi? Hendak dikatakan yang dikenakan senarai hitam itu adalah pelajar-pelajar yang betul-betul mungkin - mungkin ada sedikit yang betul-betul tidak boleh bayar RM10, tetapi mustahillah RM10 pun tidak boleh bayar kalau betul-betul mahu.

Jadi itu sebabnya saya katakan jangan anggap bahawa kerana ada senarai hitam, negara atau kerajaan ini zalim. Ini ayat yang saya tidak suka dengar Tuan Yang di-Pertua. Kemudian apa lagi? Sudah hilang sudah Yang Berhormat Machang. Mana dia pergi?... *[Melihat ke tempat duduk Yang Berhormat Machang]*

Hendak cerita fasal *Jet Fighter*. Naik jet, wah punya sedap! Akan tetapi dia lupa Tuan Yang di-Pertua, isunya. Kalau sayalah bukan sebenarnya naik atau tidak. Saya pun tahu dia naik sana sini dengan jetnya. Pergi ke Turki, pergi mana, semuanya naik jet. Tidak mengapa. Isu yang kita hendak bawa ini ialah sebenarnya bukan siapa turun naik jet. Isunya ialah dalam satu aspek, Yang Berhormat Permatang Pauh turun ke negeri Sabah, saya bersama orang miskin! Kita tidak boleh boros! Pemimpin tidak boleh nampak megah. Itu yang kita hendak bagi tahu. Pemimpin mesti *socialist!* Pemikiran *socialist!* Kita tidak boleh bermegah-megah. Tidak boleh naik jet, naik AirAsia. Kalau boleh berenang kalau pergi ke Sabah. Hendak tunjuk bahawa mereka ini bersama dengan orang miskin. Jadi kalau kita nampak hero itu pakai kaca mata

hitam dalam *Jet Fighter*, kita pun terkejutlah. Itu yang rakyat hendak tahu. *'Eh awak suruh saya - kemiskinan teruk. Alih-alih naik jet. Bayar pula RM100,000'*. Itu yang saya hendak katakan...

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Sedikit boleh?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak cakap dengan saya. Banyak isu ini.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Boleh? Kalau isu *private jet* ini seronok juga hendak bahas.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *No, no*. Saya hendak katakan...

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Banyak bahan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Bukan soal siapa boleh naik jet.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Sungguh. Bukan..

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Pada saya, siapa-siapa pun boleh naik jet. Tidak ada masalah.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Boleh?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Kalau ada kroni daripada Pulau Pinang, Selangor, syarikat-syarikat, tauke-tauke besar hendak bagi kepada Yang Berhormat Permatang Pauh naik jet, lantaklah! Naiklah jet! Naik! Kroni! Akan tetapi yang kita hendak katakan...

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Boleh?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Sebentar. *"Saya bersama-sama dengan orang miskin! Akan tetapi tidak mengapa, saya ... RM100,000 hendak pergi ke Sabah"*. Tidak mengapalah. Kemudian Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Tidak boleh?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya hendak kata... Sekejap, sekejap. Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak berucap tadi. Saya ada banyaklah. Ini pun baru hendak mencelah Yang Berhormat Machang. Belum masuk kepada *point* saya lagi.

Dia kata tadi Kristian – dia kata Barisan Nasional menakutkan rakyat kalau Pakatan Rakyat menjadi kerajaan, maka Kristian akan menjadi agama rasmi. Saya kira, saya hendak bagi tahu Tuan Yang di-Pertua pengalaman saya. Tuan Yang di-Pertua pun daripada Sabah. Saya hendak bagi tahu, ini amat menyedihkan saya. Yang Berhormat Permatang Pauh bersama dengan kawan-kawan beliaulah. Kalau berucap di negeri Sabah, apa dia cakap Tuan Yang di-Pertua? "Kita akan kembalikan semangat 20 perkara! 20 perkara ini telah dirogol, dirompak, dirubah oleh Barisan Nasional. Kita kembalikan semangat 20 perkara."

Jadi hendak kata Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahulah sama ada parti-parti pembangkang, rakan-rakan saya daripada PAS tahu atau tidak tentang 20 perkara ini. Saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua adalah seorang yang beragama Kristian tetapi sebagai Ahli Parlimen, saya kena bercakap ini kerana ini adalah satu perkara yang besar.

Dalam 20 perkara, isu yang pertama - perkara pertama dalam 20 perkara ialah apa? Tidak ada agama rasmi untuk negeri Sabah. Itu perkara nombor satu dalam 20 perkara. Okey, sejarahnya Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1963 apabila Tan Sri Ghazali Shafie dan Ketua Menteri Pulau Pinang pada waktu itu mewakili Persekutuan Tanah Melayu berunding dengan British dan juga pemimpin-pemimpin daripada Sabah, pemimpin Sabah berkata, *no official religion* in Sabah. Tan Sri Ghazali Shafie kata tidak boleh, kita mesti ada agama rasmi dan agama rasmi itu mestilah Islam. Mereka bergaduh di dalam mesyuarat tersebut. British berkata, ini belum apa-apa lagi sudah bergaduh pasal agama. Beginilah, British kata dalam minit-minit mesyuarat yang saya baca, dia kata okey. *Why don't we do this* Tuan Yang di-Pertua. Dia kata kita tidak berhak untuk menentukan sama ada Sabah perlu mewujudkan agama rasmi atau agama Islam itu agama rasmi. Biarlah rakyat Sabah melalui proses undang-undang dan Perlembagaan, sepuluh tahun daripada selepas penubuhan Malaysia. Bawa ke Dewan Undangan Negeri dan merekalah menentukan sama ada agama Islam akan menjadi agama rasmi. Semua bersetuju. Jadi tahun 1963 hingga 1973 kemudian dibawa satu usul ke Dewan Undangan Negeri Sabah, dibahaskan bukan sahaja oleh orang Islam, orang Kristian, orang Buddha, orang Dusun, orang Kadazan dan semuanya bersetuju bahawa agama Islam menjadi agama rasmi negeri Sabah dan agama-agama lain itu boleh dianuti tanpa larangan dan akan dilindungi oleh Perlembagaan.

Maka berubahlah semangat 20 perkara itu, nombor satu. Sekarang ini kita dengar dalam Deklarasi Kuching pun mengatakan kembalikan semangat dan roh-roh perjanjian. Saya hendak bertanya, apakah dengan mengembalikan semangat 20 perkara ini, pakatan terutamanya Yang Berhormat Permatang Pauh mahu mengembalikan kepada yang asal 20 perkara? Ini bermakna dia kalau itulah hasratnya, saya betul-betul berdoa jangan bahawa agama Islam tidak boleh menjadi agama rasmi di negeri Sabah. Ini satu persoalan...

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Sedikit Yang Berhormat Kota Belud. Sedikit mengenai Perlembagaan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Ini satu persoalan yang amat besar.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Dalam Perlembagaan tidak ada perkataan 'rasmi'.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Okay, 30 saat saya beri.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Kota Belud, boleh tunjuk dalam Perlembagaan di mana pakai agama rasmi. Tidak pernah. Cuba tengok dalam Perlembagaan. Daripada fasal 1 sampai habis. Dari segi Perlembagaan, orang tidak pakai perkataan 'agama rasmi'.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Okey, terima kasih. Saya jawab.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** *Okay, Federal religion, official religion, two different things.*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Okey, tidak mengapa.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Kita kena tolong jelaskan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Okey, *I heard you.*

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Tolong jelaskan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *I heard you.* Okey, agama Persekutuan. Okey, *you want to be technical*, buanglah rasmi. Agama Persekutuan. *You know what I mean. You don't play with words.* Maknanya agama rasmi di negeri Sabah, saya takut Tuan Yang di-Pertua, kalau ini yang diminta oleh Yang Berhormat Permatang Pauh mengembalikan...

■1600

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Peraturan Mesyuarat 37(7), terima kasih, Yang Berhormat Kota Belud saya ingin bangkitkan di sini, pertamanya kalau cubaan untuk mengelirukan Dewan dengan mengatakan bahawa 20 perkara yang disebut oleh Ketua Pembangkang itu semuanya termaktub di bawah perjanjian dalam Perlembagaan Persekutuan, apa Yang Berhormat cuba buat di kala ini sebenarnya mengelirukan Dewan dan sebenarnya telah membawa fitnah.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** [*Bangun*]

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Bagi saya, ini jelas kenapa dalam Pakatan Rakyat setiap ahli pimpinan Keadilan turun negeri Sabah, semuanya disebut selagi termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Kalau Yang Berhormat hendak serang boleh serang tetapi untuk mengandaikan kalaulah Pakatan Rakyat menang di Sabah itu, kita ubah apa yang telah dipersetujui dalam Perlembagaan Persekutuan, ini kerja jahat. Mohon Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Hendak bagi *rulingkah*, hendak biar saya jawab Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya tengah melihat peraturan mesyuarat, itu adalah pencilan Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini masalahnya kalau Yang Berhormat seperti Yang Berhormat Lembah Pantai ini *it's a weekend politician* di Sabah, dia datang satu jam, dua jam...

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Biar saya jawab..

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat sekejap, sekejap, sekejap...

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Yang Berhormat, di sini saya sebut tentang apa Yang Berhormat buat mengelirukan Dewan, tidak ada kena mengena sama ada saya lawat Sabah atau tidak...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Sekejap, sekejap. Saya jawab, saya jawab.

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** *No, no, you jawab isu, you jawab dakwaan jahat.*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya bagi peluang kepada Yang Berhormat selepas ini...

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Pada saya kalau Yang Berhormat teruskan, tidak mahu tarik balik, isu bahawa Yang Berhormat Permatang Pauh akan mewujudkan satu perkara baru dalam isu agama Islam sebagai agama rasmi, kalau tidak tarik balik, saya akan rujuk kepada Jawatankuasa.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Boleh, tidak ada masalah. Saya hendak beritahu Yang Berhormat, perkataan yang digunakan ialah mengembalikan semangat 20 perkara, apa maksudnya itu? Kalau hendak ubah, ubah ayat itu. Saya sudah beritahu dalam ucapan saya tahun lepas dan awal tahun ini dalam Dewan yang mulia ini, saya kata terangkan, jangan gunakan perkataan "*kembalikan semangat 20 perkara*", dalam konteks sebegitu, mengelirukan rakyat Sabah. Bermakna seolah-olah kita kembali kepada 20 perkara bahawa tidak ada agama rasmi ataupun agama rasmi negeri Sabah. Itu yang saya katakan "*kalau*", jangan bebankan saya Yang Berhormat. Yang Berhormat gunakan perkataan membuat ceramah dalam negeri Sabah mengatakan kembalikan 20 perkara, terangkan dengan jelas.

Itu yang saya katakan tadi, Yang Berhormat *weekend politician* di Sabah sebab saya duduk di sana, setelah Yang Berhormat berucap dan Yang Berhormat yang lain-lain balik, yang baca *Facebook* "*oh, ini kalilah kita katakan kembalikan 20 perkara*" apa itu 20 perkara? Satu, tidak ada agama rasmi, mana dia pemimpin pembangkang untuk membetulkan apa yang dikatakan oleh penyokong-penyokong kamu? Tidak ada, *because you are all weekend politician* di negeri Sabah, satu...

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Mohon penjelasan..

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Kedua Tuan Yang di-Pertua, poin nombor dua dalam 20 Perkara...

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Penjelasan..

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Apa dia? 20 Perkara mengatakan apa? Bahasa pengantara Kerajaan Negeri Sabah ialah bahasa Inggeris sampai bila-bila, itu nombor dua. Saya pasti ramai yang tidak tahu di sini.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** [*Menyampuk*] Ini yang disebut Yang Berhormat Lembah Pantai cuba mengelirukan Dewan...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Akan tetapi kalau hendak kembalikan, apakah bermakna bahasa Melayu tidak akan menjadi bahasa pengantara kerajaan...

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** ...Menyebut hanya sebahagian sahaja. Kita hendak sebut yang berkaitan dengan yang setelah dipersetujui oleh Perlembagaan Persekutuan...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** ...Yang Berhormat, saya tidak bagi, tolong hormat sikit

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** ...Jangan cuba hendak *extra* belit, jangan cuba hendak kurangkan apa yang telah kita sebut...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Duduk dahulu, Yang Berhormat duduk dahulu...

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Inilah yang dikatakan mengelirukan Dewan...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Sekejap Yang Berhormat...

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Baca sedikit. Kita kata 20 Perkara seperti yang telah dipersetujui dalam Perlembagaan Persekutuan, kenapa Yang Berhormat Kota Belud tidak sebut begitu? Bab wakil rakyat mingguan, *weekend*, itu tidak timbul. Kita semua ada kawasan, Yang Berhormat pun duduk di sini juga, balik sana pun *weekend* juga kalau balik, apa masalahnya? *Weekend MP*.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Rumah saya bukan di Kuala Krai ya. Akan tetapi saya hendak beritahu, eloklah Yang Berhormat cakap begitu, bagus, sebab Pakatan ini talam dua muka. Pada masa yang sama katakan "*Kembalikan Semangat 20 Perkara*" tetapi dia "*Oh!, kita akan...*"

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Kita ada hitam putih...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Sekejaplah Yang Berhormat, macam mana kita hendak berdebat kalau...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** ... Yang Berhormat Kuala Krai..

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** ... Yang Berhormat Kota Belud, hitam putih, Yang Berhormat Kota Belud cuba mengelirukan kita. Benda itu hitam putih, deklarasi Kuching kita ada hitam putih, jadi macam mana? Ini saya kata dakwaan, itu saya minta betulkan...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, itu sebabnya ada yang mengatakan Pakatan ini talam dua muka, sebab apa saya kata? Itulah, betul Yang Berhormat Kuala Krai kata; "*Oh! Saya akan kembalikan Semangat 20 Perkara, rakyat Malaysia mesti menyokong kita, zalim Barisan Nasional ini*". Akan tetapi pada masa yang sama, "*Oh! kita mesti berada dalam keadaan menghormati Perlembagaan Malaysia*". Orang pun *confused*, pada masa yang sama hendak katakan kembalikan, tidak ada agama rasmi tetapi "*Oh! No, agama rasmi mesti ada*". Kemudian kita kembalikan bahasa rasmi Kerajaan Negeri Sabah kepada bahasa Inggeris. Bahasa Inggeris kembalikan Semangat 20 Perkara tetapi pada masa yang sama, okey agenda Melayu, bahasa Melayu, itu mesti dipertahankan.

Mana ini? Orang pun *confused*, sebab itu saya katakan kalau hendak berucap di negeri Sabah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *Rileks*, dengar sahaja Yang Berhormat...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Terutamanya Yang Berhormat daripada PAS, hati-hati nanti kalau bertanding, kalah, hilang deposit. Okey Yang Berhormat. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, terlampau banyak ini, okey isu besarlah, *last*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Okey, boleh gulung.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya cuba, kalau tidak ada gangguan daripada rakan-rakan boleh selesai masalah ini dalam setengah jam, tetapi rakan-rakan saya ini tidak berapa faham.

Tuan Yang di-Pertua, ini isu royalti minyak. Saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua sekali lagi sebelum ucapan saya diputarbelitkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena, oleh rakan-rakan saya di sebelah sana bahawa saya ini adalah ejen imperialis Malaya. Saya ini orang Malaya, saya ini ejen kepada Malaya, saya hendak beritahu. Saya cuma hendak beritahu kepada Tuan Yang di-Pertua bahawa isu royalti minyak di negeri Sabah ini adalah satu isu yang agak kompleks dan kebanyakan penerangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Bagan sewaktu berucap di Sabah hanya menyentuh sedikit sahaja daripada isu royalti minyak ini.

Saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua, 20%, sekali lagi saya hendak tekankan sebagai wakil rakyat dari negeri Sabah, saya tidak ada masalah untuk menaikkan 20%. *[Tepuk]* Saya tidak ada masalah, elok bagi saya, bagus untuk semua kerana itu akan menambahkan, tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu, hujah mereka ini dibuat untuk menggigit perasaan rakyat tanpa ada perancangan yang betul. Saya bagi contoh, sekarang ini katalah satu *barrel* minyak harganya USD100. Harga satu tong minyak USD100 untuk tujuan penghujahan, USD100. Daripada USD100 itu, USD5 atau 5% akan diberikan kepada kerajaan yang mengeluarkan minyak, Sabah dapat USD5, Sarawak minyaknya dapat USD5. Kemudian Kerajaan Persekutuan juga dapat USD5, 5%, tinggal 90.

Daripada USD90 itu Tuan Yang di-Pertua, *cost of recovery*, bermakna *cost of production*, hendak *grill* itu, berbilion-bilion ringgit Tuan Yang di-Pertua, *over period of time*, 45% itu kosnya dan itu tidak boleh dianggap sebagai profit kerana itu diberi balik kepada syarikat-syarikat Production Sharing Contractor (PSC) yang mengambil minyak atau menyedut minyak...

**Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]:** *[Bangun] [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Sekejap, sekejap Yang Berhormat. Saya bagi peluang lepas ini, sekejap...

**Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *You are wrong, 5% in the top...*

**Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Ya, Yang Berhormat Rembau.

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Saya hendak mencelah sedikit, royalti itu adalah *on production, not minus cost, royalty is on production*. Itu adalah perkiraan royalti minyak.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Itulah kata, kita dah baca Yang Berhormat Tumpat, tidak betul...

**Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Sekejap, sekejap Yang Berhormat. Saya hendak beritahu, kita duduk dengan dia orang...

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Macam tadi dengar *you* tipu mengenai *fix rating, you all full of lies*.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *[Ketawa]* Tidak apa, tidak apa, bawa bertenang. Yang Berhormat Tumpat, tidak apa, lepas ini saya akan beri...

**Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** *No, No, this not* ambil hati, *you lied*, tadi Yang Berhormat Machang daripada mula tadi tipu mengenai *fix rating, full of lies*.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat Tumpat saya akan beri peluang kalau hendak berucap, nanti lepas ini saya akan beri peluang. Okey saya kembali kepada hujah saya. Sebanyak USD5 atau 5% kepada negeri Sabah, dengar ini betul-betul, jangan nanti kalau berucap di Sabah, ceramah, nanti *you all* faham, 5% kepada negeri Sabah, 5% kepada Kerajaan Persekutuan, kemudian 45% adalah *cost of recovery*, tinggal lagi 45%. Di situlah yang akan *tax* dahulu, itulah profit PSC ini. Petronas dengan Shell, Petronas dengan Exxon, itulah keuntungan mereka sebanyak 45%.

Kemudian Kerajaan Persekutuan *tax* lagi 38% melalui Petroleum income tax, maka berapa pecahannya sekarang ini Tuan Yang di-Pertua? Sebanyak USD5 pergi kepada negeri Sabah, USD5 kepada *government*, USD45 untuk *cost recovery, cost of production*, itu untuk tampung kos, kemudian USD17 pergi kepada income tax Kerajaan Persekutuan, Petronas hanya mendapat USD17 atau 17% dan PSC itu 11%.

#### ■1610

Maka, Petronas hanya mendapat lebih kurang 17% daripada keuntungan ataupun *revenue* daripada minyak. Kalau dikatakan naik bagi 15%, daripada 5% kepada 15%, daripada ini datangnya? Yalah untuk 20% lah, 5% naik ke 15%, makna *sorry*, 5% tambah 15% = 20%. *Where is the 15% coming from, where?* Kalau dari segi *cost recovery*, itu kita tidak boleh potong, sudah 45%, itu memang kos, takkan kita hendak potong. Kemudian kalau dari segi PS *contractor*, Shell, Esso, takkanlah dia orang hendak katakan, "*Oh! You potonglah! Saya datang ke negara kamu ini, buat joint venture ini, saya tahu saya punya komitmen. Untung saya mesti USD11 atau 11%, nothing less.*" Maka, yang terpaksa kita potong ialah Petronas. Kalau

daripada 17% tadi yang Petronas dapat, kalau ditolak lagi 15% Tuan Yang di-Pertua, tinggal lagi 7%.

Saya tidak ada masalahlah di sini fasal ini saya ini masalah saya kita dapat. Akan tetapi saya kira daripada Johor, daripada Pahang, Pulau Pinang, Teluk Cuk Kun, kena bagi tahulah orang Teluk Cuk Kun. Bahawa tidak ada lagi pembangunan, duit itu semua pergi ke Sabah Sarawak. *I don't mind* tetapi *be truthful, be ikhlas*, bagi tahu kepada rakyat di Semenanjung ini, kalau saya jadi Perdana Menteri, saya akan kurangkan hospital, saya akan kurangkan jalan raya di Semenanjung. Ini kerana duit itu kita akan bagi kepada Sabah dan Sarawak kerana mereka memerlukan. Akan tetapi saya kira Pembangkang tidak begitu ikhlas kerana kalau di sebelah sini masih menjanjikan pulangan potong tol RM50 bilion, di mana duitnya sampai? Jadi, RM50 macam potong tol ini Tuan Yang di-Pertua, tidak ada satu sen untuk kita di Sabah.

Saya mintalah Yang Berhormat Permatang Pauh, janganlah RM50 bilion yang akan dibelanjakan untuk memotong penghapusan tol ini, tidak ada satu sen pun datang kepada negeri Sabah. Sebanyak RM50 bilion duit kerajaan untuk mengambil alih konsesi tol ini digunakan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh nanti untuk mengambil alih tol, satu sen rakyat di negeri Sabah tidak dapat, rakyat di Sarawak tidak dapat. Mana itu RM50 bilion? Itu duit kerajaan. Pada masa yang sama mengatakan saya bersama-sama dengan orang Sabah, orang Sarawak. Jadi, polisi ini agak songsang sedikit itu sebabnya saya katakan...

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat, sedikit sahaja.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat, sekejaplah. Kita minum kopilah nanti ya, Yang Berhormat.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sedikit, sedikit, sedikit sahaja.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Sudahlah Yang Berhormat, sudah banyaklah itu.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak, sedikit sahaja.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Sudah banyaklah itu Yang Berhormat.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya tadi Yang Berhormat kata kalau...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Tidak bagi pun dia masih cakap juga.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Polisi Yang Berhormat tadi kata, maknanya habislah tidak ada jalanlah di Semenanjung. Makna, takdir kalau tidak ada minyak di Sabah ini macam mana, tidak ada apalah?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat, saya dengar juga Yang Berhormat...

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak ada minyak, tidak ada minyak langsung di Sabah, di Sarawak itu, tidak ada minyak. Maknanya, tidak ada jalanlah juga sini kalau ditakdirkan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Itu pemikiran songsang sedikit, saya tidak berapa faham, duduk dahulu.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Kenapa songsang pula... [Ketawa]

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya hendak katakan, no, ikhlaslah, kena ikhlas. Apabila kita ikhlas, kita bagi tahu, sebelah pihak, "Okey, you have to pay now. All is here, Sabah, Sarawak sudah memberi. Okey, masa untuk tolong Sabah, Sarawak." Kita pun, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Yang Berhormat Perdana Menteri pun sekarang ini *almost 10% of the Federal budget is going to Sabah, almost 10%*. Yang Berhormat Rembau.

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Kota Belud. Sekejap sahaja, sekejap sahaja. Masalah daripada mula sampai akhir adalah bahawa janji itu tidak dapat dimasukkan dalam perkiraan mereka, kos implikasi janji mereka. Janji itu perkataan tetapi mereka tidak terjemahkan perkataan itu dalam angka. Kalau kita terjemahkan janji, contoh yang disebut oleh Yang Berhormat Kota Belud dalam angka. Saya hendak bagi tahu implikasinya pada Yang Berhormat Kota Belud.

PITA iaitu *Petroleum Income Tax* yang kita bayar ini, kalau sekiranya dia naikkan royalti minyak kepada 20%. Kesannya, PITA pada tahun 2011 dibayar RM27.7 bilion tetapi kalau dinaikkan royalti minyak ini, PITA itu kurang sampai RM9.8 bilion. Dividen daripada Petronas tahun lepas kita dapat RM30 bilion, Kerajaan Persekutuan. Kalau dinaikkan royalti minyak akan ada kesan dan akan turun sebanyak sampai RM16.3 bilion. Maksudnya, kesan besar secara kasar adalah RM26 bilion. Di mana hendak cari RM26 bilion? Ini yang tidak dijelaskan. Semua angka ini tidak dijelaskan. Perkataan itu indah didengar tetapi angka itu disembunyikan disebabkan mereka tahu mustahil untuk dapat dilaksanakan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Itulah Tuan Yang di-Pertua. Ini masalah, itu sebab saya katakan tadi belanjawan Pakatan Rakyat ini berbahaya. Bukan berbahaya secara fizikal tetapi berbahaya. Ini belum lagi saya cerita pengkhianatan kepada pengundi mereka ini. Kalau saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak sempatlah Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Ya, sedikit sahaja, sedikit sahaja lagi. Fasal ini tadi saya hendak bagi tahu Yang Berhormat...

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Kota Belud, *last*.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Kita tahu bahawa...

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Kota Belud, sebelum *landing*, sedikit.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Sekejap, sekejap, saya habiskan dahulu hujah ini. Saya hendak katakan Tuan Yang di-Pertua, *support base* Pakatan ini adalah di *urban centre*, di bandar-bandar besar. Kita pun tahu bahawa rakyat Malaysia yang berketurunan Cina sekarang ini kecenderungan mereka kepada Pakatan dan mereka ini adalah terlibat dalam *business*. Akan tetapi banyak dasar mereka itu mengkhianati pengundi-pengundi mereka. Pertama, saya sudah katakan tadi *minimum wage RM1,100*. Saya sebenarnya ingin hendak tanya kepada *the small medium industry led by the Chinese. Do they agree minimum wage RM1,100 ini, do they?..*

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Tanyalah, Yang Berhormat Kota Belud.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *Because we have asked. The Federation of Employees, Malaysian Federation of Employers disagreed, even RM900 also* dia kental sedikit, *even RM1,100*. Akan tetapi masalahnya di Selangor RM1,500 hanya setengah masak juga. Okey tetapi pada saya itu adalah...

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Kota Belud.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Di Selangor pun baru RM1,500, tidak sampai, dia janjikan RM1,500... Sekejap, sekejap. *So*, pengkhianatan nombor satu.

Keduanya, apabila mereka mengatakan, "Oh! demonstrasi." Saya kira nanti kalau Pakatan Rakyat ini memerintah, hari-hari ada demonstrasi kerana mereka mahukan demonstrasi, biarlah rakyat mahu berdemonstrasi. Sekali lagi peniaga-peniaga di bandar-bandar ini akan mendapat musibah daripada ini.

Ketiganya, apabila mahu menurunkan harga kereta ini, akan lebih sesak lagi. Itu banyak lagilah tetapi tidak apa, jangan khianatilah...

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Sedikit, sedikit Yang Berhormat Kota Belud, 30 saat sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Jangan khianati pengundi-pengundi Yang Berhormat... Jadi, saya kira...

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Kota Belud, 30 saat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya kira Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang ingin saya katakan...

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Kota Belud.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Terima kasih banyak-banyak kerana mendengar...

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Kota Belud.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** ...Saya berharap bajet daripada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang...

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Dia baru bagi 30 saat sahaja.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** ...Akan membawa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat mencelah Yang Berhormat Kota Belud, Yang Berhormat Kota Belud akan memanjangkan masa Yang Berhormat.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Sebenarnya kita mahu sebutkan forum yang kita sudah cabar untuk Yang Berhormat Kota Belud, Yang Berhormat Rembau dan siapa yang lain, mungkin Yang Berhormat Labis.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Tak apalah.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Untuk kita bertemu tiga lawan tiga.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Kita perjelaskan satu persatu tentang angka, segala apa dakwaan yang dibuat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat. Oh! Hebat-hebat sekali. Saya satu, lawan tiga, saya tidak berani.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Hari ini kita telah isytiharkan dan kita cabar Barisan Nasional lawan Pakatan Rakyat. Terima kasih.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Okey Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengundur diri saya cuma ingin tambah satu ayat. Saya tidak mahu dikatakan di sini bahawa saya ini tidak mahu 20% itu diberi kepada negeri Sabah... *[Disampuk] No, no, no. Higher is better for me* tetapi saya juga realistik bahawa janji itu tidak dapat ditepati, tidak akan dapat ditepati. Jadi, apa yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah menambah peruntukan bajet kewangan negara kepada negeri Sabah. Itulah lebih *sustainable*, lebih mampan, lebih sistematik daripada menaikkan sampai 20%. Jadi, itulah sahaja terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ketua Menteri Sarawak pun minta tambah.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Dua-dua Ketua Menteri pun minta tambah itu hari sudah.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Saya menyokong usul belanjawan negara ini. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya dalam dilema untuk memanggil sama ada daripada DAP ataupun daripada PAS. PAS pun hari ini belum lagi. Sama belum, tidak apalah. Saya bagi Yang Berhormat Bukit Mertajam.

**4.19 ptg.**

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih kerana saya ada mesyuarat pada pukul 6. Terima kasih kepada rakan PAS juga. Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan Perdana Menteri dalam pembangunan wanita keluarga dan masyarakat, dia ada empat langkah untuk menyokong dwi peranan wanita. Pertama ialah melatih 500 wanita untuk menjadi pengarah syarikat nanti. Tuan Yang di-Pertua, untuk menyokong dwi peranan wanita, yang paling penting ialah mewujudkan pusat jagaan kanak-kanak. Supaya meringankan beban wanita untuk menjaga anak-anak, rumah tangga dan juga kerja mereka, *live and work balance* tetapi sangat aneh.

**■1620**

Langkah ini sangat aneh, sokongan Barisan Nasional ini sangat aneh kerana di dalam keempat-empat langkah ini tidak ada langkah untuk mewujudkan pusat jagaan kanak-kanak. Hanya ada pusat jagaan kanak-kanak untuk OKU itu ialah di bawah bahagian yang lain.

Saya rasa saya pun tidak hairan kerana Menteri yang menjaga Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sekarang bukan seorang ibu. Dia seorang bapa, dia tidak pernah perlu untuk menjaga anaknya, dia tidak pernah. *He never has to jaga, work and life.* Jadi, saya rasa inilah sebabnya dia tidak faham dan dia memang tidak faham kerana hari ini dia kata pergerakan hak wanita tidak perlu di Malaysia. Ini seperti yang dikatakan oleh mana-mana diktator bahawa pergerakan hak manusia tidak perlu di dalam negaranya.

Hari itu saya bertemu dengan seorang bekas penyanyi Wan Aishah yang dahulunya UMNO, sekarang PAS. Saya tanya mengapa? Dia kata "*sekarang dia lihat bahawa Barisan Nasional ini seperti banyak diktator. Mereka yang kaya tambah kaya, mereka yang miskin makin miskin.*" Itu sebabnya dan saya mahu menunjukkan bahawa ini UMNO saya rasa perlulah *reflects*, dia mesti *review* dia punya kedudukan sekarang. Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun saya sokong dia hendak latih 500 wanita untuk menjadi pengarah syarikat nanti kerana ini untuk meramaikan, memperbanyakkan bilangan wanita menjadi ahli lembaga pengarah syarikat di dalam itu kerana kita sasarkan 30%, saya sokong. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua saya rasa...

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Mohon celahan Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ya.

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar tentang cadangan kerajaan untuk mewujudkan lebih ramai ahli lembaga pengarah wanita tetapi Yang Berhormat, yang saya takut nanti adalah di kalangan yang terpilih adalah semua ketua-ketua bahagian UMNO Wanita, bukannya wanita yang benar-benar punyai bakat dan boleh memegang jawatan tersebut.

Contohnya, ada di kawasan saya tanah institusi, tanah polis sebenarnya di Ibu Pejabat Polis Brickfields. Oleh kerana kenalan politik maka Senator Mariany binti Mohammad Yit yang merupakan salah seorang pengarah juga Syarikat Prima Muda Holdings mendapat tanah tersebut dalam satu ... *work*. Jadi, kita suka kalau diberi ruang kepada wanita yang berkaliber, berbakat tetapi saya fikir salahlah kalau sekadar memegang jawatan dalam parti politik UMNO itu diberikan jawatan-jawatan besar dalam syarikat-syarikat tertentu. Terima kasih, apa pendapat Yang Berhormat?

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Saya setuju sekiranya dia betul-betul berkeelayakan. Mengapa lantik dia, dari parti politik mana pun tidak mengapa tetapi tidak bolehlah kalau semata-mata kerana dia dari UMNO. Jadi, untuk mengelakkan kesangsian seperti ini, saya rasa eloklah mengadakan satu kriteria yang telus, bagaimana seorang wanita itu dipilih untuk menjadi pelatih, untuk menjadi ahli lembaga pengarah syarikat nanti. Jadi, saya harap ia ada satu kriteria yang telus.

Tadi kita kata bahawa kita hendak memperbanyakkan ahli lembaga pengarah syarikat wanita, jadi saya setuju tetapi Tuan Yang di-Pertua bahawa bilangan Menteri dalam Kerajaan Barisan Nasional ini pun amat kecil. Penggal lepas kita ada tiga orang, awal tahun ini kita ada dua dan sekarang ada satu sahaja. Jadi saya rasa sudah sampai masa, dahulu saya bagi *benefit of the doubt*, bukan saya rasa bahawa Perdana Menteri ini dia tidak layak, saya rasa kerana dia sudah jadi Perdana Menteri, dia sudah jadi Menteri Kewangan, saya rasa seseorang pun dia ada 24 jam sahaja dan dia mesti ada...

**Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** Itu Yang Berhormat Kepong tidur.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** ...tenaga dan masa untuk pegang jawatan Menteri ketiga dan hari ini saya rasa apa yang dia kata itu menunjukkan bahawa beliau sangat *inherent* dalam hal wanita dan gender. Jadi, Perdana Menteri ini dengan segala hormatnya sudah tidak sesuai untuk memegang jawatan ini lagi iaitu jawatan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Saya rasa sekiranya beliau terus memegang jawatan ini hanya menunjukkan bahawa betapa ketidaksamarataan gender di dalam Barisan Nasional. Adakah dalam Barisan Nasional sekarang tidak ada pemimpin wanita yang berkeelayakan untuk memegang jawatan ini? Sudah 50 tahun UMNO dan Barisan Nasional memerintah. Ya, ini sungguh menunjukkan kegagalan.

**Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** Wanita UMNO tidak gila kuasa.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Akan tetapi saya rasa Yang Berhormat Tenggara boleh, dia mampu, dia pun pernah jadi *exco before*. Yang Berhormat Tenggara, saya rasa Yang Berhormat Tenggara boleh dan saya rasa mesti ada pemimpin wanita lain yang boleh.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tenggara bangun Yang Berhormat.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]:** Wanita UMNO tidak gila kuasa.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Bukan gila kuasa tetapi ini untuk mewakili wanita supaya duduk di tempat itu dan bukan gila kuasa.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** *[Bangun]*

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Saya rasa inilah, sekiranya kerana masalah puak-puak Perdana Menteri tidak mahu melantik sesiapa, kami pun boleh cadangkan supaya ada wanita di luar sana, mereka boleh dilantik menjadi Senator dan dilantik sebagai Menteri.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Boleh minta sedikit?

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Nanti sekejap. Saya rasa kita boleh mencadangkan beberapa nama mereka yang begitu pakar dalam isu wanita dan juga gender. Mereka pun dalam termasyhur dalam isu ini, dalam aspek ini dalam negara dan juga luar negara umpamanya Tan Sri Profesor Sharifah Hapsah iaitu Naib Canselor UKM, Profesor Asma Ismail, Dr. Shanti Dariam, Dr. Shanti Thambiah, Dr. Rashidah Ramli, Profesor Datin Dr. Rashidah Shuib dan saya pun boleh setuju kalau dia Madam Marina Mahathir kerana beliau memang tunjuk keberaniannya untuk berjuang hak untuk rakyat Malaysia khususnya wanita. Puan Zainab Anuar ataupun Dr. Cecilia Ng ataupun aktivis Dr. Cecilia Ng dan Ivy Josiah. Mereka merupakan aktivis yang sangat masyhur, sudah 20 tahun atau 30 tahun di dalam pergerakan hak wanita ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Gopeng.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, setuju atau tidak Yang Berhormat Bukit Mertajam berkenaan dengan kedudukan wanita dalam Barisan Nasional bukan setakat di dalam UMNO ini diketepikan tetapi dalam MCA pun sama sahaja. Sebagai contoh, Timbalan Menteri yang menjaga portfolio Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat iaitu Senator Datuk Heng Seai Kie juga dituduh oleh Presiden MCA secara terbuka baru-baru ini menggunakan politik wang untuk melobi peluang untuk bertanding dalam PRU-13 di kawasan saya di kawasan Gopeng. Bukankah ini satu contoh di mana MCA pun tidak hormati wanita.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Saya setuju kerana nampaknya wanita MCA pun tidak dapat mencadangkan siapa yang akan dilantik sebagai Senator selepas Senator Datuk Heng Seai Kie kerana semuanya adalah presidennya yang cakup sahaja.

■1630

Dia tidak kira siapa-siapa yang boleh sokong beliau ataupun yang boleh bekerjasama dengan beliau jadi dialah yang akan dipilih. Dahulu saya rasa setiap kali wanita dipilih dari UMNO ialah Ketua Wanita UMNO. Akan tetapi malangnya Ketua Wanita UMNO ini suaminya semuanya terlibat dalam isu lembu. Jadi dia tidak ada di sini.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) mempengerusikan Mesyuarat]*

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]:** Yang Berhormat Bukit Mertajam, ini kita membicarakan soal wanita dan keluarga. Apa kaitannya pula dengan Ketua Wanita UMNO, dengan lembu dan sebagainya?

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ada.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]:** Saya ingat ini tidak boleh. Kita mempersoalkan tentang wanita secara keseluruhan, tentang bajet, tentang nasib wanita yang diletakkan dalam Bajet 2013. Bukan tentang soal Wanita UMNO dan Ketua Wanita UMNO.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Yang Berhormat Tenggara...

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]:** Saya ingat kita *concentrate* pada Bajet 2013 ini.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Yang Berhormat Tenggara, sekiranya bukan kerana isu lembu ini kita ada dua Menteri wanita. Sekarang hanya ada satu. Sehingga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri begitu sibuk pun dilantik juga.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]:** Yang Berhormat Bukit Mertajam, Menteri saya itu tidak didapati bersalah. Jadi tidak boleh turunkan tuduhan-tuduhan seperti ini. [Tepuk]

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tuduhan apa itu?

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]:** Tuduhan Yang Berhormat sebut tadi itu.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Oh, isu lembu sahaja. Kalau tidak, mengapa begitu susah hendak melantik seorang Menteri lagi.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]:** Ada bezakah antara lelaki dan wanita jadi Menteri?

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tuan Yang di-Pertua, jadi saya cadangkan kita harus adakan bajet 2013 ini mesti adakan satu program lagi iaitu program untuk menambah bilangan Menteri pada masa yang akan datang. Saya harap ini boleh dijalankan.

Sasaran 30% pembuat keputusan wanita tidak boleh dicapai sekiranya tidak ada program khas seperti program ahli lembaga pengarah syarikat ini. Jadi kita mesti adakan juga program untuk Menteri wanita, program untuk melatih ahli majlis wanita, program untuk melatih Exco Wanita, program untuk melatih JKKK wanita kerana sekarang ada satu *gap* yang begitu besar. Oleh sebab itulah kita adakan sasaran 30% tetapi sekiranya tidak ada satu mekanisme, tidak ada satu program untuk melaksanakannya sasaran ini tidak akan sampai dan ia hanya menjadi satu janji kosong sahaja ataupun retorik.

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Bukit Mertajam, boleh mencelah?

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Baik.

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat Bukit Mertajam soal pembabitan wanita, pelantikan wanita dalam keseluruhannya termasuklah JKKK yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Sekiranya mimpi Pakatan Rakyat untuk memerintah dan Yang Berhormat mungkin menjadi seorang Menteri wanita yang tertinggi, apakah cadangan Yang Berhormat yang difikirkan oleh Yang Berhormat yang mana 30% sasaran ini kepada angkatan tentera, polis serta JKKK yang juga disebutkan dan apakah Yang Berhormat fikir yang terbaik kepada rakyat Malaysia yang kebanyakan wanita ini di antara 30% yang disasarkan oleh Yang Berhormat? Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya kalau angkatan tentera pun 30% wanita, polis pun 30% wanita, *navy* pun 30% wanita. Setuju?

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Boleh. Mengapa tidak? Sekarang kita juga mesti sensitif kepada keimbangan gender di dalam pelajaran pelajar-pelajar kita di universiti. Jadi kita mesti.

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Saya minta jawapan dari Yang Berhormat soal angkatan tentera dan polis.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Dahulu bukan wanita tidak mahu menyertai askar, dahulu tidak boleh. Jadi sekarang saya rasa ramai juga yang menyertai askar dan saya juga hendak minta supaya ahli anggota polis wanita diperbanyakkan jumlahnya. Tidak ada masalah. Kita perlu adakan bilangan wanita seperti itu tetapi Tuan Yang di-Pertua yang lebih penting lagi ialah semua pemimpin tidak kira wanita atau lelaki mesti ada kesedaran gender supaya mereka yang mempunyai kesedaran gender itu pun boleh menjadi Menteri wanita yang menjaga wanita dan keluarga. Dia mesti sensitif kerana kita tidak boleh kawal sama ada seorang lahir sebagai lelaki atau perempuan tetapi kesedaran gender ini kita boleh belajar.

Tuan Yang di-Pertua, di Pulau Pinang selepas Pakatan Rakyat menjadi kerajaan negeri tahun ini kita baru tubuhkan satu Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang. Ini salah satu objektifnya ialah untuk melatih pemimpin yang berkesedaran gender dan juga untuk memperbanyakkan bilangan pemimpin wanita. Jadi kita menjalankan kursus untuk pemimpin sama ada wanita ataupun lelaki. Kita sekarang dalam projek perintis untuk mengadakan *gender responsive budgeting*.

Barisan Nasional sudah 55 tahun memerintah tetapi sampai hari ini tidak sebut di dalam ucapan bajet pun tentang *gender responsive budgeting*. Saya rasa mereka tidak faham, Menteri tidak faham. Jadi Menteri kalau tidak faham pun tidak apa. Sekiranya tidak tahu, cari pakar-pakar yang tahu buat *gender responsive budgeting* UNDP boleh memberi bantuan tetapi tidak buat juga. Ini menunjukkan bahawa Barisan Nasional ini tidak peka langsung. Tidak beri kepentingan kepada gender khususnya wanita.

Tuan Yang di-Pertua, jadi di dalam agenda wanita Malaysia yang disediakan oleh Pakatan Rakyat yang kami akan menyemak dan menerapkan fikiran menghormati wanita dan

juga kesaksamaan gender dalam kurikulum agenda pendidikan negara supaya mereka generasi yang baru akan faham falsafah hormat wanita dan peka gender.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tanya adakah peranan ibu penting kepada negara. Saya rasa semua di sini pun akan kata penting, memang penting. Dia akan setuju tetapi Tuan Yang di-Pertua di dalam belanjawan ramai rakyat yang diberi ganjaran. Ada BR1M, ada KR1M, yang belia-belia membeli telefon pun boleh dapat rebat RM200 tetapi Tuan Yang di-Pertua suri rumah tidak dapat apa pun. Adakah mereka tidak penting? Tidak apalah kalau wanita seperti Yang Berhormat Batang Sadong ini tidak dapat pun tidak apa kerana kita mempunyai pendapatan tetapi suri rumah ini tidak ada pendapatan. Mereka bekerja tidak ada pendapatan, mereka tidak ada PERKESO, mereka pun tidak ada KWSP.

■1640

Kalau mereka bekerja di luar mereka akan dapat. Kalau kita gaji pembantu rumah, kita bayar gaji. Akan tetapi suri rumah tidak ada gaji, tidak ada PERKESO, tidak ada KWSP. Jadi mereka haruslah diberi sedikit sebanyak. Kalau beli telefon pun boleh dapat *rebate* RM200. Kalau bagi mereka RM200 apa salahnya? Khasnya kepada mereka yang berpendapatan isi rumah di bawah RM1,500. Apa salahnya. Jadi saya harap boleh diubah sedikit. Mereka yang layak itu bagilah.

**Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Bukit Mertajam, Balik Pulau.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Bagilah kepada suri rumah RM200 kalau boleh.

**Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Balik Pulau. Yang Berhormat Bukit Mertajam, saya tertarik dengan perbincangan Yang Berhormat tadi mengenai bagaimana suri rumah boleh dibantu terutama dalam aspek telefon bimbit RM200. Tahu tidak Yang Berhormat satu program yang dipanggil sebagai *Grameen phone* telah dibuat sebagai satu elemen tambahan kepada satu program *micro credit Grameen Bank* di mana ianya diberi keutamaan kepada suri-suri rumah kerana memiliki *hand phones* yang mana dapat membantu kepada mereka-mereka yang menjalankan perniagaan-perniagaan keusahawanan kecil. Ini adalah kerana dari segi falsafah ekonominya itu ialah *connectivity is productivity*.

Jadi perkara tersebut dibuat oleh salah seorang profesor daripada MIT saudara Zakir dan ianya telah berjalan amat baik di Bangladesh. Saya rasa kalau ada kesungguhan untuk membantu suri rumah saya rasa merekalah antara orang yang paling dekat terutama sekali dalam memperkasakan, memperdayakan - bukan memperdayakan perempuan, memperdayakan. Jadi mohon penjelasan.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ya, saya rasa itu cadangan yang baik. jadi untuk Pakatan Rakyat kita mahu mengiktirafkan sumbangan suri rumah dan juga kita mahu memberi nilai kepada kerja-kerja yang dilaksanakan oleh suri rumah. Kalau kita menjadi Kerajaan Pusat kita akan lancarkan 'Caruman Wanita Malaysia' sebanyak RM50 setiap bulan daripada

Kerajaan Pakatan Rakyat kepada suri rumah yang berpendapatan isi rumahnya kurang daripada RM1500. Saya rasa ini merupakan satu langkah yang munasabah yang harus disokong. Caruman ini adalah untuk perlindungan wanita, tabung bantuan musibah apabila berlaku perceraian, suami hilang keupayaan bekerja dan kematian suami. Tabung ini juga merupakan tabung simpanan hari tua yang boleh dikeluarkan apabila mencapai umur 50 tahun. Jadi saya harap Barisan Nasional boleh meminda sedikit bajet mereka supaya memberi kalau bukan RM600 setahun RM200 pun tidak ada sebagai satu permulaan.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2013 ini memberi bantuan kepada petani, kepada pesawah, kepada nelayan. Itu saya tidak ada masalah. Akan tetapi ada segolongan, petani yang menanam sayur ini mereka mengadu bahawa masalah mereka tidak diberi perhatian. Masalahnya ialah kekurangan tanah dan juga susah hendak dapat pekerja. Jadi saya harap kerajaan jangan lupa akan penanam sayur ini. Berilah apa bantuan yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan bajet Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, transformasi komuniti di mana ia ada *Urban Transformation Program* di mana ia akan dilaksanakan di Alor Setar, Kuantan, Ipoh, Johor Bahru, Kota Bharu dan Kuching. Ia juga ada *Rural Transformation Community (RTC)*. Ia akan dilaksanakan di Melaka dan Johor. Di dalam PR1MA, ia akan dilaksanakan di Shah Alam, Johor Bahru, Seremban dan Kuantan. Ketiga-tiga projek ini Pulau Pinang dan Georgetown tidak disenaraikan, Bukit Mertajam dan Balik Pulau pun tidak ada. Jadi kalau ini bukan menganaktirikan Pulau Pinang, apakah penjelasannya? Bukankah Pulau Pinang merupakan ataupun Georgetown merupakan satu bandar yang *urban* yang memerlukan juga perumahan yang mampu milik. Bagaimana Kerajaan Barisan Nasional ini memiliki tempat-tempat atau tempat-tempat atau negeri-negeri dan bandar-bandar ini dan langsung tidak ada di Pulau Pinang. Kita lihat banyak wang telah diberikan dalam bajet ini.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa masalah banjir pun harus diberi perhatian. Saya hendak minta supaya peruntukan diberi untuk projek tebatan banjir di Bukit Mertajam dan juga di kawasan lain di Pulau Pinang. Saya telah menanyakan soalan berapakah peruntukan yang perlu yang boleh diperuntukkan oleh JPS pada Mac tahun ini. Ini adalah jawapannya. "*Permohonan bagi projek-projek tepatan banjir di Sungai Junjung dan Sungai Juru telah dibuat dalam rolling plan kedua, RMKe-10. Akan tetapi tidak diluluskan. Walau bagaimanapun, kedua-dua projek tepatan banjir ini dengan kos RM21 juta telah dipohon semula dalam rolling plan ketiga untuk dilaksanakan dalam tahun 2013 dan 2014.*" Jadi saya harap kali ini kita ada cukup wang untuk menjalankan projek ini. Jangan tidak cukup wang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk cukai keuntungan hartanah. Saya bersetuju dengan langkah untuk mengenakan cukai kalau rumah itu dijual dalam dua tahun dan tahun ketiga. Ini adalah untuk mengurangkan spekulasi. Tetapi saya rasa *percentage* itu tidak cukup khasnya untuk rumah-rumah yang mampu milik. Saya rasa rumah-rumah mampu milik itu tidak boleh dijual beli, tidak boleh buat keuntungan melalui *speculation*. Jadi saya hendak mencadangkan

supaya peratusan itu dinaikkan lagi. Sampai satu tahap dia tidak untung, tidak dapat untung untuk membuat aktiviti spekulasi. Jadi saya meminta supaya pihak kerajaan membuat kajian sama ada cadangan ini boleh dilaksanakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Masa Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Sedikit lagi. Tuan Yang di-Pertua, hari itu Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zhong) telah datang ke Parlimen untuk membuat lapan tuntutan. Memorandum itu sudah pun diserahkan kepada Yang Berhormat Padang Rengas. Beliau berkata bahawa kelapan-lapan tuntutan ini sangat munasabah. Akan tetapi Menteri Pelajaran Malaysia tidak berfikir begitu. Jadi saya rasa pendirian pihak Kerajaan Barisan Nasional ini tidak munasabah kalau dibandingkan dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

■1650

Jadi saya harap Kabinet atau menteri-menteri di dalam Kabinet, boleh tukar fikiran mereka sama seperti Yang Berhormat Padang Rengas supaya, saya rasa untuk sekolah mana pun kita memerlukan guru yang secukupnya. Kita mahu pembinaan sekolah, menambah sekolah mengikut keperluan. Saya rasa sekarang Kerajaan Barisan Nasional telah mengiktiraf sijil ataupun *degree* dari universiti di China. Jadi apa salahnya sekiranya kita juga mengiktiraf sijil peperiksaan bersama sekolah menengah persendirian. Saya rasa masa sudah berubah dan pendirian kerajaan harus berubah juga...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ya masa Yang Berhormat dah habis, cukup berhentilah Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Sudah 30 minitkah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Lebih 30 minit sudah Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Yang terakhir sekali, saya meminta supaya kerajaan memberi peruntukan khas yang ada diberi kepada sekolah mubaligh, sekolah SRJK(C), SRJK Tamil, ialah sekolah menengah jenis kebangsaan. Ada sebanyak 78 buah tetapi ia tidak diletakkan di mana-mana dan ia tidak dapat apa-apa peruntukan khas ini. Jadi saya harap Kerajaan Barisan Nasional boleh timbang semula. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Ranau.

4.52 ptg.

**Datuk Siringan Gubat [Ranau]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon untuk membahas Belanjawan Negara Malaysia bagi tahun 2013 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan

Malaysia pada 28 September 2012. Saya ingin menyifatkan Belanjawan tersebut sebagai pemangkin kepada program-program transformasi yang diusahakan oleh kerajaan sebagai satu langkah merencakkan pertumbuhan ekonomi negara secara menyeluruh dan tentunya kita menaruh harapan yang amat tinggi bahawa faedahnya akan dapat dinikmati oleh seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa, anutan politik mahupun faktor wilayah di mana mereka berada.

Saya mempunyai keyakinan bahawa rakyat negara ini yang merangkumi golongan korporat, para peniaga berskala sederhana, kumpulan penjajah-penjajah bumiputera yang miskin di mana saja mereka berada mahupun golongan petani di pedalaman Sabah, Sarawak dan juga Orang Asli di Semenanjung Malaysia atau kaum nelayan yang mendiami pesisir pantai negara kita yang tercinta ini. Sudah tersedia menyambut impak yang bakal dinikmati apabila kita sampai ke tahun 2020 di mana sasaran untuk meletakkan negara menjadi negara maju berpendapatan tinggi. Saya berdoa semoga wawasan keramat ini dapat direalisasikan dengan penuh kejayaan tanpa gangguan agar bangsa dan negara Malaysia terhindar dari bahan ejekan jiran tetangga.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya peka kepada masalah rakyat. Kerajaan juga maklum setiap permasalahan itu kerana wakil-wakil rakyat yang mereka pilih seperti saya ini tidak jemu-jemu mengadu melalui Dewan yang mulia ini tentang kemiskinan, tentang kedaifan jalan raya, tentang bekalan air bersih, tentang bekalan lampu-lampu elektrik, tentang perumahan mampu milik, tentang pelajaran, bangunan sekolah, rumah guru dan guru, tentang kesihatan penduduk dan hospital dan tentang banyak lagi yang tidak sempat disebut di sini.

Tuan Yang di-Pertua, tahun berlalu begitu mudah tanpa bukti jelas serta membanggakan rakyat yang terhasil daripada perjuangan yang membela nasib mereka. Akan tetapi pada pagi ini saya diberitahu oleh Kementerian Kerja Raya bahawa di kawasan saya terdapat enam rangkaian jalan raya yang dilaksanakan dalam tahun 2013 hingga 2014 yang begitu besar peruntukannya. Saya ucapkan terima kasih kepada Kementerian Kerja Raya terutama sekali kepada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, maju atau mundurnya sesebuah wilayah itu dapat diukur dari kemudahan infrastruktur asas yang ada rangkaian jalan raya yang baik iaitu rangkaian jalan raya yang baik amat penting bagi sesebuah wilayah untuk membangun. Jalan raya dianggap sebagai nadi utama membangun ekonomi masyarakat, sama ada masyarakat luar bandar mahupun bandar. Bagi masyarakat luar bandar, ia dianggap sebagai pemangkin dan penjana ekonomi wahana yang mampu mentransformasikan taraf hidup kaum petani kepada yang lebih baik dan selesa. Hakikat itu yang mendorong saya tidak merasa jemu untuk penat mengemukakan berulang kali di Dewan yang mulia ini dengan harapan mendapat perhatian daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ataupun Kementerian Kerja Raya

dan juga daripada kementerian-kementerian yang lain kerana jalan raya adalah keperluan yang utama bagi kawasan P.179 Ranau.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bulan Jun yang lalu saya telah mengemukakan senarai 26 batang jalan raya yang perlu dibina dan 13 batang lagi yang perlu dinaik taraf di kawasan saya iaitu P.179 Ranau. Secara khusus saya nyatakan agar kesemua 39 batang jalan raya itu diambil perhatian dan seterusnya diambil tindakan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Dalam apa keadaan sekalipun, saya sebagai Ahli Parlimen yang bertanggungjawab, saya memahami bahawa keupayaan kewangan kerajaan terbatas dan jika sekiranya ada yang tidak dapat diambil tindakan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, maka kita akur agar ia dibawa ke dalam rancangan yang berikutnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyentuh tentang keutamaan mengenai dengan jalan-jalan raya terutama sekali *trunk road* ataupun jalan utama kerana di kawasan saya ini kawasan yang begitu besar sekali iaitu kalau dibandingkan keluasan dengan negeri Perlis, lima kali lebih keluasan dari negeri Perlis.

#### ■1700

Tentu sekali jalan-jalan raya utama ini perlu diperbaiki dengan keadaan yang baik. Inilah yang saya katakan nadi untuk menyelesaikan masalah pengangkutan hasil-hasil pertanian rakyat bagi tujuan pemasaran ke Pekan Ranau sekali gus dapat meningkatkan pendapatan dan taraf ekonomi penduduk yang sudah mencapai jumlah lebih kurang 38,000 orang. Aspirasi dan impian rakyat itu biasa kita terjemahkan dalam pantun tiga kerat yang berbunyi,

*Ada lori ada bas,  
Ada ubi ada batas,  
Ada budi ada balas.*

Ini ada kaitan dengan pilihan raya akan datanglah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang ini untuk menyampaikan tahniah dan syabas kepada Kementerian Pelajaran Malaysia di atas usaha kementerian tersebut merangka satu pelan komprehensif yang dipanggil Pelan Pembangunan Pelajaran 2013-2025 yang memperkasakan pendidikan negara. Pelan Pembangunan Pelajaran ini dapat memenuhi agenda kerajaan meletakkan negara Malaysia maju mengikut acuan sendiri dalam masa yang telah ditetapkan. Seterusnya dan yang lebih penting lagi ialah ianya dapat menepati aspirasi rakyat menjadi insan profesional berkemahiran tinggi dan membolehkan mereka mengisi keperluan negara dalam berbagai-bagai bidang.

Dalam masa yang sama, saya sangat berharap agar Kementerian Pelajaran tidak alpa melaksanakan pembinaan bangunan-bangunan sekolah yang uzur terutamanya di kawasan-kawasan pedalaman Sabah seperti yang terdapat di kawasan saya. Peranan Kementerian Pelajaran Malaysia bukan hanya terbatas kepada menentu dan menyediakan kurikulum

berbentuk akademik, melatih guru-guru menjadi pendidik bertauliah, menyediakan para pelajar agar celik ilmu tetapi lebih daripada itu iaitu menyediakan warganegara Malaysia yang beradab sopan, memiliki tatasusila yang berhemah serta jati diri bernilai tinggi. Kementerian ini bertanggungjawab untuk melahirkan insan yang akan dapat membentuk tamadun bangsa Malaysia yang dihormati dan disegani oleh bangsa-bangsa lain.

Tuan Yang di-Pertua, insiden yang berlaku menjelang sambutan Hari Kemerdekaan negara baru-baru ini amat menyedihkan dan memalukan. Mereka yang bergelar mahasiswa sepatutnya menjadi pewaris kepada kepimpinan negara sebaliknya telah bertukar menjadi petualang bangsa, pengkhianat pemimpin dan negara iaitu memijak gambar pemimpin utama negara yang bukan menjadi budaya kita. Menyangkan punggung bukan acuan yang terkandung dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan.

Dalam hubungan ini, saya ingin mencadangkan supaya Kementerian Pelajaran Malaysia mengkaji semula pendidikan sivik dan tatanegara dikembalikan sebagai mata pelajaran wajib di samping pengajian agama dan pendidikan moral di semua peringkat persekolahan. Saya fikir ahli-ahli politik juga tidak terkecuali daripada wajib memiliki tatasusila yang baik berpaksikan kepada nilai-nilai budaya dan adab bangsa timur.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mendapat aduan bahawa Universiti Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim atau UPSI telah kehilangan statusnya sebagai institusi perguruan ulung di Malaysia. Nama yang dimilikinya sebagai Universiti Perguruan Sultan Idris hanya tinggal nama kerana para pelajar yang menuntut di situ bukanlah keseluruhannya terdiri daripada mahasiswa yang bakal menjadi guru. Ramai ibu bapa yang merasa tertipu dan tidak senang hati kerana menghantar anak-anak menuntut di universiti itu dengan harapan anak-anak mereka apabila tamat pengajian kelak akan menjadi seorang guru yang bertauliah. Malangnya, apabila mereka tamat pengajian, impian yang diharapkan tidak menjadi kenyataan.

Dalam hubungan ini, kementerian yang berkenaan perlu mempertahankan prestij universiti ini sebagai institusi perguruan yang tertua dan terulung di Malaysia. Universiti ini tidak perlu mengubah statusnya sebagai kilang pengeluar tenaga pengajar yang terbaik di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mencari negeri yang paling aman, harmoni dan rakyat bersatu padu tanpa mengira bangsa, suku kaum, agama mahupun kebudayaan, maka datanglah ke negeri Sabah kerana itulah negeri yang bertuah itu. Justeru, Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional tidak perlulah pening kepala mengurus masalah polarasi kaum di negeri itu kerana perpaduan dan toleransi rakyat sudah pun terjalin sejak sebelum merdeka lagi.

Namun, sejak kebelakangan ini terdapat usaha yang dibuat oleh segelintir rakyat yang tidak bertanggungjawab cuba menanamkan benih-benih benci-membenci antara kaum di negeri itu. Mereka yang menanamkan sentimen benci dan marah dengan cara menghina budaya turun temurun yang diamalkan oleh suku kaum KadazanDusun Murut ataupun KDM melalui Suara Pakatan Rakyat. Dengan menggunakan media alternatif, mereka menghamburkan hinaan

dengan menilai tarian sumazau yang menjadi *trademark* suku kaum KadazanDusun Murut di Sabah sebagai tarian bermoral rendah, malah dilabel pula sebagai tarian berkonsep pemujaan. Tindakan mereka ini dianggap amat biadab dan tidak boleh dimaafkan. Mereka ini bukan sahaja biadab tetapi tidak peka kepada sensitiviti suku kaum lain yang mempunyai hak yang sama ke atas negara Malaysia ini.

Dalam hubungan ini, saya meminta kepada Kementerian Penerangan, Kebudayaan dan Komunikasi Malaysia agar menyiasat dan menghukum mereka yang terlibat menjadi dalang di sebalik perbuatan menghina budaya yang telah pun diperakui oleh kerajaan sebagai salah satu komponen dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan.

#### ■1710

Saya syorkan supaya gunakanlah akta yang telah dipertanggungjawabkan kepada kementerian tersebut dan jangan masih lagi membisu tentang perkara ini kerana perbuatan seperti itu tidak boleh dibiarkan. Ini kerana kita risau ada orang yang lain akan memberi reaksi bersifat *revenge* ataupun balas dendam dan akan membuat interpretasi negatif terhadap tarian-tarian kaum lain yang akhirnya menimbulkan perbalahan dan sengketa berbentuk perkauman.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara mengenai ada kaitan dengan apa yang berlaku iaitu penghinaan kepada KadazanDusun, Murut di Sabah iaitu melalui *Twitter* yang menyatakan, "*Fuck the Dusun people*". *This is written in the Facebook. "Fuck the Dusun people"*. Perkara ini juga ada laporan kepada polis. Laporan telah dibuat supaya disiasat dan seterusnya mengambil tindakan mengikut undang-undang yang ada. Kedua-dua perkara yang berlaku saya minta penjelasan daripada Menteri Dalam Negeri, setakat manakah siasatan yang sudah diambil oleh polis dalam kedua-dua perbuatan yang melampaui batas ini.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita ketahui bangsa Kadazan, Dusun, Murut ini orangnya baik, sabar dan tidak agresif. Bukan macam kalau sudah ada perkara seperti ini sudah membuat protes demonstrasi di jalanan ataupun di mana-mana tempat. Akan tetapi walaupun perkara ini sudah berlaku, kalau mengikut adab yang terdapat dalam KadazanDusun, Murut dahulunya memang keturunan *head hunters*. Kalau pada masa yang lampau mungkin boleh juga pergi ambil kepalanya ataupun pakai itu sumpitan untuk menyempit orang yang melakukan penghinaan begitu ataupun cara yang lain. Ada lagi cara yang lain.

Akan tetapi jangan main-main kerana perkara itu disiarkan melalui suara Pakatan Rakyat dan KDM ini akan memprotes bukan di tempat di jalanan ataupun di tempat ke mana-mana tetapi ia akan menterjemahkan protes itu melalui peti undi dalam pilihan raya akan datang. Saya menyeru kepada KadazanDusun, Murut supaya tidak mengundi dengan Pakatan Rakyat dalam masa pilihan raya akan datang... [*Tepuk*] Ini kerana melalui suara Pakatan Rakyatlah yang membuat penghinaan tentang tarian Sumazau. Kita betul-betul ingin mengetahui, siapakah yang betul-betul bertanggungjawab yang membuat penghinaan ini. Saya

mohon supaya kementerian yang berkenaan terutama sekali Kementerian Dalam Negeri supaya mengambil perkara ini dengan serius.

Saya ingin memetik satu kenyataan daripada Pesuruhjaya Polis Negeri Sabah mengenai dengan penghinaan itu yang berlaku. Pada 13 September 2012, *front page* di *Daily Express* yang bertajuk, "*Warning to Reap Side Stirring Up Sentiment, Sabah State Commissioner, Datuk Hamzah Taib: The public are warned against playing up racial in crucial sentiment in social website on the internet. The further said such irresponsible acts need to be stop as they could create chaos, disharmony and jeopardize the existing unity among the people. We have received several reports against website that insult in mock the community in the state and touch the state sensitivity through social network inside like Facebook*".

Ini adalah bukti yang perkara itu berlaku dan perlu mengambil tindakan. Tambahan lagi Presiden Persatuan Kadazan-Dusun iaitu Yang Berhormat Tan Sri Datuk Joseph Pairin Kitingan telah membuat kenyataan bersama-sama dengan 11 persatuan yang terdapat di Sabah iaitu persatuan daripada KadazanDusun, Murut untuk meminta pihak polis supaya menyasat perkara itu supaya kita mengetahui siapa yang dalang dalam perkara ini. Ini supaya kita tahu siapa dia yang bertanggungjawab untuk penghinaan ini. Saya ingin mengetahui sekurang-kurangnya sudah ada penyasatan dan apakah hasil penyasatan kerana perkara ini sudah beberapa lama berlaku di Sabah.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu sahaja yang saya ingin sentuh dalam perbahasan bajet pada tahun hadapan. Maka, dengan itu saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ya, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tidak payah potong kepalalah Yang Berhormat, Potong undi sahaja. Sila Yang Berhormat Kubang Kerian.

**5.19 ptg.**

**Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan salam sejahtera. Mungkin saya bermula dengan sepotong ayat... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Maksudnya, "*Sesungguhnya Allah memerintahkan supaya kamu melaksanakan keadilan dan apabila kamu menghukum di kalangan manusia, maka hendaklah kamu hukum dengan seadil-adilnya*".

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan untuk membahaskan Belanjawan Negara 2013 dan ingin menyentuh tentang beberapa perkara yang saya rasa penting untuk kita kongsi bersama.

■1720

Di samping, saya juga kagum dan bangga dengan rakan-rakan di sebelah sana khususnya Yang Berhormat Kota Belud, yang begitu bersungguh-sungguh meneliti dan

menelaah belanjawan Pakatan Rakyat. Jadi, saya rasa itu satu fenomena yang bagus, yang baik di mana era hujah lawan hujah ini akan menjadi bertambah subur dan budaya samseng dapat dielakkan dalam negara kita. Jadi, saya harap Yang Berhormat Kota Belud, teruskan meneliti dan menelaah apa jua dokumen penting yang kita kemukakan untuk kita berhujah dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya meneliti tentang beberapa, apa yang dikatakan *vacuum*, dengan izin, tentang perkara-perkara asas dalam negara yang perlu diberikan perhatian. Saya rasa dalam hujah pertama, saya ingin untuk berdiri di sini untuk mencadangkan beberapa perkara yang penting kepada pihak kerajaan supaya melihat dengan bersungguh-sungguh tentang beberapa kekurangan yang terdapat dalam pelaksanaan, dalam usaha mencegah amalan rasuah dalam negara kita.

Saya berpandangan bahawa bila kita dapat untuk menguatkuasakan agensi ini, tidak dengan sekadar kita memang bersetuju di sini meluluskan Akta SPRM 2009 yang telah pun memberikan bidang kuasa kepada lima panel termasuk satu yang saya sendiri anggotai. Beberapa orang rakan-rakan dari Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Kota Belud sendiri, Yang Berhormat Maran, Yang Berhormat Balik Pulau, yang kita telah berusaha untuk memberikan pandangan-pandangan kita yang konstruktif terhadap beberapa perkara yang kita rasakan amat perlu diberikan perhatian oleh pihak kerajaan dan hatta kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

Kita telah dua kali memberikan laporan bagi pihak panel jawatankuasa khas ini di mana salah satu daripadanya adalah untuk memberikan cadangan supaya SPRM diberikan hak untuk mendakwa, *the right to prosecute*. Dalam dua tahun itu, berturut-turut kita memberikan hujah dan pandangan kita dalam pertemuan kita tetapi sampai ke hari ini tidak ada respons yang positif dari pihak kerajaan terhadap perkara ini. Bukan mudah untuk kita mengambil satu kesepakatan supaya hak mendakwa ini diberikan kepada SPRM. Maklumlah dalam jawatankuasa itu terdiri daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang dan juga dari pihak kerajaan.

Namun begitu, kita tidak pernah berputus asa dan kita telah terus memainkan peranan kami, bukan sebagai *rubber stamp*, bukan sebagai *ceremony*, yang kononnya dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong kemudian duduk diam sahaja ataupun jadi panel yang sekadar meraikan Akta SPRM 2009. Akan tetapi kita telah mengemukakan pelbagai pandangan dan termasuklah dalam mesyuarat terakhir kami lebih kurang seminggu yang lalu. Bila kita berhadapan dengan keseluruhan keanggotaan SPRM yang dipimpin oleh Pengerusi Suruhanjaya sendiri dan ketua-ketua bahagian. Maka, kita juga banyak membincangkan tentang perkara-perkara yang mungkin bagi pihak mereka tidak boleh menyampaikannya kepada pihak kerajaan. Maka, kamilah pada hari ini yang perlu untuk menyatakan beberapa

perkara yang kita rasakan perlu diambil perhatian oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

Ini kerana tugas kami adalah memberikan nasihat kepada Perdana Menteri. Antaranya adalah tentang apa yang saya sifatkan sebagai lakuna ataupun *limitation of law* yang menjadi *constrain*, yang menjadi halangan kepada pihak SPRM untuk melengkapkan dan apatah lagi untuk membuat kertas yang boleh sampai kepada pihak pendakwaan. Dalam isu ini, kita melihat ada beberapa perkara yang SPRM sendiri mengakui walaupun satu hari esok mereka mendapat apa yang dikatakan hak mendakwa tetapi ada beberapa peruntukan dalam seksyen 23 dan seksyen 50, tentang *abuse of power* ini yang semacam tidak relevan lagi untuk diterima pakai dalam proses perundangan dalam negara kita.

Oleh itu, saya berpandangan dan ingin menyatakan di sini, dengan izin, *archaic law* ini, *archaic law* ini ataupun undang-undang lapuk ini perlulah untuk dikaji semula. Undang-undang lapuk ini telah terlalu banyak dalam Perlembagaan Negara dan undang-undang dan akta-akta yang telah digubal tetapi saya rasa dalam isu yang melibatkan SPRM ini harus kerajaan bersegera untuk menubuhkan suatu yang saya ingin cadangkan pada petang ini iaitu *law reform commission*. Suatu suruhanjaya untuk melihat kembali undang-undang lapuk ini sangat penting supaya SPRM tidak ada lagi halangan-halangan yang boleh menyebabkan mereka tidak dapat mendakwa. Apa yang menjadi, dengan izin, *public outcry* iaitu ialah ikan-ikan besar sering terlepas. Orang-orang besar yang melakukan ataupun yang dilihat mendakwa melakukan kesalahan rasuah ini tidak dapat untuk dibawa mereka ini ke muka pengadilan.

Jadi, di antaranya yang dicadangkan dalam mesyuarat itu adalah sebagai contoh, isu tentang operasi, kelemahan undang-undang, isu yang melibatkan *confession*, dengan izin, *confession* tidak diterima di mahkamah Malaysia dan kemudian kes *one-to-one*, pemberi dan penerima. Kes tidak boleh dibawa ke mahkamah sekiranya tanpa keterangan ataupun, dengan izin, *collaboration* iaitu kolaborasi yang berkemungkinan boleh menyempurnakan satu-satu kes itu...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *[Bangun]*

**Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]:** Jadi, inilah di antara kes-kes yang kita lihat dan setelah kita buat suatu perbandingan dengan apa yang diamalkan di Amerika, di Hong Kong dan di Singapura bahawa kes yang melibatkan rasuah ini sangat - isu rasuah ini sangat unik. Ia sangat besar kesannya kepada negara dan masyarakat tetapi ia satu kes yang *one to one case*. Tidak ada orang yang hendak beri rasuah ini dia beritahu kepada orang ramai. Tidak ada orang hendak buat rasuah ini dia beritahu kepada publik. Ia mesti berlaku *one-to-one*.

Jadi oleh itu, kita merasakan terdapat suatu keperluan supaya *law reform commission* ini ditubuhkan dengan segera untuk dilihat kembali tentang beberapa persoalan yang mesti di tangani dengan lebih serius oleh pihak kerajaan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kubang Kerian. Kita bincangkan isu ini dengan panjang lebar dan dalam perbincangan kita dalam Jawatankuasa Khas mengenai Rasuah, Parlimen itu yang juga dihadiri oleh rakan-rakan daripada Barisan Nasional. Saya sendiri bersama dengan Yang Berhormat Maran dan juga Yang Berhormat Kangar, kita juga bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa ada kelemahan dalam undang-undang yang ada kaitan dengan rasuah. Kita diberitahu oleh SPRM bahawa contohnya, di negara Singapura, hakim-hakim di negara tersebut memberi *weightage*, kelebihan kepada keterangan-keterangan yang dibuat oleh individu-individu yang mahu menjadi saksi. Akan tetapi di negara kita ini hakim-hakim tidak memberi *weightage* terhadap hujah-hujah tersebut. Itu satu dan saya setuju. Anehnya, di negara seperti Singapura, kalau sudah ada pengakuan tetapi tidak payah perlu ada *collaborative evidence*, ianya diterima pakai oleh mahkamah tetapi di negara kita ini belum. Jadi, kita bersetuju. Saya menyokong saranan Yang Berhormat bagi pihak rakan-rakan dalam Barisan Nasional, untuk kita ubah beberapa perkara dalam undang-undang yang ada kaitan dengan rasuah di negara kita ini. Tahniah.

**Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]:** Baik, terima kasih rakan saya daripada Yang Berhormat Kota Belud. Saya rasa kalau sudah ada sokongan yang sebegitu, saya rasa Menteri yang berkaitan dengan Parlimen dan undang-undang ini harus bersegera untuk menerima pandangan ini supaya lebih cepat kita bertindak, lebih cepat proses ataupun apa yang dikatakan segala *loopholes* itu dapat diperbaiki dengan secepat mungkin oleh pihak kerajaan.

■1730

Kemudian kita lihat juga isu yang melibatkan kelemahan undang-undang ini melibatkan beban pembuktian di mahkamah Malaysia terlalu tinggi. Contoh seorang polis membuat pengakuan secara bertulis menerima wang rasuah sebanyak RM800. Mahkamah berpendapat bahawa perbuatan itu merupakan suci hati. *Presumption* tidak diterima. Itu di bawah seksyen 50 Akta SPRM 2009.

Jadi saya rasa ini antara contoh yang saya rasa harus kita bersetuju untuk atas nama memperkasa tentang peranan SPRM ini kita rasakan *Law Reform Commission* ini mestilah menjadi satu kenyataan dalam masa yang segera.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada dalam melihat juga tentang bila bercakap tentang suruhanjaya untuk *Law Reform Commission* ini, saya juga ingin menyentuh tentang perkara yang melibatkan isu..

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** [Bangun]

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ada dua bangun ya. Yang Berhormat Balik Pulau dan Yang Berhormat Pokok Sena. Mana satu yang bagi?

**Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]:** Yang Berhormat Pokok Sena dulu, selepas itu Yang Berhormat Balik Pulau.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jiran dulu. Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya daripada Kubang Kerian. Tadi, Yang Berhormat sebut bahawa sebelah sana pun sebut bahawa mereka pun setuju. Cuma persoalan sekarang ini saya tidak nampak soal kerajaan itu melambat-lambatkan. Itu mungkin satu helah politik.

Soalnya ialah sejauh mana *political will*, kemahuan politik kerajaan, pihak kerajaan sendiri, bukan pihak penyokong kerajaan. Pihak penyokong kerajaan ini dia mengampu. Pihak kerajaan sendiri. [Tepuk] Sejahtera mana *political will*, kemahuan politik mereka untuk melakukan pertama, *reform* terhadap soal perundangan ini.

Oleh sebab saya katakan bahawa, ini soal *mentality*. Pernah seorang Menteri berhujah dengan saya dalam satu tempat. Dia ada kata bahawa pada waktu itu masih lagi dalam belum ada *reform* terhadap SPRM ini. Dia kata bahawa SPRM hendak siasat pun dia mesti dapat *clarify* daripada Perdana Menteri. Anggota Kabinet, anggota Kabinet. [Disampuk] Ini, tidak. Saya hendak sebut bahawa Menteri beritahu saya. Ini di pejabat Menteri. Saya kata bahawa mesti dapat *clarify* daripada Perdana Menteri sebab *mentality* mereka, kerajaan, Kabinet ini ialah kalau menyiasat anggota Kabinet ini akan memberikan kesan kepada soal pelabur hilang keyakinan dan sebagainya.

Saya berhujah saya kata kalau kita telus, orang akan lebih berkeyakinan kepada kita. Jadi sekarang ini soalnya, soalnya bukan soal penyokong kerajaan yang mengampu tetapi soalnya ialah *political will* daripada pihak kerajaan. Yang Berhormat Kota Belud pun kalau dia duduk sebelah sini, dia pun serupa dengan pemikiran yang ada.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Kubang Kerian sedikit sahaja. Sikit sahaja. Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian kerana mengambil pendirian menjadikan isu pembasmian rasuah ini sebagai isu utama di dalam perbahasan. Saya di sini dalam menyantuni penjelasan yang ditanya oleh rakan saya tadi daripada Yang Berhormat Pokok Sena terhadap Yang Berhormat Kubang Kerian. Saya lebih melihat pendekatan bahawa pengukuhan yang cuba dicapai oleh jawatankuasa ini ialah apa yang dipanggil pengukuhan institusi. Saya, Yang Berhormat Pokok Sena di sini saya bukan hendak bela Yang Berhormat Kota Belud. Saya tengok dia dalam mesyuarat dia bagus juga. Kita bagi sikit.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *For the record*, terima kasih. Yang Berhormat Pokok Sena dengar tidak itu?

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Akan tetapi yang ingin saya lebih tegaskan di sini ialah bagaimana satu pengukuhan institusi boleh lulus ujian tidak kiralah apabila berada di sebelah sini mahupun berada di sebelah sana.

Antara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian tadi iaitu kesukaran Tuan Yang di-Pertua mengenai di bawah seksyen 23, Yang Berhormat Kubang Kerian. Dalam kes berprofil tinggi, pelaku didapati tidak membuat keputusan secara bertulis. Namun kebanyakan saudara-mara mendapat tender ataupun projek. Undang-undang tidak boleh mengambil tindakan terhadap pelaku.

Kita dengar kenapa, bukan? Ingin saya katakan di Dewan yang mulia ini sebenarnya kita perlu memperkasakan institusi ini bukan sahaja dari segi perundangannya, dari segi sumbernya, malah saya rasa isu kepimpinan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena itu, itu mesti dibuat. Sekarang ini saya rasa kalau ada *political will*, nanti dia kata alasan undang-undang tidak cukup. Nanti ada *political will*. Nanti dia kata sumber tidak cukup.

Jadi saya rasa merupakan tanggungjawab di bawah seksyen 14 yang meletakkan satu peruntukan yang amat unik Tuan Yang di-Pertua. Tidak ada dekat negeri lain. *So special*. Empat tanggungjawab, menasihati Perdana Menteri, memeriksa laporan tahunan, boleh mengarahkan untuk tujuan penjelasan dan sebagainya dan seterusnya.

Akan tetapi ingin saya katakan di sini Yang Berhormat Kubang Kerian sedikit sahaja, adakah Yang Berhormat Kubang Kerian bersetuju dengan saya bahawa apabila jawatankuasa yang lain juga mengangkat agenda rasuah ini sebagai musuh nombor satu, saya kata Yang Berhormat Kota Belud pun tahu, musuh nombor satu negara. Saya menjangkakan itu merupakan prioriti utama sepatutnya menjadi prioriti utama di dalam agenda-agenda pembangunan yang sepatutnya dibuatkan oleh Yang Berhormat Pekan. Saya menggesa bahawa cadangan baik ini agar ianya dapat dipercepatkan.

**Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih dua orang rakan saya Yang Berhormat Pokok Sena dan juga Yang Berhormat Balik Pulau. Saya rasa membantu perbahasan kita pada petang ini walaupun Yang Berhormat Kota Belud agak terasa. Itu biasalah. Maksud Yang Berhormat Pokok Sena itu, bila duduk sini nanti kalau ada umur, kalau ada rezeki lagi, benda-benda ini tidak ada menjadi halangan untuk kita melakukan penyiasatan.

Isu yang penting tadi yang dibangkitkan oleh kedua-dua rakan-rakan saya ialah bahawa *political will* itu penting sebab dengan undang-undang yang begini lemah pun negara kita pernah menikmati apa yang dikatakan satu zaman kegemilangannya Tuan Yang di-Pertua. Saya sebut banyak kali dalam mesyuarat bahawa era Harun Hashim yang menjadi Pengerusi BSN pada waktu itu, Ketua Pengarahnya telah membuat sesuatu dengan izin *water shade*, satu penanda aras yang saya rasa cukup penting. Walaupun dengan beberapa kelemahan undang-undang tetapi keazaman, kesungguhan dan saya rasa *the separation of power* pada waktu itu mengambil tempat walaupun dalam ruang waktu yang begitu sedikit pada waktu itu.

Akan tetapi saya rasa telah memberikan satu mesej bahawa ketelusan, ketegasan, pemisahan kuasa itu boleh berlaku apatah lagi sekiranya ada satu *political will* bagi seseorang ketua negara yang mahu melihat negara ini benar-benar dapat kita minimumkan amalan rasuah apabila melibatkan ikan-ikan besar ini.

Sememangnya atas meja kami dibentangkan memang terdapat beberapa orang pemimpin negeri yang ada lima, enam kertas yang telah pun siap tetapi gagal dibawa ke muka pengadilan disebabkan beberapa kelemahan ataupun lakuna tadi dengan izin dalam mendakwa mereka-mereka ini. Jadi itu saya rasa isu ini sangat penting.

Saya dalam nafas yang sama dalam bercakap tentang *law reform* ini saya juga ingin kembali melihat kepada betapa negara kita juga harus serius di dalam melihat perundangan yang melibatkan perjanjian air di antara Malaysia dan Singapura yang khususnya melibatkan Johor dan Singapura. Saya rasa perkara ini telah menjadi suatu yang begitu penting yang walaupun saya faham ia melibatkan kesenian ataupun kesusilaan kita dalam akhlak diplomatik antara dua negara jiran yang penuh kontroversi ini.

Akan tetapi saya rasa telah ada satu keadaan yang memungkinkan satu perundingan yang lebih kordial, yang lebih bersifat *mutual respect* ini dimulakan kembali. Oleh kerana saya membaca suatu ucapan daripada Perdana Menteri Singapura baru-baru ini pada 21 Mac yang lalu yang mengatakan bahawa Singapura dalam tahun 2067 tidak lagi perlu untuk mempergantungkan atau bergantung kepada bekalan air daripada Malaysia. Oleh kerana kita pun faham dengan teknologi tinggi yang sedang pesat dibawa ke Singapura kerana mereka faham isu air ini ialah isu yang sangat keselamatan bagi mereka. Jadi *new water* telah mengambil tempat dan mungkin itu telah meyakinkan Singapura bahawa pada tahun 2067 Singapura tidak lagi perlu bergantung dengan negara kita Malaysia.

Jadi apakah dengan ucapan ini, bukan kita mencari sebab Tuan Yang di-Pertua. Dengan ucapan beliau ini kenapa tidak juga *law commission* nanti melihat tentang beberapa perkara dalam Perlembagaan yang menyentuh walaupun isu ini, saya faham setelah saya merujuk sebuah buku yang bertajuk "*Bekalan Air Malaysia ke Singapura*", "*Perjanjian Moden Tanah Melayu dan Singapura*" yang diterbitkan oleh Universiti Teknologi Mara (UiTM).

#### ■1740

Di mana dalam beberapa artikel ini, saya rasa perjanjian tersebut *Johor- Singapore Water Agreement the 1961...* yang membabitkan Gunung Pulai, Sungai Skudai dan Sungai Tebrau yang ditandatangani pada tahun 1961 *Johor-Singapore Water Agreement 1961* di Sungai Johor yang ditandatangani pada tahun 1962. Ia bermula lebih awal lagi yang mana kita melihat ia telah bermula pada tahun 1927, cadangan daripada seorang pakar British pada waktu itu yang bernama Robert Pierce yang Johor pada waktu itu ialah di bawah pemerintahan British dan Johor memiliki kawasan tadahan air yang amat luas. Jadi, cadangan ini diperakui oleh pegawai di London yang bernama Sir John Anderson.

Jadi, apabila saya membaca artikel ini, saya rasa sampai bila kita hendak bergantung dengan perjanjian air yang ada pada hari ini. Johor sahaja saya rasa tidak mampu bersendirian untuk berhadapan dengan Singapura, saya rasa juga dengan adanya apa yang dikatakan tadi, *Law Reform Commission* tadi, saya rasa harus membantu tentang bagaimana kita harus melihat perjanjian ini kembali yang memang perjanjian ini mengikut pengarang buku ini, memang satu perjanjian yang berat sebelah. *Singapore always in the upper hand*, selalu berada dalam keadaan menang dan kita tidak dapat berbuat apa-apa. Perjanjian yang berat sebelah.

Jadi, saya rasa untuk isu ini, kerana saya rasa bekalan air telah menjadi satu isu tidak lagi antara Malaysia-Singapura, Johor-Singapura dan di Johor itu sendiri. Saya rasa isu air juga harus dilihat untuk memastikan bekalan yang cukup dan kita tidak mahu terjadinya apa yang berlaku di Selangor yang juga berlaku di Johor pada hari ini, rakyat Johor adalah antara negeri yang paling tinggi membayar tarif air dalam negara kita.

**Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Saya amat bersetuju dengan minat Yang Berhormat Kubang Kerian tentang kebajikan rakyat dan masyarakat negeri Johor kerana pihak yang berkuasa di negeri Johor sekarang ini tidak ada lagi minat terhadap menjaga kepentingan negerinya sendiri. Jadi saya mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Kubang Kerian di atas minat beliau yang jelas tersebut.

Akan tetapi berkenaan dengan isu air dan Singapura, saya pun terbaca sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi, pengumuman daripada pihak Kerajaan Singapura bahawa mereka merancang untuk tidak bergantung kepada air dari Malaysia lagi untuk masa depan mereka. Akan tetapi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Kubang Kerian, selain daripada air, saya fikir Singapura juga bergantung kepada pasir dari negara kita khususnya dari Johor dan mungkin dari negeri-negeri yang lain. Jadi, kalau cadangan Yang Berhormat tadi supaya isu air itu dikaji daripada segi kepentingan negeri dan negara kita, adakah ingin ditambah juga isu pasir kita, dibincangkan dalam konteks kepentingan negeri Johor dan negara Malaysia umumnya berkaitan dengan negeri Singapura ini? Terima kasih.

**Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Yang Berhormat Tumpat, rakan saya yang saya rasa sangat penting apa yang beliau telah sebutkan sebentar tadi. Apabila kita juga merujuk tentang yang kita katakan tadi *political will* yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena tadi.

Saya rasa kita membaca apabila tumbangnyanya rejim Suharto di Indonesia, naiknya rejim baru. Antara perkara terutama dan pertama yang dibuat, antara agenda besar ialah hendaklah memberhentikan penjualan pasir Kepulauan Riau kepada Singapura. Jadi, Indonesia melihat ini suatu isu keselamatan. Bukan hanya seronok menjual pasir, dapat keuntungan yang seumpamanya tetapi saya rasa isu keselamatan itu harus menjadi suatu yang dipentingkan

oleh mana-mana negara yang saya rasa saya bersetuju dengan Yang Berhormat Tumpat tadi supaya ia termasuk juga dalam *commission* ini untuk mengkaji tentang perundangan-perundangan yang melibatkan kepentingan rakyat dalam negara kita.

Demikian juga Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada isu air ini tadi yang mana kita melihat klausa 13(i), (ii) dan (iii). Klausa ini memperjelaskan bahawa pihak Malaysia langsung tidak mempelajari kesilapan perjanjian air 1961. Ini pernah berlaku rundingan yang mencetuskan suasana tegang. Saya faham. Klausa ini telah menetapkan harga air yang sama seperti mana perjanjian air tahun 1961 iaitu nilai 3 sen air mentah dan 50 sen bagi air bersih yang dibekalkan oleh Singapura. Namun begitu, kita melihat mengapakah Singapura perlu bersetuju untuk menurunkan harga air mentah kepada 10 sen pada 1,000 gelen sedangkan mereka sentiasa berkeras sebelum ini.

Berdasarkan klausa ini juga jelas sedikit tolak-ansur daripada pihak Singapura dalam memperakukan perjanjian ini. Bermakna, apabila kita mengkaji tentang klausa ini, maknanya kita tidak boleh duduk diam. Kita tidak boleh ada *full stop* di situ. Jadi maknanya di atas juga *political will* tadi, keazaman kerajaan negara kita bahawa saya yakin dan percaya, mungkin kalau bertukar kerajaan esok, kita akan memulakan rundingan ini secara positif. Bagi saya rasa untuk kita melihat secara objektif tentang perjanjian-perjanjian ini yang selama-lamanya Singapura berada di *upper hand*, dengan izin. Selama-lamanya mereka menang tetapi dengan beberapa kajian yang dibuat dan ucapan-ucapan daripada Perdana Menteri Singapura tadi, saya rasa kita sekarang ini boleh memulakan isu perundingan air ini supaya negara kita dapat menikmati saya rasa paling tidak pun suatu keadaan *win-win* dalam perjanjian air seterusnya nanti.

Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, apabila saya mengkaji tentang *land reform*, tentang Akta Tanah 1960 dan juga perkara-perkara dan juga seksyen-seksyen yang menyentuh tentang Akta Tanah ini dan ada pindaan Akta Tanah tahun 1995 yang mengizinkan kerajaan mengambil tanah rakyat yang rakyat tidak ada lagi kuasa untuk mempertahankan tanah mereka. Hanya ada pada rakyat hanyalah boleh berunding tentang harga tanah sahaja, harga pampasan sahaja. Jadi saya rasa perkara ini harus dilihat semula. Kita tidak menolak pembangunan itu di atas suatu dasar yang kita rasa kita tidak hendak pembangunan. Itu tidak betul. Saya rasa mana-mana kerajaan pun yang wujud atas muka bumi ini, mereka mahukan negara ini dimajukan, negara ini dimanfaatkan sepenuhnya.

Akan tetapi apabila kita bercakap tentang pembangunan lestari, apabila kita bercakap tentang pembangunan yang tidak akan meminggirkan kepentingan rakyat. Saya rasa juga *commission* tentang *land reform* ini tentang *law reform* ini juga mengambil kira tentang perkara-perkara yang telah terjadi, yang tuan tanah, pemilik tanah ini dalam apa yang dikatakan pengorbanan mereka di atas nama pembangunan, harus kita lihat secara serius. Kita ada isu tanah petani di Kerpan. Kita ada isu Pantai Kundur, Tanah Merah. Kita ada isu pengambilan

tanah yang melibatkan FELDA-FELDA Cahaya Baharu, LB Johnson. Kita juga melihat satu perkara yang harus kita berikan suatu perhatian pada hari ini ialah tentang yang berlaku di Pengerang, Johor, tentang apa yang dikatakan projek yang bernilai sekarang ini hampir sudah RM100 bilion lebih. Mula-mulanya tahun lepas kita baca hanya sekitar RM67 bilion tetapi apabila ada beberapa projek lagi ia sudah bernilai hampir RM110 bilion.

Saya ingin mengulangi sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, bahawa kita tidak berdiri di sini di atas suatu tanggungjawab untuk kita tidak mahu melihat pembangunan dalam negara kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Masa Yang Berhormat habis.

**Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]:** Jadi, saya minta tiga minit. Jadi, saya rasa dalam isu ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat minta...?

**Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]:** Tiga minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Satu minit sahaja Yang Berhormat.

**Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]:** Jadi saya lihat dalam isu ini bahawa terdapat sepuluh buah kampung yang akan hilang daripada peta Pengerang itu yang ingin diambil di atas nama pembangunan. Jadi saya minta Menteri yang bertanggungjawab, oleh kerana projek ini melalui Petronas, adakah satu kajian yang secara rapi dibuat tentang kesan kerana sepuluh buah kampung ini akan hilang daripada peta Pengerang? *[Disampuk]* Kubur. Sama ada kubur orang Cina, orang India dan kubur orang Islam yang ada di situ, hilang.

#### ■1750

Kita mahu pembangunan dan kita sudah dapat bukti ada satu tanah kerajaan yang luas, yang lebih daripada 5,000 hektar daripada sempadan Sungai Kapas sampai Desaru, yang luas tanah itu. Kenapa isunya tidak dibuat di tanah yang seluas itu tetapi hendak ambil daripada 10 kampung itu. Itu isunya yang saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan supaya isu ini dapat dijawab dalam Dewan yang mulia ini supaya rakyat kampung tradisi ini tidak akan hilang daripada peta negeri Johor dan mereka tidak akan hilang kampung halaman mereka.

Rapid, Petronas hendak buat, buatlah untuk memajukan negeri Johor. Johor negeri besar, kita bukan negeri kecil. Bukan macam Melaka, bukan macam Perlis. Johor besar, ada banyak tanah lagi. Akan tetapi kenapa 10 kampung ini hendak diusir mereka di sini. Di bawa ke Sabah Sarawak pun boleh. Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya ucapkan terima kasih kerana diberikan peluang untuk membahaskan belanjawan kali ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ya, Yang Berhormat Putatan.

**5.51 ptg.**

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Sabarlah, sabarlah. Yang Berhormat Seputeh sabarlah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini soal mengampu ini susah sedikit.

Saya berdiri untuk menyokong bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 28 September bersamaan dengan hari Jumaat yang lalu. Ini bajet yang saya rasa menyahut denyutan rakyat. Kita semua sedar bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini menjadi Perdana Menteri dan Menteri Kewangan hanya tiga tahun tetapi kita melihat cara pendekatan Yang Amat Berhormat ini - ini bukan mengampu. Ini ucapan saya secara ikhlas dan disokong oleh rakyat di kawasan saya dan di negeri Sabah. Yang Berhormat Seputeh diam dahulu, nanti saya bagi peluang bercakap. Kalau mencelah saya kasi. Hasil daripada program-program transformasi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga melibatkan input daripada wakil-wakil rakyat Barisan Nasional iaitu menyeru kerajaan supaya menyahut denyutan dan fikiran daripada rakyat iaitu kita menjaga atau mengelakkan daripada kenaikan kos sara hidup rakyat.

Kita juga melihat keprihatinan kepada bakal pemilik-pemilik rumah yang tidak mampu dan juga meningkatkan pelabur yang akan melabur di Malaysia dan juga kita melihat sistem pendidikan kita ditambah baik, isu keselamatan yang kita perketatkan dan juga melihat bagaimana kita meningkatkan ekonomi di luar bandar termasuk di Sabah dan Sarawak. Jadinya kita sudah bawa input ini. Jadi, dalam bajet ini semua tersenarai dan ini sangat menggembirakan rakyat. Ini ikhlas, ini bukan mengampu seperti Yang Berhormat Pokok Sena cakap tadi.

Kebajikan rakyat yang tidak bernasib baik. Yang Berhormat Seputeh, tadi hendak mencelah, tidak beri peluang. Insentif yang mencampuri bidang perniagaan termasuk bidang-bidang dalam dewan-dewan perniagaan. Apabila kita melihat perbelanjaan yang mengurus ini oleh kerana keadaan negara kita yang selamat dan aman. Dan ini kita melihat pelabur daripada negara asing datang ke negara ini dan kita melihat ekonomi negara ini yang kukuh, tegap dan yang mampan oleh kerana pengurusan kewangan kita yang berhemah, mengurus kewangan dengan kemampuan kita.

Kita nampak perbelanjaan yang total, RM212 bilion. Dalam kewangan itu kita juga memberi bonus satu setengah bulan, pencen, kita wujudkan industri minyak terutama sekali di Sipitang. Terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional. Kita juga telah pun melihat beberapa program-program CSR yang dilaksanakan oleh GLC yang dipunyai oleh kerajaan. Selepas itu kita melihat isu-isu yang lain ini memang banyak yang menumpukan kepada golongan sasaran.

Apabila kita melihat satu usaha kerajaan untuk membuat satu pelaburan. Misalnya pertama di *Northport* yang *stakeholders* dia adalah Tabung Haji dan lain-lain. Apabila kita melihat keadaan di *Northport* ini, adalah berkeadaan yang tidak begitu baik jika dibandingkan

dengan *Westport* yang mana dipunyai oleh orang perseorangan. Jadi, saya melihat kerajaan harus melihat sebab *Northport* ini adalah GLC dan ini satu daripada sumber pendapatan kerajaan supaya kita dapat menambah baik keadaan di *Northport* ini. Ini kerana kita melihat juga jalan-jalan yang tidak begitu sesuai, sempit dan kapal-kapal yang berlabuh mengelak di *Northport*. Jadi, ini menyebabkan ketidaklakuan tempat yang disebutkan tadi dan juga kawasan-kawasan itu sering dibanjiri. Ini saya harap pihak JKR atau pihak-pihak tertentu dapat melihat supaya dapat menambah baik keadaan di *Northport*. Yang penting juga adalah peranan KKLW.

Di kawasan saya telah pun melaksanakan apa yang disuarakan oleh rakyat yang memerlukan air di kawasan saya. Penjanaaan elektrik di Pulau Gaya telah pun dilaksanakan. Ini bertepatan sekali dengan tema hari Malaysia kita iaitu 'Janji ditepati'. Jadi, kerajaan telah pun menepati janji-janji kepada rakyat dan saya bersama-sama penduduk di Putatan berterima kasih kepada kerajaan.

Sekarang telah pun sedang melaksanakan tebatan banjir dan ini juga satu masalah yang telah kita timbulkan beberapa kali di Dewan yang mulia ini dan sekarang kerajaan telah melaksanakan apa yang perlu dibuat dan mencantikkan, memulihara sungai-sungai di kawasan Putatan ini. Saya tumpukan kepada kawasan Putatan kerana ini adalah suara-suara yang kita bentangkan dalam Parlimen dan kerajaan sedang pun melaksanakan apa yang kita hendak di kawasan Putatan.

Baru semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya menjawab soalan apabila Yang Berhormat Kalabakan menyoal soal jalan Pan Borneo daripada Kota Kinabalu ke Sindumin Sarawak. Jadi, satu daripada pakej yang akan dilaksanakan pada tahun depan Tuan Yang di-Pertua adalah kawasan daripada *airport* Sungai Petagas dan penduduk Lok Kawi dengan jumlah peruntukan RM69.7 juta yang akan dilaksanakan pada tahun hadapan.

Jadi, saya juga berterima kasih bagi pihak penduduk di Putatan kerana sudah banyak yang kita suarakan di dalam Dewan yang mulia ini telah pun dan akan juga dilaksanakan oleh kerajaan. Kalau kita melihat apa juga yang kita timbulkan dalam Dewan yang mulia ini terutama sekali penyeragaman harga barang di Sabah dan Sarawak.

#### ■1800

Ini Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah pun menyahut permintaan kita untuk membuat satu pendekatan supaya subsidi kepada pengangkutan Sabah dan Sarawak ini dapat menyeragamkan harga-harga barang di negeri Sabah dan Sarawak. Ini juga kita harus untuk berterima kasih kepada kerajaan.

Satu yang saya cadangkan di sini adalah di dalam soal harga tambang yang juga dalam Kementerian Pengangkutan iaitu harga tambang MASwing ini. Saya rasa sahabat saya daripada Kapit juga telah membawa perkara ini supaya kerajaan dapat melihat supaya tambang-tambang kepada kawasan luar bandar terutama sekali *the domestic flight* daripada

Sabah dan Sarawak ini juga dikaji semula supaya ini boleh membantu kepada golongan-golongan yang berpendapatan rendah. Ini kerana kebanyakan destinasi-destinasi di Sabah dan Sarawak ini menggunakan pesawat.

Dalam kesempatan ini, saya juga ingin membuat satu cadangan ataupun permintaan kepada kerajaan supaya isu pembelajaran di bawah Kementerian Pelajaran bahawa isu pra universiti ini ditempatkan di kawasan Putatan yang mana ada cadangan daripada Pegawai Pelajaran Daerah Penampang dan Putatan supaya dapat mewujudkan pra universiti di SMK Putatan. *Detail-detailnya* telah pun difakskan kepada saya pada pagi tadi iaitu merangkumi enam buah sekolah di kawasan Penampang dan Putatan yang melibatkan lebih kurang 2,000 orang pada setiap tahun. Jadi bilangan tenaga pelajar adalah 66 orang dan ini amat sesuai jika ditempatkan di Putatan kerana infrastruktur ataupun kemudahan di sekolah itu sudah sedia ada dan tidak memerlukan jumlah perbelanjaan yang begitu besar.

**Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]:** Yang Berhormat Putatan, sikit berkenaan bajet Kementerian Pelajaran. Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Putatan. Yang Berhormat Putatan sedar tidak bahawa dalam bajet yang dibentangkan oleh Perdana Menteri baru-baru ini, jumlah untuk pembangunan di bawah Kementerian Pelajaran telah dikurangkan sebanyak 50% untuk pembangunan? Maknanya pada tahun depan ini, kurangnya pembangunan dari sudut hendak membaiki sekolah, apatah lagi hendak buat sekolah baru dan sebagainya. Dikurangkan sebanyak 50% daripada jumlah. Sekarang ini yang ditumpukan hanyalah untuk pembiayaan perkhidmatan termasuklah gaji dan seumpamanya. Jadi peruntukan itu telah dikurangkan.

Jadi Yang Berhormat Putatan sedar tidak bahawa peruntukan itu akan memberikan kesan kepada pembangunan sekolah? Kalaulah kita hendak mencadangkan, kita hendak memuji kementerian kerana membaiki sekolah dan sebagainya, tidak mampu hendak dibuat oleh bajet yang dibentangkan oleh Perdana Menteri. Sedar tidak Yang Berhormat Putatan bahawa peruntukan untuk Kementerian Pelajaran ini telah dikurangkan khususnya di bawah perkara P? Terima kasih.

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih sahabat saya daripada Kuala Kedah. Soal kurang atau tambah peruntukan kepada Kementerian Pelajaran itu memang memadai kerana apa yang dilaksanakan kepada bajet-bajet yang lalu itu memang adalah antara yang tertinggi. Jadi apa yang perlu dilaksanakan terlebih dahulu telah pun dilaksanakan. Jadi saya rasa tumpuan kepada Kementerian Pelajaran ini lebih kepada program-program yang dilaksanakan yang tidak memerlukan perbelanjaan yang begitu tinggi. Itu saya lihat daripada taklimat daripada Kementerian Pelajaran. Kami telah pun membawa juga perkara yang sedemikian, yang sama, kepada pihak Menteri dan inilah penjelasan daripada Menteri. Saya rasa itu memadailah kerana tidak begitu banyak dalam infrastruktur pada masa yang akan datang. Telah pun dilaksanakan terlebih dahulu terutama sekali pembangunan.

Bilangan, kalau kita perbaiki soal yang saya cadangkan tadi, pra universiti di Putatan ini, hanya menelan lebih kurang, tidak lebih daripada RM50 juta kalau peringkat pra universiti. Jadi ini merangkumi dua daerah. Jadi saya rasa peruntukan yang diperlukan ini tepat dan memadai.

Dalam kesempatan ini, saya juga ingin meminta ataupun memohon daripada Kementerian Pelajaran bahawa ada satu usul yang telah tersenarai dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang saya bawa iaitu murid-murid yang bukan beragama Islam yang juga kehendak daripada ibu bapa yang meminta pihak Kementerian Pelajaran untuk menyediakan dua atau tiga jam dalam seminggu untuk anak-anak mereka untuk mempelajari agama masing-masing ataupun menghayati Rukun Negara, adat istiadat dan kaum mereka, mempelajari bahas ibunda masing-masing jika dipersetujui oleh pihak kementerian. Ini satu daripada keterbukaan pihak kerajaan kepada semua lapisan masyarakat di negara ini. Ini saya rasa bukan berat untuk dilaksanakan kerana ini satu daripada usaha kita untuk mentransformasikan, untuk menyatupadukan rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam isu yang lain terutama sekali isu yang saya sebutkan tadi denyutan rakyat di negeri Sabah ini, di Semenanjung kita telah pun ada keistimewaan tentang penggunaan kenderaan gas cecair asli atau NGV yang mana kebanyakannya dipakai oleh pengangkutan awam, teksi dan sebagainya di Semenanjung, tetapi di Sabah dan Sarawak belum lagi dilaksanakan. Ini menyebabkan penggunaan kenderaan awam ini kebanyakannya digunakan oleh golongan-golongan yang berpendapatan rendah dan yang tidak mempunyai kenderaan sendiri. Jadi saya harap ini juga dapat mengurangkan cara hidup golongan-golongan yang kurang mampu.

Oleh kerana kita melihat dalam Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan tadi ada usaha kerajaan untuk mengurangkan kos atau menyeragamkan harga-harga barangan di Sabah dan Sarawak, maka saya mencadangkan supaya ini dipercepatkan untuk mewujudkan stesen-stesen minyak gas dan kereta-kereta seperti teksi dapat diwujudkan selaras dengan konsep 1Malaysia yang mana dibuat, *dienjoy* di Semenanjung *also should be enjoyed* di Sabah dan Sarawak dengan izin.

Satu lagi yang penting yang telah selalu ditimbulkan oleh kawan-kawan apabila kita berjumpa dengan kawan-kawan yang masih dalam bidang perniagaan, melalui dewan-dewan perniagaan terutama sekali Dewan Perniagaan Cina, bumiputera, Melayu dan Kadazan, Dusun, *chamber of commerce*, Dayak dan sebagainya yang melihat di mana kerajaan telah menyediakan RM50 juta kepada usahawan peniaga India dan mereka juga berkeinginan supaya Kerajaan Pusat dapat melihat jika kontrak-kontrak ataupun kerja-kerja kontrak daripada Kerajaan Pusat ini juga disalurkan kepada melalui dewan-dewan perniagaan supaya boleh dibagi-bagi dengan secara adil, telus yang mana kita melihat tidak memilih kaum dan sebagainya supaya kerja-kerja yang kecil ataupun kerja-kerja yang sederhana dapat dinikmati

oleh masyarakat-masyarakat Cina, Melayu, India, Dayak dan bumiputera-bumiputera bukan Islam di Sabah.

■1810

Isu ini amat kerap dibawa oleh masyarakat usahawan di negeri Sabah dan Sarawak. Jadi satu lagi yang amat penting ialah keprihatinan kerajaan terhadap penjawat-penjawat awam kita di mana Yang Berhormat Kubang Kerian telah menyentuh tentang *law reform* berkenaan dengan SPRM dan sebagainya. Jadi ini satu usaha atau insentif kepada pegawai-pegawai penjawat awam kita iaitu membuat perolehan dan pembelian dengan prinsip *value for money* dan juga insurans-insurans kepada polis dan tentera kita, juga pinjaman perumahan kepada penjawat awam. Di sini saya ada satu kes di mana kadang-kadang kita menyeru penjawat-penjawat awam kita untuk membeli polisi insurans yang mana sekarang terdapat beberapa syarikat insurans ini menipu kepada pencarum-pencarum atau pun yang membeli polisi-polisi.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) mempengerusikan Mesyuarat]*

Satu kes yang dinamakan Manulife Insurance (Malaysia) Berhad yang telah mendapat pelaburan lebih daripada 42,000 *policy holders* yang tidak dapat balik insurans mereka. Ini satu yang difakskan kepada saya... *The savings plan, the whole life plan has been approved by the Bank Negara*, tetapi tiba-tiba CEOnya meletakkan jawatan pada Mei tahun ini. Jadi orang yang membeli polisi ini tidak dapat berhubung dengan kompeni yang dahulunya membuat *savings plan* ini. Dia kata *savings plan* ini *already matured* tetapi tidak dibayar. Jadi ini saya rasa Bank Negara patut memantau kegiatan syarikat-syarikat insurans ini supaya tidak dapat menipu rakyat terutama sekali golongan yang bekerja dengan kerajaan, penjawat awam yang menggunakan *life savings* mereka dan tiba-tiba tidak dapat diambil balik insurans mereka itu. Jadi saya harap Bank Negara dapat memantau dan mengambil tindakan terhadap apa yang kesukaran rakyat terhadap syarikat-syarikat yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang ingin saya sampaikan kerana suara tidak begitu baik. Saya sekali lagi memohon menyokong bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bandar Kuching.

**6.14 ptg.**

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk berbahas dalam Belanjawan 2013.

Sebagai satu *general observation* atas Belanjawan 2013, saya beranggap bahawa ia merupakan satu belanjawan di mana ada *small goodies for many people* tetapi *fail to address the fundamental economy issues and problem in our country*, dengan izin. Apakah *fundamental*

*economic problem in our country?* Ia merupakan satu pendapatan yang rendah sedangkan kos kehidupan semakin meningkat. Kerajaan Barisan Nasional telah sering kali bercakap besar tentang pendapatan rakyat kita telah meningkat sejak kemerdekaan. Cakap besar ini pun telah diuar-uarkan banyak kali sehingga pada hari kemerdekaan kita tahun ini, Ketua Menteri Sarawak membuat satu pengumuman bahawa *gross national income* (GNI) kita per kapita telah meningkat 50 kali ganda sejak pembentukan Malaysia.

Adakah ini benar *whether our income has increased?* Memang saya ada membuat satu tinjauan. Saya ada bertanya pada seseorang yang sekarang ini berumur lebih kurang 70 tahun. Pada tahun 1960an seorang lepasan SPM atau SRP, sekiranya ia bekerja gaji bulanannya lebih kurang RM200 satu bulan. Lulusan SRP atau *Form 3* dan SPM atau *Form 5*. Lebih kurang RM200 satu bulan gaji bulanannya. Sekarang selepas 45 tahun, berapakah gaji bulanan seorang lepasan *Form 3 or Form 5?* Pada tahun ini kita baru hendak implementasikan *wage rate* di mana *minimum wage rate* di Sarawak akan ditetapkan pada tahap RM800 sebulan, manakala di Semenanjung sebanyak RM900 sebulan. Inilah gaji minimum yang maksudnya ramai pekerja yang masih untung kerana gaji mereka kurang daripada RM800. Saya hendak sebut kes di Sarawak, RM800 sebulan. Di Sarawak, dahulu pada tahun 1960an lebih kurang RM200 sebulan, tetapi sekarang selepas 50 tahun lebih kurang RM800 sebulan untuk lepasan SPM atau SRP. Kita tengok memang ada peningkatan gaji rakyat kita iaitu lebih kurang empat atau lima kali ganda. Akan tetapi kalau kita bandingkan dengan kos kehidupan rakyat kita pada hari ini, berapa kali ganda kos kehidupan telah meningkat sejak tahun 1960an?

Tuan Yang di-Pertua, dulu di Kuching – saya bercakap mengenai Kuching dalam tahun 1960-an, sebuah rumah *intermediate terrace house* lebih kurang RM8,000 harga pasarannya. Sekarang rumah yang sama selepas 40 tahun lebih, rumah yang sama itu harga pasarannya lebih kurang RM300,000. Peningkatan harga rumah adalah berpuluh-puluh kali ganda, lebih kurang 30 hingga 40 kali ganda.

Kalau kita bercakap mengenai kereta. Dahulu bapa saya dalam tahun 1970-an, dia balik dari England, dia membeli satu kereta iaitu Fiat model cuma RM3,000. Tadi saya *search* di internet, kereta Fiat...

#### ■1820

**Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]:** Yang Berhormat...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Selepas saya habiskan ayat, kereta Fiat, sekarang lebih kurang RM120,000, nampaknya harga kereta telah meningkat 40 kali ganda dan dahulu kita tidak ada *National Automobile Policy*, sekarang kita ada tetapi harga kereta naik 40 kali ganda, sila.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]:** Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya pun hendak bertanya kepada Yang Berhormat Bandar Kuching ini dari segi harga rumah, yang dahulu, yang sekarang dan

seterusnyalah. Kalau kita tengok yang menentukan harga rumah ini siapa agaknya? Adakah kerajaan atau *market force*? Atau kadang-kadang pengusaha-pengusaha ataupun pemaju-pemaju perumahan yang meletakkan harga dan sebagainya. Jadi sebab itulah, kadang-kadang takkanlah semua salah kerajaan, begitu juga harga kereta, mana-mana pun harga kereta naik, bukan di sini sahaja, bukan di Malaysia sahaja harga kereta naik. Harga kereta di tempat-tempat lain pun sama, saya pun dahulu satu masa pernah pakai kereta, harganya murah tetapi kereta yang sama sudah mahal. Kemudian pernah satu masa, saya beli kereta di Australia, mahal juga saya ingatkan murah, sebab harga pada *market*, putaran, kitaran pada ekonomi dunia *market* dan sebagainya yang menyebabkan harga ini menjadi mahal. Kita tidak boleh bandingkan macam itu, dahulu dan sekarang.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Yang Berhormat Lipis, apa yang saya katakan, memang harga rumah sebahagiannya meningkat disebabkan sebahagiannya adalah kerana harga pasaran, *market forces*, tetapi polisi kerajaan juga memainkan satu peranan yang amat penting dan apa yang saya hendak tegaskan di sini, *our real income of the rakyat*. Adakah rakyat sekarang, puratanya lebih kaya atau lebih miskin? Kalau kita tengok dari segi *real income*, dahulu beberapa ribu sahaja satu kereta, sekarang kita ada Proton atau Perodua tetapi kenapa walaupun kita ada satu automobil nasional, syarikat automobil nasional kita sendiri, tetapi rakyat terpaksa membeli kereta yang lebih mahal, bukan lima kali ganda, sepuluh kali ganda atau lebih mahal daripada masa tidak ada syarikat automobil nasional tetapi 20-30 kali ganda? Ini menunjukkan bahawa polisi-polisi Kerajaan Barisan Nasional hanya mementingkan kroni-kroni sahaja, syarikat-syarikat besar sahaja yang berkaitan dengan UMNO.

Oleh itu, rakyat terpaksa membeli kereta yang mahal dan salah satu polisi Pakatan Rakyat bahawa kita akan menghapuskan eksais duti kereta supaya dapat menurunkan harga kereta untuk rakyat jelata.

**Tuan Haji Mohd. Nor Othman [Hulu Terengganu]:** [Bangun]

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Oleh itu, saya bangkitkan contoh ini sebab saya hendak membuktikan bahawa selepas 50 tahun pentadbiran Barisan Nasional, pada hakikatnya pendapatan rakyat kita tidaklah kaya, tetapi *real income* kita telah turun, sila.

**Tuan Haji Mohd. Nor Othman [Hulu Terengganu]:** Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching, saya tertarik dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, ketika ayahanda balik dari England, membeli sebuah kereta Fiat dengan harga RM3,000. Saya pun teringat ketika saya keluar universiti dahulu pun, saya beli kereta Datsun dengan harga RM12,400. Pada masa itu, di kampung saya mungkin sama juga di Bandar Kuching, walaupun harga keretanya tidak begitu mahal, tetapi sebuah kampung mungkin ada empat ataupun lima buah kereta, walaupun harganya murah. Akan tetapi pada hari ini, harga kereta cukup mahal, ada RM40.000, ada RM60.000, tetapi saya nampak bukan sebuah kampung empat buah

kereta, tetapi sebuah rumah ada empat buah kereta. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Bandar Kuching, mana yang lebih baik? Harga murah rakyat tidak dapat memiliki, berbanding dengan harga yang agak tinggi tetapi ramai rakyat yang memiliki. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Bandar Kuching?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Yang Berhormat, saya jawab nanti apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tetapi sebelum saya menjawab apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, saya ingin bertanya kepada kerajaan, saya diberitahu bahawa seorang *fresh graduate engineer* pada tahun 60-an, 70-an masuk JKR gaji bulanannya lebih kurang RM400, sekarang lebih kurang RM2,000 kalau elaun RM3,000, bermakna bahawa gaji hanya meningkat empat, lima kali ganda sahaja. *It cannot catch up with the increasing cost of rebate* dan untuk menjawab apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hulu Terengganu, apa yang kita *consume* hari ini, beli kereta semua ini telah ditanggung oleh hutang. Dahulu kita tidak ada hutang banyak, sekarang kita ada hutang banyak. Ia telah sampai satu tahap *household debt of Malaysia* sudah sampai satu tahap yang amat membimbangkan iaitu lebih kurang 77% daripada GDP kita.

Lebih daripada RM600 bilion, *household debt, not commercial debt, not government debt*. Semalam kita dengar banyak yang diulas tentang *government debt*, sekarang apa yang saya sebutkan ialah *household debt* telah sampai tahap 77% dan faktor yang pertama, komponen yang terbesar adalah hutang beli rumah.

Kedua, hutang beli kereta dan kenapa rakyat harus meminjam duit untuk beli kereta? Ada banyak sebab, sebab pengangkutan awam yang amatlah tidak efisien, di Kuching, bas kita boleh tengok, *literally zero* in Kuching, *public transport*. Oleh kerana rakyat terpaksa membeli kereta dan untuk melindungi kroni-kroni Barisan Nasional, kerajaan membenarkan Proton, Perodua *to fix the high price on the car*. Oleh itu, rakyat terpaksa membayar dan membeli kereta yang mahal dan akibatnya kita ada satu *household debt off 77% of GDP* dan *household debt to service ratio* telah sampai tahap melebihi 50%, apakah maksudnya melebihi 50% *household debt to service ratio*? Ia bermakna, untuk setiap RM1 yang kita untung, 50 sen akan digunakan untuk bayar *debt*.

■1830

*Household debt* itu *housing loan, car loan, credit card loan*. Semua ini, semua ini dan yang baki 50 sen, 50% ini akan digunakan untuk bayar kos pendidikan, yuran anak-anak bulanan, anak kita, bayar makanan, bayar baju, apa-apa kos kehidupan. Mana cukup. Oleh itu semua 99% rakyat kita berasa beban kehidupan yang amat berat. Dahulu tidak ada, dahulu tidak ada dan lebih senang, sekarang beban kehidupan yang lebih susah. Ini adalah akibat daripada polisi kerajaan yang tidak memihakkan, tidak mementingkan kepentingan rakyat jelata, hanya mementingkan kroni-kroni Barisan Nasional.

Perkara ketiga yang saya ingin menyebutkan adalah tentang Malaysian Anti Corruption Commission (MACC). Tahun lalu, Jun, ada satu laporan, saya memetik daripada *The Star online* - "*The Malaysian Anti Corruption Commission has confirmed that it is currently investigating Sarawak Chief Minister, Tan Sri Abdul Taib Mahmud over allegation of timber corruption. Its Commissioner, Datuk Sri Abu Kassim Mohamad says MACC was in the progress of gathering more information regarding the matter.*"

Kenyataan ini dibuat pada 9 Jun 2011. Saya telah bangkitkan beberapa kali di Dewan ini, ada soalan untuk jawapan lisan pun disampaikan. Akan tetapi sampai hari ini apa jawapan yang saya terima adalah masih siasat, masih siasat, masih siasat, dalam siasatan. Apakah satu kes korupsi, kes rasuah, hendak ambil masa lebih kurang sekarang, sekarang September sudah, Oktober sudah, satu tahun empat bulan masih siasat.

Dua minggu lalu, satu pembongkaran tentang aset Tan Sri Abdul Taib Mahmud itu lebih kurang USD21 bilion, keluarganya, beliau dan keluarganya. Apa reaksi daripada Perdana Menteri? Perdana Menteri hanya kata ini *rubbish, the allegation*. Inilah apa yang dia kata. *Prime Minister, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak has dismissed allegation that Sarawak Chief Minister Tan Sri Abdul Taib Mahmud had amassed billions of RM. They are all kinds of allegations*, jangan kita layan. Hendak minta penjelasan, okey.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat, dalam keadaan Ketua Pengarah Suruhanjaya mengatakan bahawa siasatan sedang dilakukan, *the investigation is going on*. Apabila keluar laporan-laporan daripada NGO-NGO dalam negeri dan luar negeri berkenaan dengan harta-harta yang dikumpulkan oleh Ketua Menteri Sarawak. Adakah wajar bagi seorang Perdana Menteri untuk menjawab serta-merta mengatakan *this is rubbish*. Pada waktu yang sama Ketua Pengarah sendiri ataupun Pesuruhjaya mengatakan sedang buat *investigation*. Adakah ini nampaknya berlaku suatu yang agak tidak kena di mana-mana itu, apa pendapat itu?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ini Yang Berhormat Sungai Petani ada sama *wavelength* dengan saya. Saya baru hendak sebut itu *point*. Sebelum Perdana Menteri pergi siasat, dia sudah kata ini *allegation untrue*, sedangkan sudah ada satu fail dibuka untuk menyiasat Tan Sri Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak. Mana boleh sebagai seorang Perdana Menteri, serta-merta dia tanpa apa-apa siasatan, dia telah kata, "Oh! Ini tidak benar." Adakah Perdana Menteri hendak beritahu kepada *Commissioner of MACC* bahawa tidak boleh siasat itu perkara. Adakah ini satu mesej, implisit mesej Perdana Menteri ingin sampai kepada *Commissioner of MACC*. Ini memang satu tindakan yang tidak wajar dan tidak sepatutnya dilakukan oleh seorang Perdana Menteri.

Adakah ia berkata demikian kerana pilihan raya umum akan datang di mana Tan Sri Abdul Taib Mahmud telah boleh *empower in his hand, 15 seats*, 15 kawasan Parlimen di Sarawak yang dikuasai oleh dia. *His is the Kingmaker, so he can get away anything.*

Walaupun ada satu laporan yang begitu *shocking* kepada bukan sahaja rakyat Malaysia tetapi dunia. Orang yang terkaya di Malaysia sekarang, USD21 bilion aset beliau dan keluarganya. Saya ingin tahu, sudah satu tahun empat bulan sudah lepas, apakah hasil siasatan yang dibuat oleh MACC?

Perkara yang selanjutnya saya akan menyebut adalah mengenai PDRM. Tuan Yang di-Pertua, tahun ini nampaknya ada sedikit penurunan *allocation*, peruntukan untuk PDRM. Dahulu RM6.7 bilion, sekarang RM6.5 bilion. Ini apa saya hendak sebutkan dalam hal ini adalah walaupun kerajaan ada beri statistik bahawa kadar jenayah telah turun. Akan tetapi rakyat tidak rasa bahawa jenayah itu benar-benar ada turun. Selepas pengumuman bahawa kadar jenayah ini turun, satu hari selepas itu di Kuching ada satu pembunuhan dengan tembak mati di tempat awam. Dua tiga hari lepas itu ada pembunuhan lagi. Ini pembunuhan yang dilakukan, *cold blood murder* yang dilakukan di Sarawak. Hari ini kini kita rasa tiap-tiap dua minggu ada satu kes, dua minggu atau tiga minggu ada satu kes. Perompakan juga sering dilakukan sehinggakan mangsa-mangsa rompakan itu mereka tidak mahu buat laporan polis lagi.

Ini kerana mereka pergi buat laporan polis buang masa, ditanya apa yang tidak-tidak itu dan selepas itu apa yang dirompak, dicuri tidak dapat dikembalikan kecualinya untuk kereta. Kalau seorang pemilik kereta, keretanya dicuri, dia pergi buat laporan polis, polis akan tanya pula, 'Mahu selesai malam inikah?' Ambil beberapa ribu ringgit selepas itu kereta boleh dicari dan dikembalikan kepadanya. Inilah hakikatnya, inilah persepsi dan hakikat yang sering berlaku. Sedangkan saya, *I'm still at* perompakan, saya ingin tahu siapa itu. Dua minggu lalu ada satu *house break-in* berlaku di Miri. Seorang Ahli Parlimen di Sarawak, di Miri, yang tinggal di Miri, rumahnya dipecah masuk. Apa yang dilaporkan dicuri, 40 buah 1Malaysia *laptop* telah dilaporkan dicuri daripada rumahnya.

#### ■1840

Pertamanya mengenai keselamatan kita, soalan keduanya kenapa ada 40 buah *laptop* 1Malaysia yang sepatutnya diberi kepada orang yang miskin, kepada orang kampung didapati dalam rumah seorang Ahli Parlimen yang tinggal di Miri. Saya tidak tahu siapa itu, saya baca laporan surat khabar. Perkara ini saya ingin tahu siapakah Ahli Parlimen ini dan kenapa ada 40 buah *laptop* 1Malaysia telah dicuri daripada rumahnya.

Isu kelima yang ingin saya sentuh adalah mengenai Pan Borneo Highway. Kita telah banyak kali, sering kali cakap tentang Pan Borneo Highway tetapi nampaknya Kerajaan Persekutuan tidak ada apa-apa timbang rasa tentang kemalangan-kemalangan yang sering berlaku di Pan Borneo Highway. Sampai hari ini disebut namanya Pan Borneo Highway itu adalah salah dari segi *technical term* kerana ia bukan satu *dual carriage way*.

Oleh itu ia tidak dapat disebut sebagai *highway*, ia sangat satu *trunk road* sahaja. Jalan kampung sahaja, macam jalan kampung di Semenanjung sini dan ia merupakan satu

jalan yang begitu penting untuk Sarawak dan sebab itu alasan-alasan yang diberi oleh Menteri-menteri bahawa tidak nak *upgrade* kepada *dual carriage way* adalah kerana hanya 10,000 kereta yang menggunakan jalan ini. Saya rasa kalau ini adalah alasan yang diberi, ini adalah alasan yang boleh diterima, ini memang menunjukkan betapa Kerajaan Barisan Nasional telah menganaktirikan orang Sarawak dan orang Sabah.

Total kos untuk pembinaan bagi menaiktarafkan Pan Borneo Highway kepada *dual carriage way* sepanjang lebih kurang 2,000 kilometer hanya RM16 bilion sahaja. Kalau satu tahun satu RM1 bilion pun, 16 tahun sudah siap. Kenapa sampai hari ini, kita tidak tengok apa-apa *political will* untuk menaiktaraf kepada *dual carriage way* dan pada masa yang sama setiap minggu ada kemalangan, *death accident* yang berlaku di Pan Borneo Highway akibat daripada keadaan jalan yang amat tidak memuaskan.

Oleh itu saya fikir kalau Kerajaan Barisan Nasional tidak ada apa-apa azam untuk menaik taraf Pan Borneo Highway kepada *dual carriage way* biarlah Kerajaan Pakatan Rakyat selepas pilihan raya umum ke-13, biarlah kita Kerajaan Pakatan Rakyat menaiktaraf jalan raya Pan Borneo Highway. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sarikei.

#### 6.44 ptg.

**Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana diberi peluang untuk berbahas dalam Dewan yang mulia ini bagi menyelesaikan beberapa isu tempatan kawasan saya Sarikei. Antara isu-isunya adalah seperti berikut, isu pertama ialah melebarkan jalan Hospital Sarikei ke bandar Sarikei. Pada ketika ini laluan jalan dari Hospital Sarikei ke bandar Sarikei melalui hampir 1,500 pintu rumah berkeluarga setiap hari.

Jalan ini hanya selebar 10 meter laluan ulang-alik. Ketika waktu sibuk khususnya waktu masuk dan balik pejabat serta sekolah, sepanjang jalan ini adalah sangat sibuk. Ini adalah kerana jalan utama ini dilalui oleh penghuni kos rendah di Taman Susur Jambu Indah setiap hari malah terdapat sebuah kawasan perindustrian sederhana, sebuah sekolah rendah kebangsaan dan sebuah Hospital Besar Sarikei. Dalam masa yang sama, tidak lama lagi sebuah Sekolah Menengah Kerajaan Sarikei akan dibina di kawasan itu. Oleh itu saya memohon pihak kerajaan mempertimbangkan peruntukan untuk melebarkan jalan tersebut bagi mengelakkan kecelakaan yang tidak diingini berlaku.

Isu kedua ialah meningkatkan kemudahan Hospital Besar Sarikei. Saya mengambil peluang ini mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan dan Yang Berhormat Menteri Kesihatan Malaysia kerana berusaha membantu meningkatkan kualiti perkhidmatan dan kuantiti doktor pakar di Hospital Sarikei. Buat masa ini Hospital Sarikei telah mempunyai 7 orang doktor pakar dan tahun depan dijangka menambah seorang doktor pakar pembedahan. Tahniah saya ucapkan.

Sehubungan itu, diharap pihak kementerian dan kerajaan dapat menambah kemudahan penting di Hospital Sarikei iaitu komputer *Thermography Scan* atau *CT Scan* dan *Magnetic Resonance Imaging* atau MRI bagi memudahkan pesakit mendapat rawatan rapi. Justeru itu diharap kementerian dan kerajaan dapat mengekalkan Hospital Besar Sarikei sebagai sebuah hospital pakar minor di Sarikei malah di kawasan luar bandar zon tengah Sarawak.

Isu ketiga adalah meluluskan laluan lebuhraya dari Bukit Kayu Malam ke bandar Sarikei. Terima kasih kepada pihak Kementerian Kerja Raya telah menambahbaikkan dengan 'menggetarkan' semula jalan raya dari Bukit Kayu Malam ke Pekan Jaga. Namun apa yang diperlukan oleh penduduk kawasan Sarikei adalah meluluskan jalan tersebut supaya jalan sempit dan bengkok-bengkok tidak menimbulkan kecelakaan nyawa mereka.

Ini adalah kerana sepanjang laluan ini adalah laluan utama ke bandar Sarikei, Sibul, Bintulu dan lain-lain bandar utama bagi semua pengangkutan jalan baik kenderaan berat mahupun ringan. Oleh itu saya mencadangkan kepada pihak kerajaan satu laluan alternatif iaitu pembinaan sebuah jalan baru dari Bukit Kayu Malam ke bandar Sarikei harus dilaksanakan.

#### ■1850

Dengan ini akan mengurangkan kesesakan lalu lintas yang semakin serius saban hari. Kenderaan saban hari semakin banyak dan besar melalui jalan raya sempit yang sedia ada.

Isu keempat ialah penambahbaikan loji pembersihan air di Bayong dan penukaran paip jenis AC (*Asbestos Cement*) ke HDPE (*High Density Polyethylene Pipe*). Penambahbaikan loji pembersihan air di Bayong perlu disegerakan. Ini berikutan kerosakan pam air dan enjin simpanan menyebabkan loji pembersihan tidak berfungsi dengan baik. Rata-rata penduduk sekitar Sarikei telah menerima air tekanan rendah malah tiada air khasnya di kawasan tinggi.

Dalam masa yang sama penduduk Sarikei juga menerima air keruh iaitu tidak ditapis oleh loji penapisan. Namun begitu, paip AC yang sedia ada di Sarikei juga perlu ditukar kepada jenis paip HDPE iaitu berkemampuan tekanan tinggi. Ini bagi membolehkan kawasan jauh ke pedalaman dan tinggi juga menerima air rawatan dari loji pembersihan. Masalah ini pernah saya bangkitkan dalam sidang Parlimen yang lepas dan buat masa ini masih ada hampir 200 kilometer tidak ditukar paip tersebut. Diharap ia boleh disegerakan.

Isu kelima, pembinaan kolej komuniti baru. Satu cadangan telah dikemukakan kepada Kementerian Pengajian Tinggi supaya sebuah kolej komuniti didirikan di kawasan Parlimen Sarikei lebih-lebih lagi di kawasan Jong dan Sarawak antara yang termundur pada waktu ini. Selain itu, dengan kolej komuniti yang ada pelbagai masalah boleh diselesaikan khasnya pengangguran dan masalah sosial anak-anak muda. Ramai anak muda tidak ada hala tuju selepas tamat pelajaran dan menyalahkan pihak kerajaan. Dengan kolej komuniti yang ada dapat mencungkil pelbagai bakat anak muda dan sebagai tapak bagi mereka memasuki

masyarakat alaf baru. Saya berharap isu ini boleh diselesaikan seperti mana yang dijanjikan oleh Yang Berhormat Menteri semasa lawatan ke Sarikei tahun lepas.

Isu keenam ialah menaiktarafkan Jalan Bukit Huang-Sekumang ke Tanjong Manis. Penaiktarafan Jalan Bukit Huang-Sekumang ke Tanjong Manis perlu disegerakan. Ini memandangkan jaringan jalan raya penting di rantau ini ke kawasan perindustrian hab halal Tanjong Manis berikutan Tanjong Manis sedang dalam proses pembangunan. Lebih-lebih lagi Sarikei juga merupakan sebuah pusat hasil pertanian yang kaya dengan hasil tani. Hasil tani daripada penduduk luar bandar boleh dikembangkan ke Tanjong Manis untuk dieksport melalui Tanjong Manis secara sederhana dan kecil.

Untuk makluman, penaiktarafan jalan ini hanya sejauh 15 kilometer. Lebih-lebih lagi kawasan Sarikei tidak ada kemudahan lapangan terbang dan boleh memaksimumkan penggunaan padang terbang di Belawai serta pelabuhan di Tanjong Manis. Ini dibandingkan penggunaan jalan raya melalui Bandar Sibu adalah jauh iaitu hampir 150 kilometer dari Sarikei. Saya berharap Jalan Bukit Huang-Sekumang dapat disegerakan untuk merancakkan ekonomi khususnya hasil tani bagi penduduk luar bandar. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gopeng.

#### 6.56 ptg.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana beri peluang kepada saya untuk turut berbahas dalam usul Belanjawan 2013 dan kali ini kita lihat dalam belanjawan ini merupakan tahun yang ke-16 berturut-turut defisit bajet. Kalau kita lihat defisit bajet sepatutnya tidak menghairankan tetapi yang menghairankan ialah apabila ekonomi baik defisit ekonomi tidak baik pun defisit dan sehingga tahun 2012, kita lihat hutang Kerajaan Persekutuan pertama kali melebihi RM500 bilion. Kita boleh unjurkan tahun depan dengan tambahan defisit RM40 bilion dijangka hutang Kerajaan Persekutuan akan sampai sehingga 54% daripada KDNK. Tidak jauh daripada *threshold* 55%.

Kita lihat walaupun kita unjurkan pertumbuhan 4.5% hingga 5% tetapi dari segi pendapatan yang dijangka untuk Kerajaan Persekutuan pertambahan itu tidak membayangkan pertumbuhan ekonomi. Ini masalah yang utama adalah kita lihat dalam rancangan belanjawan ini tidak ada penambahan sumber pendapatan. Adakah ini satu tanda di mana kerajaan Barisan Nasional bersedia untuk melaksanakan GST selepas PRU-13 seandainya mereka masih kerajaan kalau bukan jadi pembangkang.

Saya bagi sebagai contoh kalau kita hendak tambah pendapatan sepatutnya kita boleh lihat aspek-aspek yang lain misalannya baru sahaja MCMC memberi lesen 4G secara percuma kepada lapan syarikat yang bukan syarikat biasa, syarikat gergasi lapan syarikat percuma. Kalau perkara ini dilakukan di negara-negara lain pasti lesen 4G ini akan dikenakan bayaran lesen yang agak mahal. Kita juga boleh lihat dari segi memang ada usaha yang baik untuk

menambah pendapatan dari segi bidaan untuk nombor kereta misalannya. Satu langkah yang baik. Malangnya kita lihat akibat insiden WWW 15 yang sedia maklum kita lihat memang ada ruang untuk salah guna dalam hal bida nombor kereta tersebut. Kita lihat walaupun kita unjurkan pendapatan dari bidaan nombor kereta ini sehingga RM247 juta.

#### ■1900

Kalau bidaan untuk WWW 15 ini yang sebanyak RM24,000 ini boleh dikecualikan bagaimana dengan bidaan-bidaan yang lain? Jadi saya harap JPJ dan Kementerian Kewangan boleh jelaskan butiran yang terperinci berkenaan dengan hasil daripada bidaan nombor kereta sebelum ini.

Kita juga lihat dari segi penambahan pendapatan daripada jualan harta benda yang diunjurkan RM614 juta untuk jualan tanah bangunan dan sebagainya. Kita juga tahu bahawa ada beberapa bidang tanah yang berharga di sekeliling Kuala Lumpur telah diberikan kepada beberapa syarikat dengan harga yang murah tidak melalui satu proses bidaan. Misalnya tapak TUDM di Sungai Besi yang diberikan kepada 1MDB, bagaimana juga dengan tapak-tapak yang lain Jalan Cochrane dan sebagainya. Jadi seharusnya perkara-perkara ini kalau kita boleh uruskan dengan baik pasti sumber pendapatan akan bertambah dan pendapatan akan bertambah dan defisit akan kurang.

Ada beberapa program yang dikatakan mesra rakyat yang saya rasa dirancang dengan tergesa-gesa dan tidak begitu rapi. Misalannya program BR1M 2.0 yang sebelum ini untuk mereka yang berpendapatan rendah kurang daripada RM3,000 sekarang diperluaskan untuk golongan muda. Akan tetapi kita lihat daripada jawapan yang diberikan oleh Timbalan Menteri Kewangan bahawa pelajar di IPTA dan IPTS tidak layak kerana mereka ada keistimewaan untuk baucar buku. Kalau itu baucar buku ini tidak diberi hak untuk menerima BR1M 2.0 ini sekiranya pendaftaran mereka kurang daripada RM1,500. Jadi saya rasa ini memang tidak adil dan tidak wajar. Bukan setakat itu, apabila di peringkat pelaksanaan kita mungkin hadapi untuk kenal pasti apabila yang memohon itu bagaimana kita boleh membuktikan bahawa mereka ini bukan pelajar di IPTS, IPTA dan sebagainya. Ini melibatkan kos pengurusan.

Satu lagi contoh berkenaan dengan RM200 diberikan kepada anak muda untuk beli *smart phone* 3G dan baru sahaja saya dengar perlu bincang dengan *telco* pula. Nampaknya sebelum pelaksanaan ini tidak bincang dengan *telco*, tiba-tiba baru hendak dilaksanakan. Bagaimana mereka yang terus beli *direct* dari kedai-kedai *hand phone* dan bukan melalui *telco*. Kalau hendak beli daripada *telco* mesti perlu ada *contract* untuk servis dan kos untuk *contract service* ini bukan murah. Walaupun kita berikan RM200 satu langkah yang baik, tetapi mereka terpaksa dibebankan dengan kos bayaran bulanan yang agak tinggi. Yang paling murah setahu saya RM48 sebulan. Bukan setakat itu kalau kita hadkan kepada 3G lain kali kalau ada 4G macam mana?

Satu lagi berkenaan dengan PTPTN. Kadar 20% diskaun diberikan kepada mereka yang boleh bayar balik sekali gus dalam satu tahun. Ini memang satu perkara yang tidak bijak dan tidak adil kerana kalau mereka yang mampu untuk bayar balik sekali gus *by social responsibility* mereka sepatutnya bayar. Ini kalau mereka yang mampu bayar sekali gus, tetapi juga apabila mereka bayar balik sekali gus mereka diberikan diskaun 20%. Ini kita lihat memberi ganjaran kepada mereka yang mampu bayar tidak mahu bayar. Bagaimana pula untuk mereka yang tidak mampu bayar? Sebagai contoh kita lihat ada ramai di antara mereka yang mengikuti kursus kejururawatan yang di IPTS khususnya dengan hutang RM50,000 atau RM60,000 dan tidak dapat pekerjaan sebagai jururawat masih menganggur dan pasti tidak dapat bayar balik PTPTN tersebut. Merekalah yang seharusnya diberi pertimbangan. Akan tetapi kita lihat dengan program kita yang memberi *reward* dengan izin kepada mereka yang mampu bayar. Jadi ini memang perkara yang tidak sepatutnya berlaku.

Satu lagi berkenaan dengan peruntukan RM50 juta untuk melatih 3,200 pelajar masyarakat India. Saya mengalu-alukan apabila Kerajaan Barisan Nasional sekarang begitu prihatin kepada masyarakat India yang kita lihat khususnya mereka di estet-estet yang menganggur tidak ada peluang pekerjaan, kekurangan peluang pekerjaan juga di sektor awam dan juga kekurangan peluang untuk meneruskan pelajaran di IPTA dan IPTS. Akan tetapi kalau kita laksanakan program tersebut bagaimana mereka pelajar-pelajar miskin daripada masyarakat Melayu, bagaimana pula mereka pelajar-pelajar miskin daripada masyarakat Cina, daripada masyarakat Kadazan, Dusun, Murut, Iban, orang Ulu, daripada Orang Asli dan sebagainya dan bagaimana seterusnya bagaimana kita hendak menentukan siapa itu masyarakat India? Adakah masyarakat Sikh juga termasuk dalam masyarakat India? Adakah mereka yang berketurunan Pakistan juga masyarakat India, Bangladesh daripada masyarakat India, Ceylon masyarakat India? Bagaimana mereka yang beragama Islam, *Indian Muslim* adakah mereka daripada golongan masyarakat India?

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Yang Berhormat Gopeng.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Sebentar. Bagaimana pula mereka yang berketurunan perkahwinan campuran antaranya ibu tersebut merupakan masyarakat India dan ayahnya Cina dan sebagainya. Ini akan membangkitkan masalah-masalah dari segi pengurusan. Yang Berhormat Indera Mahkota.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Terima kasih Yang Berhormat Gopeng, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Gopeng kerana bangkitkan soal janji kerajaan dalam belanjawan baru ini untuk kaum India. Saya cuma hendak nyatakan. Belanjawan yang dahulu juga perkara yang sama berlaku, kata peruntukan di bawah TEKUN khasnya untuk masyarakat India. Sebenarnya tidak berlaku pun. Ada segolongan kecil yang terima benda itu iaitu di kalangan pemimpin MIC. Ini dinyatakan secara jelas rakan-rakan kita kaum India yang mengadu perkara ini. Mereka yang dapat sebenarnya di kalangan pemimpin-

pemimpin MIC. Lebih baik kerajaan katakan hendak bantu MIC sahaja daripada guna perkataan masyarakat India. Sebab benda ini mengelirukan dan nasib masyarakat India masih lagi sama terutama kawan-kawan kita di estet. Macam mana Yang Berhormat Gopeng fikir? Lagi baik kita tukar membantu khas kepada MIC bukan kepada masyarakat India, terima kasih.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Kalau bajet macam itu saya tidak setuju, pasti. Kalau macam itu kena bagi kepada semua pelajar daripada golongan miskin. Itu sepatutnya dasar yang munasabah.

Saya hendak beralih kepada Kementerian Kesihatan. Kita lihat dari segi peruntukan pembangunan 2013 adalah RM1.919 bilion. Kalau kita lihat peruntukan sebelum ini 2010 RM3.78 bilion, 2011 RM2.207 bilion, 2012 RM1.948 bilion. Kita boleh lihat peruntukan dari segi peruntukan untuk pembangunan. Trend itu jelas semakin menurun dan saya pernah bangkitkan soalan ini sebab kita lihat dalam perancangan sistem kesihatan kita antaranya yang paling penting sama ada hendak laksanakan 1Care atau tidak. Antara yang paling penting adalah supaya kita membina kapasiti untuk hospital-hospital di bawah Kementerian Kesihatan.

#### ■1910

Akan tetapi kalau kita lihat dari segi peruntukan untuk pembangunan, ini bukan menunjukkan kita membina kapasiti tetapi sebaliknya. Adakah ini tanda-tanda kerajaan untuk laksanakan caruman insurans kesihatan dalam masa terdekat. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Kita lihat kali ini Klinik 1Malaysia, 70 lagi ditambah ke atas 50 yang sedia ada. Walaupun kita sedia maklum memang Klinik 1Malaysia ini agak popular, tetapi kita juga tahu bahawa perkhidmatan yang diberikan di bawah Klinik 1Malaysia adalah perkhidmatan kesihatan yang agak *basic* dan tidak ada doktor yang kendalikan klinik tersebut walaupun kita dalam *Private Health Care Facilities Act*, dengan izin, sebenarnya mewajibkan semua klinik swasta mesti dikendalikan oleh seorang doktor tetapi Klinik 1Malaysia tidak ada seorang doktor yang mengendalikan. Kita juga tahu bahawa memang ada tawaran daripada Persatuan Perubatan Malaysia dan doktor-doktor swasta untuk berkhidmat di Klinik 1Malaysia. Kenapa kementerian enggan menerima tawaran tersebut, bukankah baik kalau semua Klinik 1Malaysia ada seorang doktor yang kendalikan klinik tersebut. Saya pasti pesakit-pesakit di situ akan menerima rawatan yang lebih memuaskan dan lebih baik.

Satu masalah lagi berkenaan dengan doktor pelatih iaitu *house officer*. Memang kita tahu kita dalam kehairahan untuk menambah jumlah doktor untuk mencapai *target* jumlah nisbah doktor dan populasi. Kini kita menghadapi masalah di mana kita menghasilkan terlalu ramai doktor yang tidak dapat diserap dalam sistem latihan dan perkhidmatan kita. Kita lihat di hospital-hospital kerajaan, kita lihat ada sesetengah hospital di mana seorang pakar terpaksa menyelia lebih daripada 10 *housemen*, kalau bukan 20 *housemen* dan pasti mereka tidak akan dapat latihan yang sempurna. Bukan setakat ini, baru sahaja kita lihat ada sistem *rotation* yang

menggunakan *shift duty*, dengan izin. *Shift duty* ini kita lihat selepas dilaksanakan, *house officer* yang dalam *shift duty* tersebut mungkin tidak dapat bertemu, *face on* dengan pakar-pakar yang menyelia mereka sepanjang mereka dalam latihan tersebut. Ini pasti akan mengganggu dan menjejaskan standard latihan mereka. Jadi harap kementerian mengkaji semula berkenaan dengan *shift house officer* ini.

Sebelum ini kita pernah dengar daripada Yang Berhormat Menteri bahawa kursus ataupun untuk doktor di IPTS telah dibekukan sebelum ini. Akan tetapi saya lihat di Ipoh khususnya, kita lihat sebuah universiti baru, *Quest International University* Perak telah didirikan dan mula beroperasi untuk mengambil pelajar-pelajar untuk kursus perubatan dan ia buat di *shop lot*, di tepi jalan Kampar di Ipoh. Saya hairan walaupun kata hendak *freeze* tetapi *Quest International University* ini dapat wujud. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh jelaskan berkenaan dengan perkara tersebut.

Antara masalah-masalah yang dihadapi oleh pesakit yang pergi ke hospital-hospital Kementerian Kesihatan adalah berkenaan dengan kos untuk bayaran prostesis. Saya harap kementerian boleh mengkaji walaupun kita lihat kementerian ada peruntukan untuk pelalian *cervical cancer* misalnya dan sebagainya tetapi kita lihat untuk prostesis misalnya, prostesis ortopedik dan juga untuk *intraocular lens implant* untuk katarak, *drug-eluting stents* untuk *pacemaker* dan sebagainya, pesakit terpaksa bayar dan ini bukan alat-alat yang murah, ada yang dari RM500 sehingga RM6,000. Jadi ini sepatutnya kalau boleh kementerian kaji semula berkenaan dengan subsidi untuk prostesis ini ataupun untuk pesakit-pesakit dikecualikan bayaran untuk prostesis tersebut.

Saya hendak beralih kepada Kementerian Kerja Raya khususnya. Saya mohon khususnya di kawasan saya bilakah jalan di antara Simpang Pulai dan Pengkalan Pagoh ini sepatutnya dinaikkan taraf dan memang lalu lintas begitu sesak dan sibuk sekarang. Harap boleh dipertimbangkan.

Kedua, berkenaan dengan masalah banjir di sepanjang Sungai Pinji yang berasal daripada Tanjung Rambutan melalui Bercham sehingga ke Kampung Ampang ke Pengkalan Pagoh. Memang di sekitar Sungai Pinji tersebut memang ada menghadapi masalah banjir. Ini memerlukan satu program tebatan banjir yang menyeluruh untuk selesaikan masalah tersebut sebab kalau kita selesaikan masalah di atas, di bawah akan banjir. Jadi ini memerlukan satu *total solution*, satu penyelesaian yang menyeluruh untuk selesaikan masalah tersebut.

Akhir sekali saya mohon khususnya Menteri yang berkenaan dan khususnya juga kepada Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan urusan Parlimen. Saya mohon kalau boleh setiap kali kita masuk Parlimen, ada notis yang dipamerkan di peringkat mana, setakat mana kita dalam perbahasan di Parlimen. Misalnya sekarang perbahasan di peringkat dasar Belanjawan 2013, perbahasan daripada *backbencher* dan sebagainya. Atau jawapan

daripada kementerian dan sebagainya. Kalau boleh *display* atas monitor lebih baik, sebaik sahaja kita masuk, kita tahu di peringkat mana.

Kedua juga berkenaan dengan Parlimen, kita terima jawapan bertulis. *I think* kalau kita kumpulkan semua longgokan yang begitu tinggi sekali. Saya harap kalau boleh semua maklumat ini boleh disediakan dalam format digital. Bukan setakat yang *current* tetapi yang lepas sebab ini akan memudahkan kita bukan sahaja kita hendak angkut balik tetapi juga untuk penyelidikan, untuk kita dapat maklumat dan memudahkan kerja kita dalam urusan Parlimen. Saya rasa kalau boleh ini dipertimbangkan. Sekian, terima kasih.

### 7.19 mlm.

**Tuan Mohsin Fadzil Samsuri [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Alhamdulillah dan ucapan syukur kepada Allah SWT dan ucapan salam, selawat serta salam kepada Junjungan Nabi Muhammad SAW. Terlebih dahulu, diucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian membahaskan dengan Bajet 2013 yang bertemakan, 'Memakmurkan Negara, Menyejahterakan Rakyat: Sebuah Janji Ditepati' yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak pada 28 September 2012 yang lalu.

#### ■1920

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan Bajet 2013 telah memberikan penekanan kepada sektor pertanian sebanyak RM5.8 bilion kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Berhubung dengan isu kelestarian jaminan bekalan makanan, saya ingin menyentuh tentang kawasan jelapang padi sedia ada seperti di Kedah iaitu MADA, Kelantan dengan Kemubu, Selangor di Tanjong Karang dan Sekinchan, Perak di Sungai Manik termasuk juga kawasan saya di Daerah Kerian yang memerlukan penambahbaikan.

Pertama, iaitu memperbaiki sistem pengurusan parit dan saluran. Saya dapati di kawasan saya, sistem perparitan dan saluran tidak memuaskan langsung kerana kebanyakan parit atau saluran semak samun dengan rumput. Juga, didapati parit-parit tersebut amat cetek akibat daripada penggunaan racun rumput semasa pembersihannya. Kebanyakan kontraktor menggunakan racun dan tidak mengangkat rumput-rumput ataupun keladi bunting yang ada. Memanglah bersih dan seronok mata melihat iaitu ketika ombak kecil beralun di kala air penuh, tetapi apa jadi semasa parit kering? Barulah nampak ceteknya parit tersebut. Diharap suatu tindakan tegas mestilah diambil terhadap kontraktor sedemikian. Bukan setakat itu sahaja, kekerapannya juga perlu ditambah daripada empat ke enam kali setahun. Juga, tidak cukup dengan kekerapan, patut juga dinaikkan kadar bayaran daripada 35 sen semeter kepada 50 sen.

Tuan Yang di-Pertua, keduanya iaitu mengkaji semula sistem perparitan dan juga saluran agar ianya benar-benar berfungsi. Buat masa kini, seperti di Kampung Seri Makmur di

Blok D didapati air tidak mengalir disebabkan pintu air berada di paras lebih tinggi daripada tanah. Amatlah sedih dan kasihan kerana kadang-kadang sehingga dua atau tiga kali para petani menabur benih tetapi tidak menjadi kerana benih tersebut terendam dan tidak hairanlah beberapa keping atau petak bendang tidak diusahakan. Ada juga di sesetengah tempat seperti di Parit Haji Amin, Parit Haji Ali di Kuala Kurau, Parit Ali Kalang tidak dapat ditanam dengan padi dan telah pun ditukarkan dengan tanaman kelapa sawit. Perkara demikian telah berlaku disebabkan oleh ketiadaan air yang mencukupi.

Malah, baru-baru ini berlakunya kekeringan di Parit Gabis dan telah dinafikan oleh pegawai JPS semasa Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah di Lake Town, Bukit Merah. Perkara tersebut hanya diakui apabila berita tersebut dilaporkan di akhbar *Sinar*. Ada setengah-setengah petani merancang akan menukarkan kepada tanaman kelapa sawit sahaja. Jadi nampaknya di setengah-setengah tempat, ada tempat yang saya nyatakan tadi mempunyai banyak air manakala di tempat lain pula tiada air. Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya satu kajian menyeluruh perlu diadakan untuk mengatasi bekalan air kepada petani.

Perkara ketiga, bukan itu sahaja, perusahaan ikan arowana juga mengancam industri padi kerana seluas lebih kurang 100 ekar akan digazet sebagai kawasan zon ikan arowana yang terletak di sekitar Tasik Bukit Merah terutamanya di Lubuk Pancor. Bukan setakat pengurangan kawasan jelapang padi, ianya juga mengganggu gugat penggunaan bekalan air ke sawah walaupun pihak JPS telah menafikan perusahaan ikan arowana ini tidak mengganggu air kepada pesawah. Mana tidaknya, pada masa kini, pengusaha ikan arowana tersebut tidak mengitar semula air tersebut dan ianya terus dialirkan ke sungai. Bayangkan berapa banyak air yang dibuang ke sungai setiap minit oleh mereka. Macam mana mereka mengatakan tidak menjejaskan petani? Pengusaha ikan arowana sewenang-wenangnya menggunakan air kerana air tersebut tidak dikenakan sebarang caj.

Saya semenjak 2008 lagi semasa Mesyuarat Majlis Tindakan Daerah Kerian telah pun mencadangkan kepada pihak JPS agar memasang meter untuk setiap pengusaha. Sehingga kini, cadangan tersebut tidak langsung dilaksanakan dan kita perhatikan bahawa pengusaha-pengusaha ikan arowana ini mengaut keuntungan ribuan ringgit. Alangkah ruginya kerajaan kehilangan hasil.

Selain daripada itu juga, saya ingin menyentuh tentang pemberian subsidi padi kepada para petani adalah merupakan satu pelaburan yang sangat baik kepada ekonomi negara di samping meningkatkan taraf ekonomi rakyat. Akan tetapi, apa yang saya ragukan sedikit mengenai dengan budaya *one-off* pemberian subsidi di mana akan mewujudkan satu sindrom kebergantungan yang tidak sihat di kalangan rakyat. Peruntukan *one-off* benar-benar menggunakan pendekatan memberi ikan bukannya memberi pancing. Kesan jangka panjangnya ialah apabila rakyat terlalu bergantung kepada bantuan dan sikap berpuas hati dengan menerima bantuan wang tunai menjadi budaya yang membunuh daya usaha. Oleh

yang demikian, kerajaan patutlah kita memikirkan supaya kesejahteraan rakyat dalam jangka masa panjang tetapi memuaskan kehendak yang singkat namun memaksa nasib generasi akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memperkasakan pendidikan dan latihan, ingin saya menyentuh berhubung dengan sektor perguruan itu sendiri. Saya melihat daripada dua aspek iaitu pertama, daripada segi P&P dan keduanya ialah aspek pengurusan. Dalam membincangkan P&P (Pengajaran dan Penyampaian), ia merupakan matlamat seorang guru. Oleh yang demikian, ianya mestilah sentiasa melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan teknologi semasa. Jadi, peluang-peluang untuk meningkatkan profesionalisme melalui kursus atau melanjutkan pelajaran mestilah diberikan peluang seluas-luasnya.

Selain itu juga, kebajikan mereka iaitu guru perlulah dipertimbangkan terutamanya masalah keluarga dalam kategori PJJ iaitu 'Pamili Jarak Jauh'. Dalam satu keadaan, seorang isteri bertugas di Kanowit manakala suaminya pula bertugas sebagai seorang tentera laut di Pangkalan Lumut dan berjauhan daripada suami dan juga anak. Saya telah difahamkan bahawa si isteri telah memohon beberapa kali dan permohonan beliau tidak dilayani. Jadi, si isteri terpaksa balik untuk melihat anak dan suami. Begitu juga dengan kes yang baru berlaku iaitu di Sekolah Menengah Sains Bagan Dato' di mana...

#### ■1930

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, boleh habiskan dalam masa 10 hingga 15 minit.

**Tuan Mohsin Fadzli Samsuri [Bagan Serai]:** Okey, okey *insya-Allah*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik.

**Tuan Mohsin Fadzli Samsuri [Bagan Serai]:** ...Di mana seorang guru wanita telah meninggal dengan penuh tragis di mana anak kecil menangis sambil menyondol-nyondol ibu yang telah pun meninggal. Adalah difahamkan mereka ini tidak tinggal bersekali sebab suaminya bertugas di Johor. Kalaulah begini keadaannya dengan mengetepikan keutamaan keluarga, bagaimana seorang guru boleh menumpukan perhatian terhadap pengajaran yang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, aspek kedua ialah dari segi pengurusan. Untuk memastikan KPI profesion perguruan mencapai mutu yang tinggi, kita mestilah meningkatkan sistem pengurusan yang baik dari peringkat sekolah lagi sama ada rendah atau menengah, bandar atau luar bandar, pejabat pendidikan daerah, pejabat pelajaran negeri atau bahagian-bahagian di Kementerian Pelajaran. Sama ada guru besar di peringkat sekolah rendah, pengetua di sekolah menengah, pengarah di Pejabat Pelajaran Daerah, Negeri atau bahagian mestilah menumpukan perhatian yang serius dalam hal mentadbirkan organisasi masing-masing dengan cekap dan efisien.

Semua mereka mestilah mahir dalam pengurusan pentadbiran dan kewangan supaya tidak tersalah urus dan cuai dalam menjalankan tugas harian. Ini kerana ketidakcekapan pihak sekolah, PPD, pejabat negeri, maka berlakulah kes seorang guru yang menghadapi kemurungan iaitu *deep depression* pada tahun 1998 telah diberikan cuti tanpa gaji selama enam bulan dan selepas itu telah dipencenkan. *Alhamdulillah* pada tahun 2011, guru tersebut disahkan oleh doktor yang ianya telah normal dan memohon semula untuk berkhidmat.

Mengikut senarionya, beliau telah dipencenkan pada tahun 1993 dan tidak mendapat sebarang bayaran pencen. Mengikut rekod bahagian pencen pula, tiada terdapat nama beliau. Ini merupakan salah satu bentuk kecuai pihak pentadbiran sekolah, PPD dan juga PPN. Oleh yang demikian, diharap kementerian dapat mengadakan kursus pendedahan yang mencukupi untuk mengendalikan dan menguruskan organisasi dan jangan lupa pendedahan kepada setiap orang guru supaya mereka mengetahui hak dan tanggungjawab dalam profesion.

Selain daripada itu juga, saya ingin menyentuh tentang penempatan siswazah baru lepasan pada tahun lepas di dalam kursus bidang bahasa Arab dan juga pendidikan Islam dari IBDA di Kedah iaitu dengan seramai 20 orang, penempatan mereka di Sarawak, sedih. Mereka ditempatkan di sekolah-sekolah biasa di mana pengetahuan bahasa Arab tidak langsung dipraktikkan, walhal guru bahasa Arab masih berkurangan di Semenanjung. Kita mengetahui bahawa kursus tersebut memang susah dan sukar hendak diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi isu mengenai dengan SKM iaitu Sekolah Kurang Murid. Saya mendapati banyak pembaziran kewangan telah berlaku di mana sekolah-sekolah tersebut mempunyai pelajar yang kurang daripada apa yang diperhatikan. Sebagai contoh, saya berikan di sini dua contoh iaitu sekolah kurang murid. Hendak sebut sekolah ini takut juga tahu. Sekolah ini iaitu Sekolah SJK(C) - Tahun 1, tiga orang; Tahun 2, dua orang; Tahun 3, satu orang; Tahun 4, tiga orang; Tahun 5, enam orang; dan Tahun 6, dua orang. Jumlah 17 orang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Guru berapa orang Yang Berhormat?

**Tuan Mohsin Fadzli Samsuri [Bagan Serai]:** Guru 11 orang. Oh, hebat. Sedangkan satu sekolah kebangsaan: Tahun 1 - 16 orang; Tahun 2 - 14 orang; Tahun 3 - 20 orang; Tahun 4 - 10 orang; Tahun 5 - 18 orang; dan Tahun 6 - 22 orang. Jumlahnya ialah 120 orang. Cikgu dia adalah 19 orang.

Manakala satu lagi sekolah Tamil Tuan Yang di-Pertua hendak tahu, Tahun 1 - seorang; Tahun 2 - 4 orang; Tahun 3 - 5 orang; Tahun 4 - 2 orang; Tahun 5 - 3 orang; dan Tahun 6 - 2 orang. Jumlahnya 17 orang. Guru 8 orang. Sokongan tiap-tiap satu sekolah, seorang, dan juga sekolah kebangsaan ini tiga.

Dari data yang diberikan di atas, bagaimanakah pembaziran tenaga manusia dan juga kewangan kerana jumlah dengan tenaga seramai 19 orang, dengan 120 murid lebih menjimatkan jika dicantumkan dua buah sekolah tersebut yang hanya mempunyai 17 orang

pelajar setiap sekolah. Sebenarnya banyak kebaikan dan kelebihan yang akan dinikmati seperti murid akan belajar dengan lebih seronok, dengan semangat berlumba-lumba manakala guru pula lebih semangat dengan penuh cabaran. Saya cadangkan supaya sekolah kurang murid ini dicantumkan sama ada dengan dihantar ke sekolah-sekolah berdekatan atau berhampiran atau pun menyediakan asrama yang telah saya cadangkan pada masa yang lalu. Sebenarnya sekolah-sekolah ini memang ada melalui dengan sekolah kebangsaan pun ada dan juga hendak dan dibuatkan dengan sekolah yang berasingan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kini ICT digunakan di pelbagai bidang baik dari tadika hinggalah ke menara gading. Kita perlu ingat sejauh manakah pelajar-pelajar dapat mengaksesnya iaitu bestari net seperti bestari net terutamanya mereka yang di pedalaman yang tidak sampai jalur lebar dan internet. Jadi, nampaknya mereka di luar bandar akan ketinggalan. Maka, jurang pelajar di bandar dan luar bandar makin luas. Jika demikian, sejauh manakah pendeklamasian pendidikan berlaku. Kita jangan lupa dan meminggirkan peranan suatu ketika dahulu yang dimainkan oleh bahagian teknologi pendidikan dengan rancangan radio dan TV pendidikan yang banyak memberikan kemanfaatan kepada pelajar sebagaimana yang kita ketahui TV dan radio Malaysia dapat diikuti dengan liputan yang lebih meluas jika dibandingkan dengan internet yang terhad.

Saya masih ingat jasa yang telah diberikan oleh radio dan TV pendidikan pada tahun 1969 yang lalu dalam mana radio pendidikan jam 2 petang menyiarkan kuliah ekonomi oleh pensyarah iaitu sekarang ini Yang Berhormat Kuala Kangsar. Bukan setakat ekonomi, malah mata pelajaran lain seperti sejarah, kertas am juga dipancarkan. Banyak kawan-kawan yang telah berjaya dalam peperiksaan STPM. Terima kasih kepada RTM dan jasa mu tetap dikenang. Oleh yang demikian, Kementerian Pelajaran perlulah menimbangkan semula dan mengambil perhatian serius peranan yang telah dimainkan oleh RTM sebagai salah satu penyumbang kejayaan pelajar.

Dalam pada itu, walaupun sekolah-sekolah telah dibekalkan dengan komputer dan peralatan yang canggih, sungguh malang kira-kira 20% hingga ke 50% peralatan-peralatan bernilai RM500 juta untuk Projek Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris di antara 2003 dan 2008 tidak dapat digunakan lagi. Kenapa berlaku demikian? Ia adalah kerana kekurangan penyelenggaraan dan kelemahan pentadbiran menyebabkan banyak peralatan teknologi maklumat dan komunikasi yang dibekalkan ke sekolah tidak dapat dimanfaatkan. Oleh yang demikian, saya harapkanlah supaya pihak kementerian mengambil perhatian serius tentang pembaikan semua sekali. Jadi setakat itulah saya rasa, untuk yang penting untuk saya bincangkan pada hari ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Silam.

**7.40 mlm.**

**Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sambung esok Yang Berhormat.

**Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu 3 Oktober 2012.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.40 malam]***